

KEUNGGULAN PENGARANG DALAM MENGANGKAT UNSUR
PENDIDIKAN SASTERA MENERUSI KOLEKSI CERPEN TERPILIH KOMSAS:
SATU PENELITIAN TEKSDEALISME

NUR HAMIZAH BINTI MOHAMAD YACOB

NAMA PENYELIA

TS. DR. MOHD SAIPUDDIN BIN SULIMAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN

2024

**KEUNGGULAN PENGARANG DALAM MENGANGKAT UNSUR
PENDIDIKAN SASTERA MENERUSI KOLEKSI CERPEN TERPILIH
KOMSAS: SATU PENELITIAN TEKSDEALISME**

Oleh

NUR HAMIZAH BINTI MOHAMAD YACOB

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA



SEKATAN



SULIT



TERHAD

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan



Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: Nur Hamizah binti
Mohamad Yacob
No. Kad Pengenalan : 001028060262
Tarikh : 26 Februari 2022

Nama Penyelia: Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman
Tarikh : 26 Februari 2024

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa syukur, saya ingin mengucapkan Alhamdulillah kepada Allah SWT Yang Maha Esa atas limpah kurnia-Nya. Projek Penyelidikan ini telah dapat saya selesaikan dengan jayanya berkat bantuan dan rahmat-Nya, walau pelbagai cabaran dan rintangan yang saya tempuh. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ts.Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman, selaku penyelia saya dan di atas sokongan, kesabaran, nasihat juga bimbingan yang diberikan telah banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Beliau telah memberikan sokongan yang tidak terhingga dalam penghasilan tesis ini. Saya merasakan diri saya beruntung kerana dapat belajar dari kebijaksanaan dan pengalaman beliau yang telah membentuk saya sebagai seorang penyelidik yang cekap.

Seiring itu, tidak dapat saya lupakan sokongan yang diberikan oleh keluarga saya sepanjang perjalanan Projek Penyelidikan ini. Dorongan dan semangat yang mereka berikan amat berharga bagi saya. Ibu dan ayah saya adalah sumber inspirasi utama saya dan mereka telah mengorbankan masa serta tenaga demi membantu saya menyelesaikan tugas ini. Saya menghargai setiap pengorbanan yang mereka lakukan dan saya sedari bahawa tanpa sokongan mereka, saya tidak akan dapat mencapai tahap yang saya harapkan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah memberikan sokongan moral dan tenaga semasa menjalankan kajian ini. Pertolongan berharga yang mereka berikan telah membantu saya melangkah ke hadapan. Akhir sekali, kepada semua yang telah memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan dalam penulisan tesis ini, saya mengucapkan terima kasih. Harapan saya agar hasil penyelidikan dan tesis ini akan memberi manfaat kepada generasi masa depan dalam meniti ilmu yang bermanfaat.

Nur Hamizah binti Mohamad Yacob

Kampung Labu, Seremban,

71900, Negeri Sembilan

No. Tel : 017-6775368

Email : c20a1623@siswa.umk.edu.my

**KEUNGGULAN PENGARANG DALAM MENGANGKAT UNSUR
PENDIDIKANSASTERA MENERUSI KOLEKSI CERPEN TERPILIH
KOMSAS: SATU PENELITIAN
TEKSDEALISME**

ABSTRAK

Teori Teksdealisme boleh menjadi rujukan atau panduan kepada pengarang dalam menghasilkan sebuah karya yang bermutu dan dapat meingkatkan karya sastera tempatan ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera menerusi koleksi cerpen terpilih KOMSAS berdasarkan teori Teksdealisme. Pengkaji telah memilih enam jenis cerpen berdasarkan KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 iaitu *Cerpen ‘Kaduk, Ayam, dan Raja*, *Cerpen Munsyi* , *Cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Instanbul’* ,*Cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawwakil’*, *Cerpen ‘Hipertensi’* dan *Cerpen ‘Gerhana Manusia’*. Terdapat dua objektif di dalam kajian ini iaitu mengenal pasti bagaimana seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dan menyenaraikan nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks KOMSAS berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu dari segi membaca, menafsir, menganalisis, mengenal pasti kajian yang sedang dijalankan dengan menumpukan kepada objektif kajian supaya kerja menganalisis keunggulan pengarang pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera menerusi koleksi cerpen terpilih KOMSAS berdasarkan teori Teksdealisme berada di landasan yang betul. Pengkaji berharap agar kajian baru ini dapat menjadi salah satu pemangkin kepada pengkaji baru walaupun kajian tersebut dalam bentuk perspektif yang berbeza.

Kata Kunci : *Teori Teksdealisme, KOMSAS, Pendidikan, Cerpen, Tingkatan 4 dan Tingkatan , Keunggulan Pengarang, Falsafah Pendidikan Negara.*

**AUTHOR'S EXCELLENCE IN RAISING ELEMENTS OF LITERATURE
EDUCATION THROUGH KOMSAS SELECTED SHORT STORIES
COLLECTION: A STUDY OF TEXT DEALISM**

ABSTRACT

The theory of textualism can be a reference or guide to the author in producing a good work and can raise the work of local literature to a higher level. The study aims to analyze the author's excellence in disturbing the element of literary education through the collection of selected KOMSAS cerpen based on the theory of Texdealism. The researchers have selected six types of cerpen based on level 4 and level 5 of KOMSAS: 'Kaduk, Chicken, and King' Cerpen, 'Munsyi Cerpen', 'Kijang Skin Jacket from Istanbul', 'Ahmad Mutawwakil' Love Cerpen' Hypertension Cerpen and 'Human Extinction Cerpen'. There are two objectives in this study, namely identifying how an author uses the principles of presence, violation and consolidation in Level 4 and Level 5 COMSAS and listing the educational values contained in the text of KOMSAS based on the National Philosophy of Education. The researcher uses qualitative methods in terms of reading, interpreting, analysing, identifying the ongoing research with a focus on the objectives of the study so that the work of analyzing the author's excellence in disturbing the element of literary education through the collection of selected cerpen KOMSAS based on the theory of Texdealism is on the right track. The researchers hope that this new study can be one of the prospects for a new researcher even though the study is in a different form of perspective.

Keywords: *Teksdealisme Theory, KOMSAS, Education, Cerpen, Level 4 and Level 5, Author's Excellence, National Education Philosophy.*

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	3
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.6.1 Wadah Pengajaran	7
1.6.2 Pelajar	7
1.6.3 Rujukan Pengkaji	8
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	9
1.9 Organisasi Kajian	9
1.10 Kesimpulan	12
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian Berkaitan Tokoh	13
2.3 Kajian Sarjana Lain Mengenai Kajian Cerpen dan Puisi	18
2.4 Kajian Sarjana Lain Tentang Teori Pilihan Teksdealisme	23
2.5 Kajian Bidang Lain	40
2.6 Kesimpulan	45

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Kaedah Kajian	48
3.3.1	Kaedah Kepustakaan	48
3.3.2	Kaedah Analisis Tekstual	49
3.3.3	Sumber Internet	50
3.4	Teori Teksdealisme	50
3.4.1	Sejarah Ringkas Teori Teksdealisme	50
3.4.2	Prinsip Teori Teksdealisme	51
3.4.3	Kaedah Pengaplikasian Teori	52
3.5	Kerangka Teori	53
3.6	Kesimpulan	54

BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	55
4.2	Menghuraikan Bagaimana Seseorang Pengarang Memanfaatkan Prinsip Kehadiran, Pelanggaran dan Pengukuhan di dalam Koleksi Cerpen KOMSAS Menerusi Pengaplikasian Teori Teksdealisme.	56
4.2.1	Prinsip Kehadiran	56
4.2.1.1	Kehadiran Pengalaman	57
4.2.1.2	Pembinaan Perwatakan	59
4.2.2	Prinsip Pelanggaran	62
4.2.3	Prinsip Pengukuhan	63
4.2.3.1	Penceritaan yang Berkesan	63
4.2.3.2	Penggunaan Bahasa Puitis	64

4.3 Pengenal Pastian Nilai Pendidikan di dalam Teks KOMSAS Berdasarkan Penganalisisan Prinsip Individualisme.	66
4.3.1 Nilai Jasmani	67
4.3.1.1 Keberanian	67
4.3.1.2 Kegigihan	68
4.3.2 Nilai Emosi	70
4.3.2.1 Kemanusiaan	70
4.3.2.2 Kasih Sayang	72
4.3.3 Nilai Rohani	73
4.3.3.1 Baik Hati	74
4.3.3.2 Ketaatan Kepada Agama	75
4.3.4 Nilai Intelek	77
4.3.4.1 Kebijaksanaan	77
4.3.4.2 Rasional	79
4.4 Dapatan Kajian Pengarang Memanfaatkan Prinsip Teori Teksdealisme di dalam Koleksi Cerpen KOMSAS	81
4.4.1 Prinsip Kehadiran	
4.4.1.1 Kehadiran Pengalaman	81
4.4.1.2 Pembinaan Perwatakan	81
4.4.2 Prinsip Pelanggaran	83
4.4.3 Prinsip Pengukuhan	83
4.4.3.1 Penceritaan yang Berkesan	84
4.4.3.2 Penggunaan Bahasa Puitis	84
4.5 Dapatan Kajian Nilai Pendidikan di dalam Teks KOMSAS Berdasarkan Penganalisisan Prinsip Individualisme	85
4.5.1 Nilai Jasmani	85
4.5.1.1 Keberanian	86
4.5.1.2 Kegigihan	86
4.5.2 Nilai Emosi	87

4.5.2.1	Kemanusiaan	87
4.5.2.2	Kasih Sayang	88
4.5.3	Nilai Rohani	89
4.5.3.1	Baik Hati	89
4.5.3.2	Ketaatan Kepada Agama	90
4.5.4	Nilai Intelek	91
4.5.4.1	Kebijaksanaan	91
4.5.4.2	Rasional	92
4.6	Kesimpulan	93

BAB 5: KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	94
5.2	Rumusan Kajian	94
5.3	Implikasi Kajian	96
5.4	Cadangan Daripada Hasil Kajian	97
5.4.1	Cadangan Kepada Orang Awam	97
5.4.2	Cadangan Kepada Pihak Kerajaan	98
5.4.3	Cadangan Kepada Industri	98
5.4.4	Cadangan Kepada Pengkaji Lain	99
5.5	Kesimpulan	100

RUJUKAN

102

LAMPIRAN

107

SENARAI RAJAH

KANDUNGAN	HALAMAN
Rajah 3.1 Kaedah Analisis Tekstual	49
Rajah 3.2 Kerangka Teoritikal	53
Rajah 4.1 Aspek JERI	55
Rajah 4.2 Teori Teksdealisme	56
Rajah 4.3 Teori Teksdealisme	66

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI JADUAL

KANDUNGAN	HALAMAN
Jadual 4.1 Kehadiran Konflik	57
Jadual 4.2 Kehadiran Konflik	58
Jadual 4.3 Kehadiran Konflik	58
Jadual 4.4 : Pembinaan Perwatakan	59
Jadual 4.5: Pembinaan Perwatakan	60
Jadual 4.6 : Pelanggaran Karya	62
Jadual 4.7 : Perbandingan Karya	63
Jadual 4.8 : Penggunaan Bahasa Puitis	64
Jadual 4.9 : Aspek Keberanian	67
Jadual 4.10 : Aspek Kegigihan	69
Jadual 4.11 : Aspek Kemanusiaan	71
Jadual 4.12 : Aspek Kasih Sayang	72
Jadual 4.13 : Aspek Baik Hati	74
Jadual 4.14: Aspek Ketaatan Kepada Agama	76
Jadual 4.15 : Aspek Kebijaksanaan	77
Jadual 4.16 : Aspek Rasional	79

BAB 1

PENGENALAN


1.1 Pengenalan

Komponen sastera (KOMSAS) dalam subjek Bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di semua sekolah menengah. KOMSAS mengandungi unsur-unsur sastera yang dapat menjadi wadah fikiran kepada pelajar dalam membina jati diri dan modal insan yang berguna. Karya kesusasteraan yang terdapat di dalam KOMSAS seperti isu dan mesej yang berkaitan dengan perihal masyarakat dan nilai-nilai kehidupan dapat menjadi qudwah kepada pelajar dalam memahami dan menghayati perasaan individu lain secara kreatif dan kritis. Abdul Rashid, Shamsuddin dan Norliza (2012) membincangkan bahawa KOMSAS memberi impak dalam percambahan idea dan dapat memotivasi pelajar dalam penulisan.

Samat Buang (2004) menjelaskan KOMSAS juga salah satu inovasi di dalam sektor pendidikan Bahasa Melayu. KOMSAS mempunyai bahan asas sastera seperti cerpen, drama, prosa tradisional, puisi moden, puisi tradisional iaitu pantun, syair, gurindam seloka dan bahasa berirama. Melalui penerapan KOMSAS dalam pendidikan dapat memberikan unsur pendidikan kepada pelajar. Hal ini juga dapat meningkatkan kemahiran dan kecerdasan pemikiran pelajar dalam pembelajaran. Penerapan KOMSAS dalam sektor pendidikan juga dilaksanakan kepada pelajar mengikut peringkat.

Teori Teksdealisme merupakan teori yang menyarankan bahawa dalam mencapai tahap keunggulan sesebuah teks haruslah mempunyai hasrat dalam seseorang pengarang. Dalam mencapai tahap keunggulan, seseorang pengarang seharusnya berani dan bijaksana dalam memaparkan satu idea baru dan melakukan inovasi serta pembaharuan di dalam karya sastera. Mana Sikana (2006) menyatakan seseorang pengarang haruslah mencapai tahap keunggulan yang mempunyai nilai, bermakna yang tinggi dan cemerlang agar mampu bertahan dalam peredaran masa dan zaman. Selain itu, teori ini juga menggalakkan pengarang untuk bergerak dalam landasan ilmuan dalam menghasilkan sesebuah karya sastera. Pencapaian seseorang pengarang dalam menghasilkan sebuah karya yang unggul dapat memberikan inovasi kepada khalayak dan dapat meningkatkan karya sastera tempatan ke peringkat yang lebih tinggi.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) adalah sebuah dasar pendidikan yang telah dipraktikkan di negara Malaysia dan digubal pada tahun 1988 oleh pakar-pakar pendidikan. FPN merupakan aktiviti pendidikan yang dilaksanakan bagi mencapai intipati dan tujuan utama dalam melahirkan masyarakat yang seimbang sama ada dari segi jasmani, mental, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Menurut Sharifah Alawiah Alsagof (1984) menjelaskan falsafah sebagai suatu pemikiran atau pandangan yang benar, rasional dan bernalas. FPN merupakan salah satu usaha Malaysia dalam memperkembangkan potensi individu dengan lebih bersepdua dan mewujudkan insan yang harmoni serta seimbang dari pelbagai aspek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Hal ini juga, bagi melahirkan generasi Malaysia yang berilmu pengetahuan, berkaliber, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan dapat mencapai kesejahteraan diri dalam memberi sumbangan kepada kemakmuran keharmonian masyarakat dan negara.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 LATAR BELAKANG

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menyenaraikan keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 berdasarkan penelitian teori Teksdealisme. Pengkaji juga mendapati bahawa tajuk kajian ini kurang dikaji oleh mana-mana pengkaji berdasarkan hasil sorotan kajian lepas. KOMSAS merupakan suatu pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan di dalam sektor pendidikan melalui subjek Bahasa Melayu. Teksdealisme merupakan usaha untuk mengukuhkan karya sastera Melayu ke arah yang lebih maju dan dinamik. Teksdealisme juga boleh dijadikan sebagai jalan alternatif yang sesuai untuk mencipta karya dalam kesusasteraan Melayu.

Manu Sikana (2011) menjelaskan bahawa teori Teksdealisme dapat meningkatkan mutu sesebuah karya sastera Melayu dengan penulisan yang lebih kreatif mengikut peredaran zaman. Dalam penghasilan sesebuah karya sastera, seseorang pengarang boleh menjelmakan semula teks-teks yang sedia ada, idea dan pengalaman kepengarangan dalam bentuk baru yang penuh dengan keaslian dan daya tarikan. Tanpa merujuk kaedah penulisan baru, seseorang pengarang akan ketinggalan zaman untuk berkarya dalam dunia pascamoden.

Kajian ini menggunakan penelitian teori Teksdealisme untuk melihat keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5. Teori Teksdealisme boleh menjadi rujukan atau panduan kepada pengarang dalam menghasilkan sebuah karya yang bermutu. Dalam menghasilkan unsur pendidikan, seseorang pengarang haruslah memastikan karyanya dapat difahami dan lengkap untuk pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 dalam pembelajaran. Menurut Ariff Mohamad (2015) KOMSAS merupakan sesebuah karya sastera yang kreatif bersifat pengajaran, dakwah dan pesan kepada pembaca.

KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 merupakan salah satu pelaksanaan dalam mendedahkan pelajar dalam penulisan kerana KOMSAS merupakan salah satu bahan sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. KOMSAS juga dijadikan sebagai bahan wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah di Malaysia. KOMSAS juga bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran berbahasa pelajar dari segi penulisan, pendengaran dan pertuturan. Hal ini juga, mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek asas dalam memahami jenis-jenis sastera seperti mengenali jenis cerpen, novel, prosa tradisional, puisi moden dan puisi tradisional. Memahami istilah kesusasteraan dalam novel, prosa tradisional dan binaan serta teknik plot. Seterusnya, dapat menilai pengajaran, nilai kemanusiaan, kemasyarakatan, gaya bahasa, unsur bunyi dan nada.

Kajian ini menggunakan buku *KOMSAS tingkatan 4 (2014) dan tingkatan 5 (2015)* iaitu terbitan SASBADI SDN.BHD. Kedua-dua buku ini mengandungi unsur-unsur pendidikan sastera seperti novel, cerpen, gurindam, antologi, peribahasa, prosa, sajak dan sebagainya. Kandungan buku KOMSAS ini juga mengemukakan kaedah dalam pembelajaran dan pengajaran pendidikan dalam bidang sastera dengan lebih jelas, menarik dan mudah difahami dengan melihat kepada kaedah pendekatan kajian naratif melalui kandungan yang terdapat di dalam KOMSAS melalui teori Teksdealisme.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pengajaran KOMSAS dalam pembelajaran Bahasa Melayu merupakan pengajaran yang dapat meningkatkan dan mengukuhkan kemahiran berbahasa malah membolehkan pelajar memperoleh nilai-nilai yang terdapat di dalam KOMSAS melalui pembacaan dan penghayatan terhadap karya kesusasteraan Melayu. Permasalahan kajian bagi kajian ini dinyatakan secara terperinci dalam subtopik masing-masing seperti berikut.

Dapat dilihat, permasalahan kajian yang dapat dikesan ialah KOMSAS mengangkat unsur sastera. Tetapi bagaimana keunggulan pengarang dapat diketengahkan melalui unsur pendidikan. Berdasarkan pendapat Mana Sikana (1996) individualisme ini dapat merumuskan jati diri seseorang pengarang melalui persoalan ataupun subjek yang disampaikan oleh pengarang melalui karyanya. Hal ini juga, seseorang pengarang yang unggul dapat menyampaikan unsur pendidikan yang lebih berkesan dengan pengalaman dan pengetahuannya sendiri melalui karya dengan sempurna. Melalui kajian ini, pengkaji akan melihat dari aspek individualisme berdasarkan teori Teksdealisme daripada sudut stail individu, rekacipta individu, kedirian individu dan tindakan individu yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan KOMSAS.

Pengkaji ingin mengkaji sejauh manakah teori Teksdealisme mampu mengangkat keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan dalam KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5. Hal ini kerana, teori Teksdealisme merupakan salah satu wadah yang boleh dijadikan panduan kepada pengarang dalam menghasilkan teks yang unggul, sempurna dan lengkap agar karya yang dihasilkannya dapat difahami oleh pembaca. Oleh itu, pengaplikasian teori Teksdealisme dalam KOMSAS dapat memudahkan pelajar dan pengajar untuk memahami nilai yang terdapat di dalam KOMSAS dalam pendidikan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan yang ingin dikaji oleh pengkaji mengenai tajuk kajian ini dengan lebih mendalam iaitu:

- 1.4.1** Bagaimanakah seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menerusi pengaplikasian teori Teksdealisme?
- 1.4.2** Apakah nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks KOMSAS berdasarkan penganalisisan prinsip individualisme?

1.5 OBJEKTIF

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk memenuhi objektif-objektif kajian yang berikut:

- 1.5.1** Mengenal pasti bagaimana seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menerusi pengaplikasian teori Teksdealisme.
- 1.5.2** Menyenaraikan nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks KOMSAS berdasarkan penganalisisan prinsip individualisme.



1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat beberapa sebab yang menjadikan kajian ini sangat bermanfaat dan boleh digunakan untuk masyarakat pada masa kini. Kajian ini dapat memberikan sumbangan dan rujukan kepada pengkaji lain dalam mengenal pasti bagaimana seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Selain itu, kajian ini juga dapat menyatakan nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks KOMSAS berdasarkan penganalisisan prinsip individualisme di dalam teori Teksdealisme agar masyarakat lebih mengetahui kepentingan KOMSAS kepada generasi muda.

1.6.1 Wadah Pengajaran

Kepentingan kajian ini dikaji adalah untuk memaparkan KOMSAS sebagai wadah yang boleh digunakan dalam pengajaran guru kepada pelajar. Hal ini kerana, KOMSAS mempunyai unsur-unsur pendidikan yang boleh diaplikasikan kepada pelajar dengan tepat dan lengkap. Penggunaan buku KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu dapat mendedahkan pelajar kepada jenis-jenis sastera yang terdapat di dalam buku KOMSAS dengan lebih mudah dan dapat difahami. Kandungan KOMSAS yang lengkap dan sempurna seperti mengandungi cerpen, gurindam, sajak, antologi dan sebagainya dapat membantu pengajar dalam mengajari subjek Bahasa Melayu dengan lebih sempurna dan sistematik. Oleh itu, dapat dilihat, KOMSAS dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada guru untuk mengaplikasikannya dalam pengajaran.

1.6.2 Pelajar

Selain itu, kepentingan kajian ini juga tertumpu kepada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dalam pembelajaran sastera. Pendidikan sastera amat membantu pelajar dalam membuat tafsiran, analisis, rumusan dan penilaian serta pendapat dalam membaca sesuatu bahan atau menjawab persoalan. Peranan KOMSAS dalam pendidikan dapat membantu pelajar dalam meningkatkan daya pemikiran yang lebih analitik dan kritis dalam memenuhi kaedah menjawab yang lebih mantap. Kandungan KOMSAS yang mementingkan gaya bahasa seperti bahasa yang puitis, jelas dan kemas dapat memenuhi keperluan pelajar untuk memahami makna tersirat dan tersurat dalam aspek KOMSAS agar dapat memahami pengajaran dan pembelajaran oleh guru dan sekolah.

1.6.3 Rujukan Pengkaji

Seterusnya, kepentingan kajian di peringkat pengajian tinggi kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji lain dalam membuat kajian berdasarkan tajuk ini. Hal ini kerana, pendidikan KOMSAS merupakan komponen terpenting dalam Bahasa Melayu kerana mengandungi bahan sastera yang dapat mendedahkan pelajar dan generasi baru kepada asas pendidikan sastera. Hal ini juga, dapat dilihat dari sudut pengarang melalui teori Teksdealisme yang menggarapkan kandungan teks yang sempurna dan unggul. Pengarang KOMSAS menerapkan nilai-nilai yang terdapat di dalam KOMSAS untuk dijadikan bahan pendidikan kepada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Melalui teori ini juga, pengarang menerapkan kaedah penulisan teks yang sempurna dan lengkap untuk diaplikasikan dalam pendidikan.

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian yang terdapat di dalam kajian ini ialah pengkaji hanya mengkaji KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sahaja iaitu cerpen dan puisi yang terdapat di dalam KOMSAS kerana kekangan masa. Justeru, novel yang terdapat di dalam KOMSAS tidak akan dikaji. Pengkaji akan menganalisis tiga jenis cerpen iaitu *Cerpen ‘Kaduk, Ayam, dan Raja, Cerpen Munsyi’ dan Cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’* di dalam KOMSAS tingkatan 4. Selain itu, bagi KOMSAS tingkatan 5 pengkaji akan menganalisis tiga jenis cerpen iaitu *Cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawwakil’, Cerpen ‘Hipertensi’ dan Cerpen ‘Gerhana Manusia’*.

Dalam bahan kajian ini, tema yang dipaparkan adalah sangat universal iaitu tema pendidikan bagi tingkatan 4 dan tingkatan 5 sahaja. Selain itu, kajian ini hanya mendasari persoalan yang telah ditetapkan. Pengkaji tidak menyentuh hal-hal sensitif yang terdapat di dalam buku KOMSAS agar tidak menimbulkan sebarang kesalah fahaman kepada pembaca seperti isu politik, jenayah dan sebagainya.

Kajian ini akan diteliti dengan mengumpul data dan menganalisis kandungan data yang diperolehi. Oleh itu, Pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu pendekatan kajian naratif. Pengkaji akan mengkaji teks di dalam kajian ini. Kajian di perpustakaan ini terdiri daripada mencari, memilih dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan subjek kajian khususnya berkaitan teori Teksdealisme. Kajian ini dilakukan berdasarkan dua pemilihan buku KOMSAS Tingkatan 4 (2014) dan Tingkatan 5 (2015) iaitu terbitan SASBADI SDN.BHD.

Analisis deskriptif digunakan dalam menganalisis statistik data melalui kedua-dua buku KOMSAS yang dikaji.

Selain itu, teori yang digunakan oleh pengkaji ialah teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana pada akhir tahun 1980-an di Malaysia. Teori yang digunakan pengkaji juga mempunyai skop di dalam kajian ini iaitu penggunaan teori sebagai landasan kajian. Pengkaji juga ingin melihat keunggulan pengarang melalui teori Teksdealisme. Hal ini kerana, teori Teksdealisme merupakan teori yang boleh diaplikasikan oleh pengarang dalam menghasilkan sebuah karya dan teks yang lengkap, sempurna, kukuh dan unggul untuk dikaryakan.

1.8 DEFINISI ISTILAH DAN KONSEP

Mana Sikana (2015) mendefinisikan penyelidikan merupakan perkara asas di dalam menjadikan seseorang individu itu intelektual. Selain itu, berdasarkan Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa FPN mengandungi idea terhadap pendidikan dan dapat dijadikan sebagai panduan kepada pakar pendidikan dalam mereformasikan sistem pendidikan dalam meliputi seluruh aspek berkaitan keperluan individu, masyarakat dan negara. Istilah dan konsep adalah tumpuan sesebuah kajian yang dijalankan agar lebih tersusun dan tidak melebihi atas tujuan kajian. Bahagian ini akan menjelaskan lagi istilah penting yang terkandung di dalam kajian ini dan konsep teori Teksdealisme.

1.8.1 Teksdealisme

Mana Sikana (2007) menyatakan teori Tekdealisme merupakan teori yang unggul iaitu mendefinisikan sebuah teks sebagai susunan sesebuah idea dan pengalaman yang mempunyai maksud berlapis dengan penerapan sifat keunggulannya. Teori Tekdealisme dicipta sebagai usaha untuk mengukuhkan karya sastera Melayu ke arah yang lebih maju dan dinamik. Teori Teksdealisme adalah salah satu usaha yang dapat dijadikan sebagai jalan alternatif yang sesuai untuk mencipta karya yang lebih sesuai dengan kesusasteraan Melayu. Penamaan teori Teksdealisme diambil sempena kata ideal dan unggul agar dapat mengangkat teks dan pengarang yang idealistik. Definisi teori ini ialah merupakan susunan idea dan pengalaman pengarang yang mempunyai makna dan sifat keunggulannya. Setiap pengarang mempunyai usaha dan hasrat yang tersendiri untuk mencapai keunggulan dalam teksnya.

Teori ini juga telah dipersetujui keuniversalannya kerana teori ini menjelaskan bahawa kesusasteraan tidak terikat dengan mana-mana kesusasteraan. Melalui teori ini juga, seseorang

pengarang haruslah mempunyai keberanian dan kebijaksanaan dalam mengemukakan idea dan pemikiran yang berbeza atau baharu. Hal ini kerana, seseorang pengarang harus melakukan inovasi dan pembaharuan dalam mencipta sesuatu karya. Teori Teksdealisme di Malaysia diperakui dan berkembang kerana teori Teksdealisme dianggap sebagai teori yang tidak kurang hebatnya dengan teori Barat. Kaedah penulisan teks berdasarkan teori Teksdealisme mementingkan idealisme, keunggulan dan usaha untuk melakukan pembaharuan dalam menginovasi, transformasi, modifikasi dan penciptaan. Siti Khariah Mohd Zubir (2012) menyatakan pengarang akan memenuhi kehendak diri dan khalayak pembaca dalam menghasilkan sebuah karya.

1.8.2 Falsafah Pendidikan Negara

KPM (2001) menjelaskan bahawa matlamat FPN bertujuan untuk menjelaskan secara rasional amalan-amalan pendidikan terkini dan membimbing tindakan dan format pendidikan pada masa hadapan. Hal ini juga berkait dengan matlamat FPN dalam melahirkan individu yang baik dan sempurna dalam menjadi warganegara Malaysia yang baik dan berguna. FPN dibentuk berlandaskan ideologi dan falsafah yang termaktub di dalam Laporan Pendidikan, Akta Pendidikan, Rukun Negara dan ideologi serta budaya masyarakat Malaysia. Menurut Nur Hafizoh dan Rohana (2013) menyatakan bahawa FPN merupakan pendekatan yang mampu mendidik bukan sahaja akal, tetapi juga hati dalam menjadi modal insan. Dapat dilihat, FPN penting dalam perkembangan pendidikan kerana berfungsi dalam pertimbangan asas dan prinsip untuk menentukan kurikulum, bahan pembelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran.

1.9 ORGANISASI KAJIAN

Pengkaji membahagikan kajian ini kepada lima bab. Organisasi kajian amat penting agar kajian ini dapat difahami dengan mudah dan tersusun dengan kemas.

Bab Satu

Bab ini akan membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan kesimpulan. Bahagian ini juga akan menerangkan keseluruhan kajian ini.

Bab Dua

Dalam bab ini akan membincangkan mengenai kajian literatur yang merangkumi tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber yang tepat dan jelas seperti pengkajian berkaitan Teksdealisme dalam kesusasteraan Melayu moden, pengkajian tentang keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5, pengkajian mengenai teori Teksdealisme dan diakhiri dengan serangkap kesimpulan.

Bab Tiga

Bahagian bab ini akan diberitahu mengenai metodologi kajian iaitu cara dan sumber yang digunakan dalam menjayakan kajian ini. Antara teknik yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan laman sesawang bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan berilmiah. Teknik tersebut dikenali sebagai kaedah kualitatif. Kaedah menganalisis teks juga dilakukan. Pengkaji membaca teks buku *KOMSAS Tingkatan 4 (2014) dan Tingkatan 5 (2015)*.

Bab Empat

Dalam bab ini terdiri daripada analisis dan hasil dapatan kajian bagi menjawab objektif satu dan dua yang terdapat di dalam kajian. Pengkaji akan mengenal pasti bagaimana seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menerusi pengaplikasian teori Teksdealisme. Selain itu, pengkaji akan menyenaraikan nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks KOMSAS berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara.

Bab Lima

Bab ini merupakan bab penutup yang akan mengandungi rumusan perbincangan serta dapatan kajian bagi menjawab segala persoalan yang diketengahkan di dalam kajian ini. Kesan kajian dan saranan serta cadangan kajian juga terdapat di dalam bab ini.

1.10 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab 1 iaitu bahagian pengenalan, pengkaji harus merangka dan mendedahkan apa yang dikaji di dalam kajian ini agar pengkaji dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan bab ini juga, pengkaji menjelaskan tujuan pengkaji menjalankan kajian supaya tidak timbul sebarang kekeliruan. Kajian ini mengandungi artikel, tesis, dan buku bagi memperkuuhkan hujah-hujah yang terdapat di dalam kajian. Berdasarkan keperluan kajian yang terdapat di dalam kajian ini diharapkan kajian ini dapat dijalankan dengan lebih mendalam dan dapat memenuhi keperluan pengkaji.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

Kajian Literatur

2.1 Pengenalan

Bahagian kajian literatur akan menerangkan berkenaan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian literatur merupakan asas yang penting bagi penyelidik yang merangkumi sumber rujukan dengan garis panduan yang tepat dan jelas kepada penyelidikan yang dijalankan. Melalui bahagian ini juga, pengkaji akan mencari maklumat kajian lepas mengenai teori Teksdealisme, pendidikan, kajian KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 dan kajian cerpen serta puisi yang lain. Kesemua kajian yang diperoleh, diambil daripada sumber rujukan yang berilmiah seperti tesis, jurnal, artikel dan buku. Berdasarkan penelitian pengkaji dalam sorotan kajian lepas mendapati bahawa adanya persamaan dalam kajian-kajian tersebut. Dapat dilihat, masih terdapat ruang dan peluang untuk pengkaji melakukan kajian mengenai keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 berdasarkan satu penelitian teori Teksdealisme.

2.2 Kajian Berkaitan Tokoh

Sorotan kajian lepas berkenaan tokoh Za'ba atau nama sebenarnya Zainal Abidin Ahmad dalam *Jurnal Melayu* yang bertajuk *Pemikiran Za'ba dalam Membentuk Jati Diri Melayu* kajian Siti Zamrah Isa dan Che Ibrahim Hj Salleh pada tahun 2014. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengupas pemikiran Za'ba dalam bidang bahasa, agama dan pendidikan. Idea dan pemikirannya dalam bidang tersebut berkait dengan sikap orang-orang Melayu pada ketika itu. Hal ini juga menjadikan Za'ba tokoh pemikir yang unik dan hebat kerana mampu berfikir melangkaui zaman dan masih relevan hingga ke hari ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah ke perpustakaan dan analisis teks. Dapatan kajian ini Za'ba merupakan salah seorang tokoh Melayu yang terkenal dalam pemikiran pembaharuan Islah atau reformasi Islam. Hal ini disebabkan oleh pengaruh gurunya iaitu Syaikh Muhamad Tahir Jalal al-Din al-Falaki yang merupakan salah seorang tokoh ulama yang terpengaruh dengan aliran pemikiran golongan reformis Mesir seperti Muhamad Abduh (1905) dan Muhamad Rasyid Rida (1935). Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini menumpukan kepada pemikiran tokoh Za'ba dalam bidang bahasa, agama dan pendidikan, manakala pengkaji mengkaji keunggulan pengarang dalam KOMSAS berdasarkan teori Teksdealisme.

Seterusnya, sorotan kajian *Jurnal Melayu* kajian Mohd Daud Ibrahim Kamaruddin yang bertajuk Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Keris Mas pada tahun 2015. Kajian ini membincangkan mesej-mesej yang ingin disampaikan oleh Keris Mas iaitu penulis novel *Anak Titiwangsa*. Kajian ini menggunakan kaedah teori konseptual kata kunci iaitu pendekatan ini memberi fokus yang tinggi kepada aspek textual dengan tidak melupakan aspek kontekstual. teori yang mengakui setiap pengarang mempunyai kerangka konseptual terhadap sesuatu perkara yang dilihat dan diamatinya. Oleh itu, bagi menemukan konseptual pengarang tiga prinsip yang harus dikupas dalam sesebuah karya. Prinsip yang dinyatakan adalah pengaruh, pemilihan kata dan kesan. Ketiga-tiga prinsip ini akan diterapkan dalam kajian ini. Dapatkan kajian jurnal ini ialah pemilihan kata yang dilakukan oleh pengarang untuk menghadirkan pemahaman yang lebih jelas tentang konsepsi pengarang tentang subjek penceritaan. Melalui kata kunci yang diimplementasikan secara bersungguh-sungguh, didapati pengarang berusaha untuk menyampaikan mesej yang bermanfaat kepada masyarakat berdasarkan novel ini. Perbezaan yang dapat dikesan ialah kajian lepas ini menganalisis mesej atau makna yang ingin disampaikan oleh Keris Mas, manakala pengkaji mengkaji teori Teksdealisme mampu mengangkat keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5.

Seterusnya, sorotan kajian lepas berkenaan tokoh ialah *Jurnal Melayu* yang bertajuk Pemikiran Politik : Pemimpin dan Kepimpinan dalam Novel Shahnon Ahmad kajian Arba'ie Sujud, Salihah Razak dan Siti Rabiaitul Adawiyah. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kepincangan dalam dunia politik akibat daripada sikap pemimpin kerana karya yang dihasilkan oleh beliau kebanyakannya melihat permasalahan dalam dunia politik yang dikaitkan dengan pengalaman beliau sendiri yang pernah terlibat dalam politik di tanah air dengan mengemukakannya dalam bentuk karya kreatif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan menganalisis teks. Melalui dapatan kajian jurnal, pemikiran kekuasaan Shahnon Ahmad dalam novel yang dikarangnya. Pemikiran ini dipertontonkan kepada khalayak pembaca agar pembaca itu dapat berfikir tentang status diri terutamanya golongan pemimpin yang mementingkan aspek kekuasaan dalam sesebuah organisasi dengan sanggup melakukan apa sahaja asalkan dapat mempertahankan kekuasaan yang dimiliki walhal sanggup menindas golongan yang lemah. Hal ini memberi kita penegasan bahawa kekuasaan yang disalahgunakan akan merosakkan sesuatu bangsa, agama dan juga

negara. Oleh itu, perbezaan yang dapat dikesan ialah kajian lepas ini menumpukan kepada pemikiran politik dan kepimpinan, manakala pengkaji pula mengkaji unsur pendidikan di dalam KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5.

Selain itu, *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu* kajian Azman Ismail yang bertajuk Novel-novel Shahnon Ahmad dalam Perspektif Etnografi Semantik pada tahun 2018. Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kedudukan novel-novel Shahnon Ahmad sebagai produk budaya masyarakat Melayu yang berhubung rapat dengan intelektual dan sistem sosial mereka. Sebagai produk budaya, karya-karya tersebut memuatkan wacana tentang sosiopolitik, psikososial dan sosioekonomi yang berkembang dalam masyarakat Melayu sejak pertengahan 1960-an hingga 1990-an. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan menganalisis teks. Melalui dapatan kajian jurnal ini, dapat dilihat pernyataan sosio-ekonomi telah dibina oleh Shahnon dalam novel ini melalui tajuk-tajuk bab, iaitu “Jamung”, “Kerbau Jantan Terluka”, “Melarat Hingga ke Senja”, “Jelaga Hitam” dan “Harimau”. Secara semantiknya, kelima-kelima elemen ini menjadi kayu ukur untuk memberikan kefahaman kepada perilaku-perilaku budaya masyarakat Melayu dekad 1960-an. Gambaran-gambaran secara semantik oleh Shahnon antara lain diketengahkan melalui ungkapan polemik-polemik sosioekonomi dan sosiobudaya. Hal ini jelas dilihat perbezaan iaitu kajian lepas ini mengkaji dengan menggunakan perspektif etnografik semantik, manakala pengkaji mengkaji berlandaskan teori Teksdealisme.

Sorotan kajian berkenaan tokoh yang seterusnya ialah tesis kajian Lim Swee Tin yang bertajuk Aspek-aspek Kemasyarakatan dalam Sajak-sajak Usman Awang Tahun 1940-an dan 1950-an, Universiti Putra Malaysia pada tahun 1999. Tujuan kajian tesis ini dijalankan adalah untuk meneliti beberapa aspek kemasyarakatan dalam sajak-sajak Dr. Usman Awang yang ditulis pada dekad 40-an dan 50-an. Sajak-sajak itu telah ditulisnya dan diterbitkan oleh surat khabar Utusan Zaman dan Majalah Mastika. Kebanyakan sajak yang ditulisnya pada dekad tersebut bersifat asli dan diantologikan dalam antologi Gelombang dan antologi Puisi Melayu Baru yang disusun oleh Ali Haji Ahmad pada tahun 1964. Sajak-sajak yang ditulis pada dekad tersebut amat penting kerana Usman Awang banyak mengungkapkan aspek kemasyarakatan di dalamnya. Kajian ini menggunakan kaedah rujukan perpustakaan. Kaedah ini melibatkan rujukan akhbar, majalah, jurnal, kertas-kertas kerja, tesis, dan buku-buku yang sudah diterbitkan. Ini dilakukan bagi mengumpul sajak-sajak Usman Awang dan pandangan-pandangan penyelidik terhadapnya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa Usman Awang telah menjadi teladan, ikutan dan sumber inspirasi para penyair lain kerana mampu

menghasilkan sajak-sajak yang menarik, kuat dan matang untuk masa hadapan. Usman Awang juga mampu menghubungkan masyarakat dan sastera dalam membentuk satu masyarakat yang kukuh dan bersepadu. Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini menumpukan kepada hubungan masyarakat yang kukuh dan bersepadu melalui sajak Usman Awang, manakala pengkaji pula mengkaji keunggulan pengarang dan unsur pendidikan sastera KOMSAS berlandaskan teori Teksdealisme.

Selain itu, kajian *Jurnal Melayu* yang bertajuk Makna dalam Puisi Terpilih Usman Awang kajian Nur Amirah Che Soh dan Rohaidah Kamaruddin pada tahun 2016. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan makna di sebalik karyanya. Jurnal ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Dapatan kajian berdasarkan jurnal ini ialah penulis melakarkan watak ayah dalam puisi secara lebih berhemah dan menggunakan perkataan yang mampu meninggalkan kesan dalam kalangan pembaca. Realitinya wajah ayah yang terdapat di dalam puisi ini bukan basah akibat terkena air atau sebagainya tetapi menggambarkan kesusahan hidup yang terlalu miskin dan dalam masa yang sama, seorang ayah itu tidak sampai hati untuk menghamparkan perasaan anak-anaknya. Oleh itu, dapat dilihat perbezaan antara kedua-dua kajian iaitu kajian lepas ini mengkaji kepada makna yang terdapat di dalam puisi. Pengkaji pula, mengkaji sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5.

Seterusnya, *Jurnal Melayu* yang bertajuk Proses Kreatif A. Samad Said dalam Penghasilan Karya Kreatif kajian Abdul Halim Ali pada tahun 2019, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan memahami aktiviti-aktiviti dalam proses kreatif A. Samad Said berdasarkan model proses kreatif Graham Wallas. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif berpandukan data kepustakaan dan temu bual. Data dalam bentuk kepustakaan dan temu bual yang dihuraikan secara deskriptif berpandukan empat peringkat perkembangan proses kreatif Graham Wallas. Dapatan kajian cara yang dikesan daripada kreativiti A. Samad Said untuk memisahkan diri daripada bayangan hipogramnya ialah dengan melakukan penyelidikan. Penyelidikan menuntut seseorang penulis lebih serius, teliti, kritis dan analitis. Penulis akan lebih bertanggungjawab dalam melakukan pertimbangan, menerima atau menolak sesuatu untuk dimasukkan dalam karya mereka. Apatah lagi, seseorang penulis berhadapan dengan usaha menghasilkan karya yang berbentuk sejarah. Perbezaan yang dapat dikesan ialah kajian lepas ini mengkaji proses yang dilalui oleh A. Samad Said, manakala pengkaji mengkaji keunggulan pengarang dalam menghasilkan karya yang lebih bermutu.

Sorotan kajian berkaitan tokoh ialah *Jurnal Persuratan Melayu* yang berjudul Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu kajian Ghazali bin Din dan Abdul Halim Ali pada tahun 2020, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini bertujuan mengkaji sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara Muhammad Hj Salleh sebagai seorang penyair yang mengangkat martabat jati diri Melayu. Muhammad Hj Salleh memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan minda masyarakat Melayu menerusi puisi-puisinya. Metodologi kajian ini berbentuk kepustakaan dan kualitatif dengan menggunakan Model Proses Kreatif Teksnaluri yang menggabungkan teori Teksdealisme dan teori tipa induk (Carl Gustav Jung) sebagai landasan analisis. Data dianalisis secara deskriptif berdasarkan puisi-puisi terpilih Muhammad Haji Salleh yang mempersempahkan dimensi pemikiran yang mencerminkan kesedarannya terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. Dapatkan kajian yang dilihat ialah, Muhammad Haji Salleh antara Sasterawan Negara yang mencetuskan teori sastera tempatan iaitu teori Puitika Sastera Melayu yang dijadikan landasan dalam mengkaji puisi. Kehadiran teori ini berguna kepada sarjana dan mahasiswa pascasiswazah dalam melengkapkan kajian terhadap puisi-puisi Melayu. Ia satu sumbangan kesarjanaan yang besar terhadap kemajuan kesusasteraan Melayu malah mencerminkan keunggulan minda anak Melayu. Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini mengkaji pembangunan minda bangsa Melayu, manakala pengkaji mengaplikasikan teori Teksdealisme terhadap kajian dengan melihat kepada pengarang dalam mencapai keunggulan.

Selain itu, sorotan kajian mengenai tokoh ialah *Jurnal Sains Sosial* yang berjudul Pemikiran Mana Sikana dalam Drama kajian Ahmad Zaidi baharuddin dan Ani Omar pada tahun 2018, Universiti Sultan Idris. Kajian ini bertujuan untuk mengupas pemikiran Mana Sikana dalam teks-teks drama yang dihasilkannya terhadap sembilan buah drama karya beliau iaitu drama Ihsan, Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Hikmah, Mustaqima, Apa-apa, Di Hujung Taming Sari, Pasir-Pasir di Pasir Salak dan Air Mala Naning berdasarkan tiga zaman iaitu Realisme (1960-1970), Absurd (1980-1990) dan Metasejarah (tahun 2000-2010) menjadi bahan analisis. Kajian ini juga mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif yang menggunakan dua kaedah. Iaitu kaedah kajian kepustakaan pemerolehan data dan kaedah analisis kandungan kajian kepustakaan melalui buku-buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah, tesis-tesis sarjana dan doktor falsafah serta kertas-kertas kerja yang berkaitan. Pengkaji telah membuat kajian di perpustakaan sepenuhnya iaitu seperti di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan mendapatkan maklumat melalui Internet. Dapatkan kajian ialah pemikiran Mana Sikana

telah menjadi titik tolak kepada pembentukan pemikiran penulis-penulis baharu. Mana Sikana telah menunjukkan prestasi yang istimewa dan luar biasa. Beliau bukan setakat menghasilkan pelbagai genre sastera yang berkualiti malah setanding dengan Sasterawan Negara yang lain. Situasi ini mencerminkan bahawa keunggulan beliau sebagai pengarang direalisasikan daripada keunggulan teks sebagaimana yang dihasratkan oleh falsafah Teksdealisme. Selain itu, perbezaan yang dapat dilihat adalah kajian lepas ini menumpukan kepada pemikiran Mana Sikana manakala pengkaji menumpukan kepada keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan dalam sastera KOMSAS.

Sorotan kajian yang kesepuluh ialah tesis yang bertajuk Analisis Drama Mana Sikana dari Perspektif Teori New Historisime kajian Samin bin Rabani pada tahun 2016. Tujuan kajian ini ialah untuk menganalisis tiga buah drama beraliran metasejarah yang terkandung dalam buku kumpulan drama Pasir-pasir di Pasir Salak karya Mana Sikana (2011) iaitu “*Di Hujung Taming Sari*”, “*Pasir-pasir di Pasir Salak*” dan “*Air Mata Naning*”. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks berlandaskan prinsip-prinsip teori New Historisime. Dapatan kajian mendapati bahawa ketiga-tiga drama kajian adalah dihasilkan berdasarkan peristiwa sejarah silam yang berlaku di negara ini yang mempunyai lima ciri iaitu peristiwa tidak mengikut kronologi sejarah, terdapat pelanggaran fakta sejarah, penggunaan watak rekaan di samping watak sebenar, penampilan watak tidak mengikut sistem tekstual sejarah, dan terdapat selingan acara-acara hiburan serta komedi. Berdasarkan kajian ini, perbezaan antara kajian lepas ini dengan kajian pengkaji ialah kajian lepas ini menggunakan teori yang berbeza iaitu teori New Historisme manakala pengkaji mengaplikasikan teori Teksdealisme di dalam kajian.

2.3 Kajian Sarjana Lain Mengenai Kajian Cerpen dan Puisi.

Antara kajian lepas yang dibuat berkenaan cerpen ialah artikel yang bertajuk Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif kepada Kanak-Kanak pada tahun 2017. Artikel ini merupakan kajian Farra Humairah Mohd dan Nik Rafidah. Artikel ini membicarakan tentang pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak mutakhir terpilih. Tujuan artikel ini ialah untuk menganalisis unsur kesepaduan pemikiran kerohanian yang digarap oleh pengarang dengan melihat kesan positif yang dipaparkan daripada pemikiran tersebut kepada khalayak pembaca khasnya kanak-kanak. Objektif kajian ini ialah kajian ini akan mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian

yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap kajian yang dihasilkan mampu memberi kesan positif kepada kanak-kanak ataupun sebaliknya. Dalam kajian ini kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Dapatan kajian ini ialah pemikiran kerohanian melalui aspek keagamaan dilihat menerusi dua unsur utama iaitu hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia dengan manusia yang lain. Kebiasaannya, dua unsur utama ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan sebagainya lagi. Perbezaan yang dapat dikesan ialah kajian lepas ini menumpukan kepada kanak-kanak dan pemikiran kerohanian manakala kajian pengkaji pula lebih menumpukan kepada pengarang berdasarkan teori Teksdealisme dan KOMSAS.

Kajian lepas yang kedua ialah tesis yang bertajuk Psikologi Kanak-Kanak dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Zahara Nawawi pada tahun 2018. Tesis ini merupakan kajian Rosanita binti Hussin, Universiti Sains Malaysia. Tesis ini dikaji bagi tujuan untuk memperoleh gambaran yang jelas tentang tingkah laku kanak-kanak berdasarkan pendekatan psikologi. Hal ini kerana, kajian Zaharah Nawawi melakarkan gelagat kanak-kanak, suka duka mereka, keterujaan mereka dan perlakuan mereka yang ada kalanya mengikut emosi. Objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti cerpen-cerpen Zaharah Nawawi yang memaparkan psikologi kanak-kanak dan menganalisis tingkah laku kanak-kanak yang cenderung positif dalam cerpen- cerpen Zaharah Nawawi. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menjurus kepada analisis kandungan. Berdasarkan dapatan kajian ini psikologi ialah tingkah laku manusia terhadap diri sendiri dan orang lain. Tingkah laku ini dapat dilihat dan melibatkan tindak balas kepada pengaruh pemikiran, perasaan, sikap dan tindakan terhadap respons serta persekitaran sosial. Perbezaan yang dapat dilihat ialah penggunaan teori yang berlainan. Kajian lepas ini menggunakan pendekatan psikologi manakala pengkaji menggunakan penelitian teori Teksdealisme.

Kajian lepas yang seterusnya ialah Jurnal kajian A. Wahab Ali yang bertajuk Perkembangan Cerpen Melayu: Dari Cerita Moyang ke Dewan Sastera pada tahun 2009. Kajian ini membincangkan perkembangan cerpen Melayu dari awal kemunculannya hingga ke zaman kegemilangan majalah Dewan Sastera 1985. Kajian ini juga menyentuh konsep cerpen Melayu, perubahan masyarakat Melayu dan faktor perkembangan tokoh-tokoh cerpen penting yang menyumbang kajian mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks. Dapatan kajian jurnal ini ialah cerpen Melayu berkembang di tangan senimannya dari masa ke masa, lewat penyiaran akhbar dan majalah. pengkaji sastera Melayu moden mengelompokkan cerpen kepada setiap satu dekad seperti cerpen tahun 20-an, 30-an dan 40-an

itu dalam cerpen Sebelum Perang II. Seperti mana yang telah disebut tadi, cerpen ini menjadi asas kepada perkembangan cerpen Melayu kemudian. Isi, tema dan persoalan cerpen ketika ini adalah persepsi penulis Melayu terhadap perubahan yang terjadi dalam masyarakatnya akibat penjajahan Inggeris. Perbezaan kajian yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini mengkaji perkembangan cerpen Melayu, manakala pengkaji mengkaji KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan penelitian teori Teksdealisme.

Selain itu, kajian lepas berkenaan puisi ialah *Jurnal Peradaban Melayu* yang bertajuk Puisi Melayu Tradisional pada tahun 2013 kajian Mohd Rosli Saludin, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini membincangkan puisi Melayu tradisional mengikut genrenya yang terdiri daripada teromba, mantera, pantun dan sebagainya. Puisi-puisi ini digubah dan menampilkan suasana masyarakat Melayu yang dilatari oleh kekayaan alam semula jadi. Kelahiran puisi ini adalah dalam bentuk terikat dan juga dalam bentuk bebas. Puisi yang terikat mempunyai ciri seperti irama, matra, rima, penyusunan baris dan rangkapnya. Manakala yang berbentuk bebas seperti teromba, mantera, talibun dan juga seloka. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data ke perpustakaan dan teks iaitu kaedah kualitatif. Dapatan Kajian ini ialah, pantun merupakan puisi Melayu asli yang muncul di rantau alam Melayu. Pantun adalah suatu bentuk puisi yang bersifat komunikatif yang sangat indah. Ianya digunakan dengan begitu meluas dalam berbagai keadaan. Gurindam juga merupakan salah satu puisi khusus dalam cerita rakyat Melayu. kajian lepas ini dilihat mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji. Kajian lepas ini mengkaji pelbagai jenis puisi Melayu tradisional, manakala pengkaji hanya mengkaji cerpen dan puisi sahaja.

Sorotan kajian yang seterusnya ialah tesis yang bertajuk Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 hingga 2015 kajian Farra Humaira binti Mohd pada tahun 2018. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran berdasarkan konsep ‘pemikiran’ tokoh sarjana yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji dan menganalisis pemikiran berdasarkan model keperluan kanak-kanak berdasarkan teori Maslow dan teori Hashim Awang serta merumuskan pemikiran yang dominan yang terdapat di dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 hingga 2015. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan dan kajian analisis teks. Dapatan kajian tesis ini ialah kemunculan pengarang baharu dalam kelompok penulis yang sedia ada telah menghasilkan cerpen yang pelbagai corak sama ada dari segi bentuk, teknik dan pemikiran. Oleh hal yang demikian, pemilihan cerpen kanak-kanak pada alaf baru dari tahun 2012 hingga tahun 2015 di bawah terbitan DBP, PTS, One Sdn. Bhd, Ana Muslim Sdn. Bhd,

PRIMA Sdn. Bhd dan Aras Mega (M) Sdn. Bhd ini sedikit sebanyak dapat melihat pemikiran pengarang baru sama ada mempunyai kesejajaran dan hubung kait dengan cerpen-cerpen yang dihasilkan. Perbezaan yang dapat dilihat ialah dari segi objektif kajian iaitu kajian lepas ini menganalisis pemikiran tokoh sahaja manakala objektif pengkaji pula adalah untuk mengenal pasti seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dengan pengaplikasian teori Teksdealisme.

Sorotan kajian lepas yang keenam ialah *Jurnal Bahasa* yang bertajuk Keberkesanan Cerpen dalam Mempertingkatkan Prestasi Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid pada tahun 2013 yang dikaji oleh Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keberkesanan penggunaan teks KOMSAS terhadap prestasi penulisan karangan 64 orang murid tingkatan dua berpencapaian sederhana. Kajian berbentuk eksperimental ini dijalankan untuk membandingkan keberkesanan menggunakan teks KOMSAS dengan kaedah pengajaran konvensional dalam pengajaran penulisan karangan. Dapatkan kajian daripada praujian dan pasca ujian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran penulisan karangan menggunakan teks KOMSAS terbukti lebih berkesan berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional terhadap prestasi penulisan karangan murid. Pemilihan kaedah eksperimental ini dibuat kerana boleh menghasilkan hubungan sebab dan akibat. Perbezaan yang dapat dilihat ialah, kajian lepas ini menumpukan dalam meningkatkan prestasi penulisan karangan Bahasa Melayu, manakala kajian pengkaji adalah untuk mengkaji keunggulan pengarang dengan menggunakan teori Teksdealisme.

Sorotan kajian yang ketujuh adalah kajian tesis yang berjudul Budaya dalam Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh : Kajian Teori Sastera Budaya kajian Muhammad Irfan Nyia bin Abdullah pada tahun 2013, Universiti Sains Malaysia. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji dan menganalisis aspek-aspek budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Kajian ini merangkumi puisi-puisi yang terdapat di dalam sebelas antologi puisi ciptaan Muhammad Haji Salleh dari tahun 1974 hingga 2008. Semua antologi puisi ini dipilih kerana puisi-puisi yang terkandung di dalamnya memperlihatkan kreativiti, keilmuan dan imaginasi penyair yang tinggi. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian kepustakaan yang melibatkan pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang berkaitan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh, dan kaedah temu bual tidak berstruktur dengan subjek yang dikaji dan individu-individu yang mengenali beliau. Berdasarkan dapatan kajian tesis ini ialah kajian aspek-aspek budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh, khalayak pembaca diketengahkan nilai sejagat dan nilai-nilai murni yang bersangkutan perhubungan

manusia dengan manusia, manusia dengan tuhan dan manusia dengan alam. Kajian budaya yang berkaitan dengan bangsa dunia harus diperbanyak kerana banyak rahsia kejayaan bangsa dunia dapat dicungkil dan diketengahkan sebagai teladan kepada masyarakat serta pemimpin untuk membangunkan negara. Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini dikaji dari segi budaya manakala pengkaji mengkaji dari segi pendidikan.

Seterusnya, sorotan kajian lepas berkenaan puisi adalah *Jurnal Melayu* yang bertajuk Tradisionalis, Penyimpangan dan Puisi dalam Puisi Melayu Moden yang dikaji oleh Mohamad Shaidan dan Shaiful Bahri Md. Radzi pada tahun 2020. Kajian ini membincangkan fenomena yang berlaku dalam sejarah puisi Melayu moden sejak awal dekad 1930-an sehingga dekad 1970-an. Puisi Melayu moden yang bermula pada awal dekad 1930-an merupakan hasil transformasi puisi Melayu tradisional, khususnya pantun dan syair yang menjadi teks hipogramnya. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dengan menganalisis sumber rujukan sekunder yang telah ditulis oleh sarjana lain. Selain itu, kajian ini juga merujuk sumber primer untuk menyokong hujah kajian. Dapatan kajian yang dapat dilihat melalui kajian ini ialah penyimpangan atau transformasi yang dilakukan oleh Noor S.I. itu terletak pada perlambangan atau simbol. Puisi-puisi dewasa itu masih meneruskan simbol yang bersifat konvensional. Noor S.I. mentransformasikannya dengan simbol yang bersifat peribadi. Simbol-simbol Noor S.I. itu dengan siratan maknanya yang bersifat peribadi juga tidak berada dalam minda pembaca. Perbezaan kajian lepas ini ialah ia menumpukan kepada aspek penyimpangan dan sejarah manakala pengkaji mengkaji dari segi empat prinsip teori Teksdealisme iaitu penyimpangan, pengukuhan, pelanggaran dan individualisme oleh seseorang pengarang dalam menghasilkan sebuah karya.

Sorotan kajian yang kesembilan adalah *Jurnal Usuluddin* yang bertajuk Unsur-unsur retorik dalam Puisi Melayu Al-Amin Karya A. Samad Said yang dikaji oleh Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir pada tahun 2013. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis sebuah karya sastera Islam iaitu puisi Al-Amin oleh A. Samad Said yang memaparkan kisah hidup Nabi Muhammad SAW. Ia turut membuat penelitian terhadap kemunculan serta kebangkitan perbincangan berkaitan sastera Islam di Malaysia, dengan tujuan untuk memperlihatkan konsep pemikiran yang mendasari perbincangan sastera Islam dengan menjadikan Al-Amin sebagai contoh. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu teknik bacaan rapi dan menganalisis teks-teks, buku dan sumber ilmiah yang lain bagi mengukuhkan kajian. Dapatan kajian yang dapat dikesan ialah Al-Amin ditonjolkan untuk menzahirkan kehadiran prinsip estetik seperti anafora, asonansi, aliterasi dan prosa dalam

puisi. Secara langsung, kajian ini menunjukkan bahawa Al-Amin merupakan sebuah karya sastera Islam. Oleh itu, perbezaan yang dapat dilihat ialah, kajian lepas ini hanya mengkaji puisi-puisi Islam karya A.Samad Said, manakala pengkaji mengkaji puisi sastera KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Seterusnya, sorotan kajian *Jurnal Melayu* pada tahun 2015 kajian Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh yang berjudul Pemikiran Melayu tentang Ilmu dan Adab dalam Puisi Melayu Tradisional. Kajian ini membincangkan konsep pemikiran Melayu yang bersangkutan dengan ilmu dan adab yang secara tersiratnya dikupas melalui puisi Melayu tradisional, iaitu pantun, peribahasa dan syair. Berdasarkan dapatan kajian, bangsa Melayu yang beragama Islam amat menitikberatkan kepentingan ilmu pengetahuan untuk membentuk dan menyuburkan pemikiran bangsanya. Ilmu adalah inti pati yang terpenting dalam pembangunan insan, apatah lagi dalam mengesahkan ibadah terhadap yang Maha Esa. Seruan agar menuntut ilmu ini turut terkandung di dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam wahyu pertama yang diturunkan kepada nabi. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan menganalisis sumber rujukan sekunder yang telah ditulis oleh sarjana lain. Selain itu, kajian ini juga merujuk sumber primer untuk menyokong hujah kajian. Perbezaan kajian ialah kajian lepas ini mengkaji puisi Melayu Tradisional dari segi ilmu dan adab, manakala pengkaji pula mengkaji keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

2.4 Kajian Sarjana Lain Tentang Teori Pilihan Teksdealisme.

Antara kajian lepas yang telah dibuat berkenaan dengan teori Teksdealisme ialah *Jurnal Pengajaran Melayu* yang bertajuk Novel-novel Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme pada tahun 2017 kajian Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat dan Fauzi Hasan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis tiga buah kajian daripada seorang penulis yang kreatif iaitu Faisal Tehrani. Novel-novel beliau yang menjadi pilihan para pengkaji tersebut ialah novel yang bertajuk *1515* (2003), *Tunggu Teduh Dulu* (2008) dan *Bahlut* (2010). Pemilihan novel-novel ini kerana para pengkaji ingin melihat sudut positif yang berkaitan dengan tajuk kajian mereka seperti novel yang mengandungi idea dan pemikiran mengenai sejarah, masyarakat, budaya dan agama untuk setiap lapisan masyarakat yang berperanan sebagai panduan hidup. Kajian berkaitan ketiga-tiga novel ini berlandaskan kepada teori Teksdealisme. Falsafah asas teori ini adalah untuk setiap pengarang mempunyai niat untuk

meletakkan teks mereka pada tahap yang cemerlang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu teknik bacaan rapi dan seterusnya menganalisis isi novel tersebut dengan menggunakan semua prinsip teori Teksdealisme. Dapatkan kajian ini ialah teori Teksdealisme bersifat holistik yang melibatkan hubungan manusia iaitu pengarang atau pengkarya dan khalayak menerusi karyanya dengan pengalaman, pemikiran, persekitaran dan unsur-unsur yang mendasari sebuah karya. Teori ini menggariskan empat prinsip yang menunjang aspek-aspek teori, iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Terdapat perbezaan yang dapat dilihat iaitu kajian lepas ini mengkaji novel karya Faisal Tehrani, manakala pengkaji mengkaji puisi dan cerpen di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Seterusnya, melalui kajian *Jurnal Melayu* pada tahun 2011 yang dikaji oleh Abdul Halim Ali yang bertajuk Proses Kreativiti A. Samad Said berdasarkan teori Teksdealisme. Tujuan utama kajian ini adalah untuk memahami proses kreativiti Sasterawan Negara A. Samad Said berdasarkan teori Teksdealisme. Melalui kajian ini, memperlihatkan proses kepengarangan A. Samad Said menggunakan prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Dapat dilihat, kajian ini memaparkan proses kepengarangan A. Samad Said yang banyak dipengaruhi oleh pengalamannya dan akhirnya diangkat sebagai Sasterawan Negara. Kajian ini di analisis melalui kajian kepustakaan dan temu bual. Analisis deskriptif berdasarkan data yang dipungut di lapangan dan data kepustakaan. Data di lapangan dipungut menerusi kaedah temu bual dengan sumber utama iaitu A.Samad Said sendiri di Bangsar pada tahun 2006. Soalan temu bual dibuat secara terbuka atas tujuan untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat daripada responden. Data kajian juga diambil daripada sumber kepustakaan. Dapatkan kajian yang dapat dilihat ialah melalui pembacaan yang berterusan, meluas dan konsisten, A.Samad Said mengumpul maklumat sebagai bahan membina diri sebagai seorang penulis yang berilmu pengetahuan. Penulis yang tidak sekadar mengetahui dunia bangsanya, tetapi mampu memahami sejarah bangsa di dunia dan isu-isu yang mematangkan diri untuk melangkah lebih maju dalam dunia penulisan. Pembacaan novel-novel awal yang ditulis oleh novelis Melayu dan Barat sangat kuat mempengaruhi kecenderungan minat dan perasaan cinta A.Samad Said terhadap sastera. Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini mengkaji proses kreativiti A. Samad Said berdasarkan teori Teksdealisme. Namun, pengkaji mengkaji keunggulan pengarang dalam melahirkan unsur pendidikan sastera KOMSAS berdasarkan teori Teksdealisme.

Selain itu, berdasarkan *Jurnal Melayu* pada tahun 2019 yang bertajuk Prinsip Kehadiran dalam Novel-Novel Jong Chian Lai : Analisis Teksdealisme kajian Sara Beden.

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis prinsip kehadiran dalam tiga buah novel kajian Jong Chian Lai berdasarkan teori Teksdealisme. Teori Teksdealisme mengandungi empat prinsip yang dapat digunakan untuk mengukur tahap kualiti kepengarangan seseorang pengarang. Kajian ini hanya mengaplikasikan prinsip kehadiran untuk menganalisis Novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1986), *Pemberontakan* (1994) dan *Ensera Marga Timur dari St Anthony* (2009). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa Jong Chian Lai sentiasa membuat inovasi atau pembaharuan dalam ketiga-tiga novel dalam usaha menghadirkan kepelbagaiannya sumber dan idea yang baharu menerusi pengalaman peribadi dan penyelidikan. Perbezaan kajian ini ialah kajian lepas ini hanya mengkaji prinsip kehadiran di dalam novel Jong Chian Lai. Namun, pengkaji pula mengkaji keempat-empat prinsip yang terdapat di dalam teori Teksdealisme dalam melihat keunggulan seseorang pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan.

Sorotan kajian lepas yang keempat adalah *Journal of Educational Research and Indigenous Studies Issue* yang bertajuk Keupayaan Teksdealisme Mengangkat Keunggulan Pengarang pada tahun 2019 kajian Azhar Wahid, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan empat prinsip teori Teksdealisme, iaitu kehadiran, pelanggaran, pemantapan dan individualisme demi menunjukkan keunggulan suatu pengarang. Pengarang seharusnya dapat membina dan memperkasakan kepengarangan strategi untuk setiap teks kerjanya, untuk membina disiplin dan undang-undang bertindak pada kebijaksanaan dan kreativiti. Teksdealisme berpegang pada kerja unggul dalam struktur. Ini bermakna analisis boleh dikaji dari segi pengekalan dan perubahan dalam konvensyen sastera, berdasarkan prinsip pelanggaran yang berkaitan dengan aspek wacana dan bahasa iaitu sering digunakan sebagai faktor kecemerlangan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Hasil dapatkan dilihat bahawa pengarang akan berusaha dengan bakat, kebolehan, intelektual dan keterampilannya bagi menghasilkan sebuah karya yang lebih baik daripada apa yang telah dihasilkannya dan mengatasi apa yang diterbitkan oleh pengarang lain sebelumnya. Idealisme atau sifat keunggulan sebagai sebuah karya kreatif, selalunya berada dalam pemikiran pengarang sewaktu berkarya. Teori Teksdealisme menyediakan empat prinsip sebagai panduan untuk mencapai tahap keunggulan. Keempat-empat prinsip tersebut ialah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Prinsip-prinsip ini dijadikan sebagai panduan untuk menganalisis sesebuah karya bagi menentukan akan tahap keunggulan penghasilan karya dan pengarangnya.

Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini hanya menumpukan kepada keunggulan pengarang, manakala pengkaji pula mengkaji unsur pendidikan yang boleh diangkat oleh seseorang pengarang di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Kajian Roizani Yaakub pada tahun 1996 dalam kajian tesisnya yang bertajuk Drama-Drama Ismail Kassan: Satu Analisis Teksdealisme. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kajian Ismail Kassan berdasarkan prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Hal ini juga, kajian ini memperlihatkan kekayaan unsur kejutan, monolog dan konflik melalui kajian Ismail Kassan. Unsur-unsur ini juga merupakan perbezaan yang cuba ditonjolkan. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dengan menganalisis sumber rujukan sekunder yang telah ditulis oleh sarjana lain. Selain itu, kajian ini juga merujuk sumber primer untuk menyokong kajian hujah kajian. Dapatan kajian yang dapat dilihat di dalam kajian ini ialah Ismail Kassan mengaplikasikan teori Teksdealisme di dalam karyanya. Keunggulan hasil karya beliau juga dapat dilihat dengan penggunaan 4 prinsip teori Teksdealisme iaitu pelanggaran, pengukuhan, kehadiran dan individualisme. Perbezaan yang dilihat ialah, kajian lepas ini menumpukan kepada bentuk drama yang melihat dari segi monolog, konflik dan unsur kejutan manakala pengkaji pula mengkaji dari segi teks KOMSAS dan unsur pendidikan yang boleh diangkat oleh pengarang berdasarkan teori Teksdealisme.

Selain itu, sorotan kajian ialah *Jurnal Sains Sosial* yang berjudul Pemikiran Mana Sikana dalam Drama kajian Ahmad Zaidi baharuddin dan Ani Omar pada tahun 2018, Universiti Sultan Idris. Kajian ini bertujuan untuk mengupas pemikiran Mana Sikana dalam teks-teks drama yang dihasilkannya terhadap sembilan buah drama karya beliau iaitu drama *Ihsan*, *Tanah di Hujung Bendang*, *Pengadilan*, *Hikmah*, *Mustaqima*, *Apa-apa*, *Di Hujung Taming Sari*, *Pasir-Pasir di Pasir Salak dan Air Mala Naning* berdasarkan tiga zaman iaitu Realisme (1960-1970), Absurd (1980-1990) dan Metasejarah (tahun 2000-2010) menjadi bahan analisis. Analisis dilakukan dengan menggunakan teori sastera Teksdealisme. Empat prinsip yang menjadi landasan teori ini adalah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip keperibadian telah dijadikan kriteria mengukur keunggulan drama-drama Mana Sikana. Kajian ini juga mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif yang menggunakan dua kaedah iaitu kaedah kajian kepustakaan pemerolehan data dan kaedah analisis kandungan kajian kepustakaan melalui buku-buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah, tesis-tesis sarjana dan doktor falsafah serta kertas-kertas kerja yang berkaitan. Pengkaji telah melakukan kajian di perpustakaan sepenuhnya iaitu seperti di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan mendapatkan maklumat melalui Internet. Dapatan kajian yang

telah dilakukan ialah pemikiran Mana Sikana telah menjadi titik tolak kepada pembentukan pemikiran penulis-penulis baharu. Mana Sikana telah menunjukkan prestasi yang istimewa dan luar biasa. Beliau bukan setakat menghasilkan pelbagai genre sastera yang berkualiti malah setanding dengan Sasterawan Negara yang lain. Situasi ini mencerminkan bahawa keunggulan beliau sebagai pengarang direalisasikan daripada keunggulan teks sebagaimana yang dihasratkan oleh falsafah Teksdealisme. Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini mengkaji Sembilan buah drama yang dihasilkan oleh Mana Sikana dan untuk mengenal pasti pemikiran Mana Sikana melalui drama. Namun, pengkaji pula hanya mengkaji cerpen dan puisi yang terdapat di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sahaja berlandaskan teori Teksdealisme.

Sorotan kajian yang seterusnya ialah kajian tesis yang bertajuk Teori Teksdealisme dalam Gaya Kehidupan Novel KOMSAS Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora kajian Ruziwati binti Abu Samah pada tahun 2019. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya keibubapaan di dalam novel KOMSAS Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Asas dan dasar kepada kajian ini dirungkai melalui empat prinsip teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah, iaitu prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keunggulan. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa, novel KOMSAS yang menggunakan gaya keibubapaan memainkan peranan yang luas dalam pembentukan sebuah masyarakat dan dilihat lebih bersifat mendidik. Perbezaan yang dapat dikesan ialah kajian lepas ini menumpukan kepada gaya keibubapaan dalam membentuk sesbuah masyarakat kerana mempunyai sifat mendidik. Pengkaji pula mengkaji keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 dengan pengaplikasian teori Teksdealisme.

Antara sorotan kajian yang lain adalah tesis yang bertajuk Novel Tengku Menteri dan Urih Pesisir Analisis Kepimpinan Berkualiti dengan Teori Teksdealisme kajian Mohd Nazri Zainuddin pada tahun 2015. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kepimpinan berkualiti dalam novel sejarah Tengku Menteri (Malaysia) dan Urih Pesisir (Brunei). Secara khususnya, kajian ini menggunakan teori Teksdealisme dengan mengaplikasikan prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada tiga watak iaitu Long Jaafar, Ngah Ibrahim dan Kapten Speedy daripada novel *Tengku Menteri*. Manakala tiga watak lagi daripada novel *Urih Pesisir* iaitu Syarif Omar, Wan Idrus dan Paul Gray. Watak-watak ini dipilih kerana mereka merupakan

pentadbir, pemimpin masyarakat dan mempunyai pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat. Kajian ini memperoleh data dengan menggunakan penyelidikan kepustakaan dan analisis kandungan novel-novel tersebut. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa watak-watak yang dikaji telah mempraktikkan kepimpinan berkualiti di dalam keluarga, masyarakat dan pentadbiran. Watak Ngah Ibrahim lebih dominan atau unggul kepimpinan berkualitinya kerana jawatan yang disandangnya, bilangan pengikut yang ramai, mementingkan agama dan pendidikan, bersedia menerima idea orang lain dan mempunyai sumber pendapatan yang tinggi. Berbeza pula dengan lima watak lain iaitu kepimpinan mereka kurang menyerlah dan terbatas kepada masyarakat setempat sahaja. Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini mengkaji sikap kepimpinan yang berkualiti di dalam novel sejarah manakala pengkaji pula mengkaji unsur pendidikan dalam teks sastera KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Sorotan kajian yang terakhir adalah *Jurnal Peradaban Melayu* yang bertajuk Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan kajian Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Wahid pada tahun 2019. Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan penggunaan prinsip pengurusan untuk mengetahui prinsip yang terdapat dalam pengurusan identiti bangsa yang berdasarkan daripada penyelidikan Pengurusan Identiti Bangsa dalam Trilogi Karya Hamka. Antara objektif kajian ialah mengenal pasti pengurusan identiti bangsa Melayu dan melihat kesesuaian teori Teksdealisme dalam menganalisis pengurusan identiti bangsa yang terdapat dalam trilogi novel Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck, Merantau Ke Deli dan Di Bawah Lindungan Ka'bah*. Kajian ini membuat penelitian yang berbentuk tekstualiti iaitu penelitian yang berdasarkan kajian kualitatif. Proses pengumpulan data bagi kajian ini adalah bersumberkan kajian kepustakaan kerana keseluruhan bahan yang terlibat di dalam kajian ini adalah daripada buku-buku, majalah, jurnal, artikel dan kajian-kajian di peringkat pascasiswazah dan sebagainya. Dapatan kajian menunjukkan sesbuah karya yang unggul dapat memberikan impak yang besar kepada para pembaca. Konsep yang sama juga digunakan dalam kajian ini bagi melihat bagaimanakah pembentukan sebuah identiti masyarakat yang unggul melalui pembinaan watak-watak utama dalam novel tersebut oleh Hamka. Pada ketika menghasilkan karya, watak-watak ini kebiasaannya adalah hasil idea berdasarkan pengalaman ataupun pengamatan penulis terhadap kejadian yang berlaku di sekeliling mereka. Maka, kebanyakan watak, plot penceritaan dan latar masyarakat adalah sama dengan realiti yang sebenar dalam kehidupan seharian. Perbezaan yang terdapat di dalam kajian lepas ini ialah ia menumpukan kepada penggunaan prinsip pengurusan dalam identiti bangsa, manakala berdasarkan kajian pengkaji pula mengkaji keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS berlandaskan teori Teksdealisme.

2.5 Kajian Bidang Lain

Sorotan kajian bagi bidang budaya ialah *Jurnal Melayu Sedunia* yang bertajuk *Pendidikan Kepelbagaian Budaya dalam Sejambak Bakti* kajian Hasrina Baharum, Norazimah Zakaria, Nordiana Hamzah dan Ariff Mohamad pada tahun 2018. Kajian ini bertujuan menentukan sama ada novel Sejambak Bakti termasuk dalam kategori kesusasteraan pelbagai budaya mengikut tafsiran tokoh-tokoh pendidikan kepelbagaian budaya terpilih. Di samping itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur kepelbagaian budaya yang terdapat dalam teks tersebut. Perbincangan ini bertitik tolak daripada Teori Struktural dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Dapatan kajian yang dapat dilihat ialah usaha menyemai pendidikan kepelbagaian budaya, novel ini dilihat sebagai suatu sumber unsur pendidikan kepelbagaian budaya yang boleh menyemai semangat perpaduan dalam kalangan pelajar yang berbilang kaum di Malaysia. Perbezaan yang dapat dikesan ialah, kajian lepas ini mengkaji dari segi budaya, manakala pengkaji mengkaji dari segi pendidikan.

Seterusnya, adalah sorotan kajian *Jurnal Pendidikan Malaysia* kajian Rafiza Abdul Razak yang bertajuk Pembelajaran Berasaskan Penghasilan Penceritaan Digital Multimedia Bagi Menganalisis Novel Bahasa Melayu pada tahun 2013. Kajian ini bertujuan dalam melihat aplikasi penggunaan strategi pembelajaran melalui projek multimedia menerusi penceritaan digital dalam membantu pelajar menguasai kemahiran menganalisis novel bahasa Melayu tingkatan tiga. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah tembusan semi-struktur dan bukti dokumen. Hasil kajian mendapati pembelajaran berasaskan projek multimedia dalam menghasilkan penceritaan digital multimedia dapat memotivasi pelajar, mewujudkan pembelajaran yang bermakna dan dapat meningkatkan pemahaman dan pencapaian serta kreativiti pelajar. Perbezaan kajian lepas ini ialah ia menumpukan kepada penceritaan digital multimedia dalam menganalisis novel, manakala kajian pengkaji menumpukan kepada unsur pendidikan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Sorotan kajian yang ketiga adalah kajian tesis yang berjudul Langit Petang: Perpindahan Novel ke Filem dari Sudut Latar Masa, Tempat dan Masyarakat kajian Siti Hajar bt. Kamarudin pada tahun 2006. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji gaya latar masa, latar tempat dan latar masyarakat dalam *Novel Langit Petang* yang telah diadaptasi kepada filem

Langit Petang. Penyelidikan secara kualitatif digunakan untuk merungkai permasalahan seperti terma dan definisi, serta teknik utama seperti penontonan, pembacaan, pemerhatian, analisis isi kandungan dan temu ramah. Hasil dapatan kajian mendapat terdapat ketetapan dalam penggunaan latar masa, latar tempat dan latar masyarakat di dalam novel dan filem petang. Terdapat perbezaan antara kajian lepas ini dengan pengkaji. Kajian lepas mengkaji novel yang diadaptasikan kepada filem, manakala pengkaji mengkaji teks KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sahaja.

Sorotan kajian yang seterusnya ialah tesis yang bertajuk Kesetiaan Kepada Teks: Dari Novel Ke Filem Ranjau Sepanjang Jalan kajian Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim dan Rahimah A. Hamid pada tahun 2012. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesetiaan teks *Rantau Sepanjang Jalan* setelah diadaptasikan menjadi sebuah filem. Gaya bahasa dan penyampaian dalam novel sangat memberi kesan kepada pembaca sehingga dapat dirasai setiap emosi watak melalui dialog yang disampaikan. Kemampuan sebuah filem untuk memancarkan isi sebuah novel berdasarkan dialog watak-watak dikaji bagi melihat kesetiaan filem terhadap sebuah novel yang diadaptasi. Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu kualitatif dengan sumber rujukan novel dan pemerhatian filem. Hasil dapatan kajian ialah kesetiaan teks dalam kajian ini akan memfokus kepada dialog yang digunakan. Fokus dilakukan agar kajian lebih spesifik dan memudahkan pemahaman tentang kesetiaan teks. Proses adaptasi yang berlaku dari novel ke filem memainkan peranan penting kepada dialog kerana Novel *Rantau Sepanjang Jalan* sangat memberi kesan kepada pembaca seterusnya menyentuh emosi yang mendalam. pengarah filem *Rantau Sepanjang Jalan* masih mengekalkan dialog-dialog yang ada dalam novel sebagai dialog yang boleh diguna pakai dalam pembikinan filem. Tidak dinafikan, bukan keseluruhan dialog diambil dari novel tetapi masih ada dialog yang diambil secara terus dari novel. Perbezaan kajian lepas yang dikesan ialah dari sudut dialog sama ada teks di dalam novel dikekalkan ke filem atau sebaliknya, manakala kajian pengkaji pula akan mengkaji teks KOMSAS berdasarkan teori Teksdealisme untuk mengangkat unsur pendidikan.

Sorotan kajian lepas yang kelima adalah tesis yang bertajuk Budaya dalam Puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian Teori Sastera Budaya pada tahun 2013 kajian Muhammad Irfan Nyia Abdullah. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji dan menganalisis aspek-aspek budaya yang terdapat di dalam puisi-puisi Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh. Kajian ini merangkumi puisi-puisi yang terdapat di dalam sebelas antologi puisi ciptaan Muhammad Haji Salleh dari tahun 1974 hingga 2008. Kajian ini menggunakan kaedah penelitian kepustakaan, melibatkan pembacaan dan pengumpulan sumber-sumber yang

berkaitan puisi-puisi Muhammad Haji Salleh, dan kaedah temu bual tidak berstruktur dengan subjek yang dikaji dan individu-individu yang mengenali beliau. Hasil dapatan kajian mendapati Muhammad Haji Salleh membawa mesej yang jelas tentang nilai-nilai positif berkaitan budaya kerja bangsa Jepun yang jauh lebih baik daripada bangsa Barat yang sepatutnya dijadikan model oleh bangsa dunia. Kajian turut menemui puisi-puisi Muhammad Haji Salleh memaparkan budaya beragama sebelum kedatangan dan selepas kedatangan agama Islam yang berkait rapat dengan sejarah, nilai-nilai dan amalan yang dituntut oleh agama. Oleh itu, terdapat perbezaan yang dikesan iaitu kajian lepas ini mengkaji dari sudut budaya berdasarkan puisi Muhammad Haji Salleh, manakala pengkaji mengkaji keunggulan pengarang berdasarkan teori Teksdealisme dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Sorotan kajian yang seterusnya adalah tesis yang bertajuk Analisis Intertekstualiti dalam Puisi Dinyanyikan karya Taufiq Ismail kajian Habiburrahman pada tahun 2016. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis puisi yang dinyanyikan oleh Taufiq Ismail yang terhimpun dalam Buku *Mengakar ke Bumi Menggapai ke Langit I* (1953-2008). Tiga objektif utama ialah mengenal pasti hubungan puisi-puisi tersebut dengan teks Al-Quran dan Hadis, menghurai lapisan makna yang tersirat serta mengkaji prinsip intertekstualiti yang terdapat dalam kumpulan puisi berkenaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kajian kepustakaan. Hasil dapat kajian mendapati puisi-puisi yang dianalisis iaitu sebanyak 92 puisi adalah puisi-puisi keagamaan iaitu puisi Islam. Puisi-puisi ini telah digunakan oleh Taufiq Ismail sebagai saluran Dakwah dan Islamiyyah diubah kepada bentuk lagu dan nyanyian, selain dalam bentuk buku. Perbezaan yang dapat dilihat ialah kajian lepas ini mengkaji puisi Islam yang dijadikan sebagai dakwah dalam bentuk lagu, manakala pengkaji mengkaji sastera KOMSAS dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 berdasarkan teori Teksdealisme.

Sorotan kajian yang ketujuh ialah kajian tesis yang bertajuk Wacana Budaya dan Seni dalam Puisi Melayu Modern oleh Penyair Negeri Kelantan yang dikaji oleh Norhayati Abdul Rahman pada tahun 2022. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek pendokumentasian dan pewacanaan budaya dan seni dalam karya mereka. Kedua, untuk menganalisis bentuk-bentuk dokumentasi budaya dan seni dalam puisi penyair Kelantan dengan menggunakan pendekatan konsep budaya oleh beberapa orang sarjana terkenal. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu data berbentuk puisi oleh penyair terkenal Kelantan seperti A. Aziz Deraman, Azmi Yusoff, Ezani Haji Daud, Mazli Husma, Wanrazuhar, Rosli K. Matari dan

Rahimidin Zahari. Hasil dapatan kajian mendapati Kelantan mempunyai keunikan yang pelbagai termasuk dalam aspek budaya dan kesenian kerana memiliki tradisi keintelektualan, rasionalisme, dan jati diri yang kukuh dan tersendiri. Masyarakat Kelantan juga masih kukuh dalam mempertahankan kebudayaan, warisan, kesenian serta jati diri mereka dalam kehidupan seharian. Hal yang demikian juga diungkapkan dan diwacanakan dalam pelbagai bentuk dan genre karya sastera, termasuk genre puisi Melayu moden. Perbezaan yang dapat dilihat ialah, kajian lepas ini mengkaji wacana budaya dan seni dalam puisi Melayu penyair negeri Kelantan. Tetapi, pengkaji pula mengkaji keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 berdasarkan teori Teksdealisme.

Selain itu, sorotan kajian lepas ialah *Jurnal Komunikasi* yang bertajuk Tema Kepentingan Kepelbagaian Gadget dan Komunikasi Digital pada tahun 2019 kajian Maznida Mahadi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salina Ja’afar. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cerpen media baru yang memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017 berdasarkan Teori Estetika Sastera Global. Melalui teori ini, penilaian dilakukan dengan menyatakan dan menghuraikan pengalaman pembacaan cerpen media baru, meneliti aspek keindahan yang terpancar daripada gaya bahasa yang digunakan pengarang, pembinaan struktur karya dan aspek kontekstual yang diungkap oleh pengarang dalam cerpen media baru. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan mengaplikasikan beberapa kaedah seperti meneliti dan menganalisis data-data yang diperoleh daripada perpustakaan dan laman sesawang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keenam-enam cerpen media baru yang dianalisis mengangkat tema kepentingan kepelbagaian peranti dan keberkesanan komunikasi digital. Keseluruhan cerpen media baru Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2017, menekankan impak serta manfaat hasil penggunaan peranti dan komunikasi digital. Dapat dilihat perbezaan yang ketara iaitu kajian lepas ini menumpukan kepada kepentingan kepelbagaian gadget dan komunikasi, manakala kajian pengkaji menumpukan kepada keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan teori Teksdealisme.

Selain itu, kajian lepas yang diperoleh ialah *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* yang bertajuk Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif kajian Mohamed Nazreen Shahrul Hamid dan Md. Salleh Yaapar pada tahun 2015. Kajian ini bertujuan untuk membandingkan filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan teks sumbernya dari sudut unsur naratif, iaitu plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema untuk melihat sejauh mana wujudnya persamaan dan perbezaan antara filem dengan karya tersebut,

dan menganalisis serta menilai bentuk dan kaedah adaptasi yang telah digunakan oleh pengarah filem dan penulis skrip. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, temu bual, analisis tekstual, dan pencarian maklumat dalam laman sesawang. Melalui dapatan kajian, dapat dilihat bahawa penulis skrip dan pengarah filem telah menggunakan bentuk “adaptasi longgar”, iaitu dengan mengubah atau mengolah semula sebahagian besar unsur yang terdapat dalam teks asal. Malah, terdapat perkara yang dibuang dan ditambah oleh penulis skrip dan pengarah filem. Semua ini dilakukan untuk disesuaikan dengan jalan cerita filem *Hikayat Merong Mahawangsa* yang umumnya memang menarik dan berkesan. Unsur logik telah mendominasi filem ini berbanding teks asal yang kaya dengan pelbagai unsur mitos dan legenda. Terdapat perbezaan melalui kajian lepas ini dengan kajian pengkaji iaitu kajian lepas ini menggunakan unsur naratif di dalam kajian. Manakala, pengkaji menggunakan teori Teksdealisme dalam menganalisis keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.



2.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, penelitian teori Teksdealisme merupakan penelitian yang dapat mengangkat keunggulan seseorang pengarang dalam menghasilkan sebuah kajian. Berdasarkan bahagian bab ini juga dilihat seseorang pengarang mampu menghasilkan kajian yang berkualiti dan unggul dengan pengaplikasian teori Teksdealisme. Namun, pengkaji juga mendapati bahawa terdapatnya kurang kajian mengenai keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan dalam sastera berdasarkan teori Teksdealisme. Oleh itu, berdasarkan kajian literatur yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa pengarang dapat mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 dengan menggunakan teori Teksdealisme.



BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Menurut Hornby (1985) menjelaskan bahawa metodologi ialah salah satu cara yang diaplikasikan dalam menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Kaedah ini untuk mereka bentuk, mengumpul serta menganalisis data untuk menghasilkan bukti dan menyokong sesbuah penyelidikan. Metodologi ini menerangkan cara untuk menyelidik masalah dan mengapa kajian ini dilakukan dengan menggunakan teknik tertentu. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Kaedah ini juga bertujuan untuk membantu pengkaji dalam memperoleh pemahaman yang lebih luas dan terperinci melalui penggunaan pelbagai kaedah sepanjang proses penyelidikan dilakukan. Selain itu, metodologi juga bermaksud pengetahuan mengenai kaedah dan disiplin yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan tertentu untuk mencapai matlamat. Selain itu, metodologi juga merujuk kepada kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan menentukan prosedur yang berkesan dalam menangani persoalan kajian. Oleh itu, bahagian bab ini akan menerangkan dan membincangkan mengenai kaedah-kaedah dan cara kajian dilakukan bagi mendapatkan pelbagai maklumat dalam menyelesaikan kajian ini. Maklumat-maklumat yang diperoleh membolehkan pengkaji untuk menganalisis teori Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan pengarang dalam sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5. Bab tiga akan menumpukan kepada aspek kaedah menganalisis teks, kaedah kajian, reka bentuk kajian dan kerangka teori dan kerangka kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian hendaklah dilakukan dengan memperlihatkan sesuatu perjalanan kajian yang dilakukan melalui pelan tindakan secara lebih terperinci. Reka bentuk kajian merupakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk memberikan deskripsi atau gambaran mengenai subjek penelitian berdasarkan data variabel yang diperoleh dari kelompok subjek tertentu. Bab ini terdiri daripada beberapa proses dan komponen yang harus diikuti iaitu pengenalpastian masalah, pengumpulan data awalan, pembangunan kerangka teori, pembangunan persoalan kajian, pembangunan reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data serta penutup. Bryman (2008) menyatakan bahawa kajian adalah kerangka yang diaplikasikan oleh sesebuah kajian untuk memperoleh dan menganalisis data. Melalui reka bentuk kajian ini, pengkaji akan membaca, menafsir, menganalisis dan mengenal pasti kajian yang sedang dijalankan. Hal ini sangat penting bagi memastikan kajian dijalankan dalam keadaan tersusun dan berada di landasan yang betul. Pengkaji juga akan memastikan kajian yang dijalankan menumpukan kepada objektif kajian agar kerja analisis pengkaji dapat memperoleh sumber data yang sahih dan berilmiah. Bagi memastikan kajian ini mudah difahami dan penyampaian mesej yang disampaikan jelas, pengkaji akan membaca dan menganalisis setiap teks puisi dan cerpen yang terdapat di dalam sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 dengan teliti. Pengaplikasian teori Teksdealisme adalah untuk memastikan keunggulan sesuatu teks karya dari aspek kepengarangan dilihat bermutu dan unggul. Justeru, reka bentuk kajian ini menumpukan kepada mencari jalan penyelesaian bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang menjadi tanda tanya kepada pengkaji serta mencapai objektif kajian.

- 1) Mengenal pasti bagaimana seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dengan pengaplikasian teori Teksdealisme.
- 2) Menyenaraikan nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks KOMSAS berdasarkan pengalisan prinsip individualisme.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah kajian teks iaitu cerpen sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5. Pengkaji akan mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif untuk memperoleh maklumat daripada hasil pembacaan dan menganalisis teks cerpen tersebut. Berdasarkan buku KOMSAS tingkatan 4 karya Saleh Ahmad dan Mohd Isham Embong pada tahun 2014, manakala tingkatan 5 karya pada tahun 2015. Secara jelasnya, hanya beberapa cerpen yang telah dipilih oleh pengkaji sahaja yang akan digunakan dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji juga menggunakan kaedah pembacaan dengan sangat teliti terhadap karya tersebut agar pengkaji dapat lebih memahami jalan cerita dan maksud tersurat serta tersirat yang terdapat di dalam cerpen berkenaan. Apabila sesuatu pembacaan analisis teks dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa kepengarangan seseorang pengarang dalam berkarya dengan pengaplikasian teori Teksdealisme dapat mengangkat sesuatu karya itu lebih bermutu dan unggul.

Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan laman sesawang bagi mencari maklumat tambahan. Kaedah-kaedah ini juga dapat membantu dalam menambahkan pemahaman dan pengetahuan pengkaji bagi mengukuhkan lagi hujah dalam kajian yang dilakukan. Teori Teksdealisme mampu menjadi salah satu panduan kepada pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya sastera KOMSAS dalam mengangkat unsur pendidikan berlandaskan kepada FPN. Oleh itu, pengkaji akan menumpukan kajian ini terhadap keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan mengikut FPN dalam sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 berdasarkan teori Teksdealisme.


3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang dilakukan oleh pengkaji bagi memperoleh bahan kajian yang berilmiah. Pengkaji mencari bahan-bahan kajian melalui data-data dan rekod-rekod serta dokumen yang sedia ada seperti artikel, jurnal, tesis, majalah, buku dan sebagainya. Tambahan pula, pengkaji mengambil beberapa jenis dokumen yang boleh digunakan dalam kajian iaitu seperti artikel, jurnal, Tesis Sarjana Muda, Tesis Doktor Falsafah dan cerpen sastera KOMSAS tingkatan 4 juga tingkatan 5, kajian-kajian lepas dan buku rujukan. Data dan maklumat yang diperoleh ini sangat berguna dalam menguatkan serta mengukuhkan hujah di dalam kajian ini. pengkaji memperoleh maklumat-maklumat daripada Perpustakaan Universiti

Malaysia Kelantan (UMK) yang terletak di daerah Bachok. Pengkaji juga menggunakan kemudahan yang ada di perpustakaan tersebut untuk mencari maklumat. Sebelum pengkaji menggunakan sumber kajian tersebut, pengkaji akan terlebih dahulu memastikan kesahihannya.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Pengkaji menganalisis kesemua dokumen dan data yang diperoleh berkaitan dengan kajian agar segala maklumat yang didapati adalah betul dan sahih serta berilmiah. Pengkaji akan memberi perhatian sepenuhnya bagi mengelakkan sebarang kesalahan dan melanggar etika ketika proses penulisan dilakukan dalam kajian ini. Maklumat dan data yang diperoleh haruslah relevan bagi menghasilkan hujah yang menepati tajuk kajian. Melalui kaedah analisis teks juga, pengkaji akan memastikan maklumat yang didapati adalah tepat berdasarkan objektif kajian yang hendak dijalankan.



Rajah 3.1 : Kedah Analisis Tekstual

3.3.3 Sumber Internet

Pengkaji melayari laman sesawang untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan. Melalui sumber Internet, amat memudahkan pengkaji untuk mendapat info daripada penyelidik karya sastera negara-negara luar. Pencarian maklumat tersebut haruslah relevan, tepat dan berkualiti. Antara laman web yang selalu pengkaji lawati ialah Google Scholar, laman web universiti awam dan swasta, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Academia* dan sebagainya. Maklumat yang didapati dijadikan sebagai bahan rujukan. Semasa melayari laman web tersebut, pengkaji haruslah elakkan diri daripada memplagiatkan hasil kerja penyelidik yang lain.

3.4 Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme adalah teori yang menerangkan keunggulan sesebuah teks harus mempunyai hasrat yang seharusnya ada dalam diri seseorang pengarang. Dalam penghasilan sesebuah karya yang unggul, seseorang pengarang hendaklah bijak dan berani dalam menonjolkan sesuatu idea baru dalam melakukan inovasi serta pembaharuan di dalam karya sastera. Mana Sikana (2006) menyatakan seseorang pengarang haruslah mencapai tahap keunggulan yang mempunyai nilai, bermakna yang tinggi dan cemerlang agar mampu bertahan dalam peredaran masa dan zaman. Selain itu, teori Teksdealisme juga menggalakkan pengarang agar dapat bergerak dalam landasan keilmuan untuk menghasilkan sesebuah karya sastera. Oleh itu, keunggulan seseorang pengarang dalam menghasilkan karya dapat memberikan inovasi kepada khalayak dan dapat meningkatkan karya sastera tempatan ke peringkat yang lebih tinggi.

3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme merupakan teori yang diasaskan oleh Mana Sikana pada akhir tahun 1980-an di Malaysia. teori Teksdealisme dicipta sebagai usaha untuk mengukuhkan karya sastera Melayu ke arah yang lebih maju dan dinamik. Teori Teksdealisme adalah salah satu usaha yang dapat dijadikan sebagai jalan alternatif yang lebih sesuai dengan kesusteraan Melayu. Penamaan teori Teksdealisme diambil sempena kata ideal dan unggul agar dapat melahirkan teks dan pengarang yang idealistik. Definisi teori ini ialah merupakan susunan idea dan pengalaman pengarang

yang mempunyai makna dan sifat keunggulannya. Setiap pengarang mempunyai usaha dan hasrat yang tersendiri untuk mencapai keunggulan dalam teksnya.

Teori ini juga telah dipersetujui keuniversalannya di Malaysia kerana teori ini menjelaskan bahawa kesusasteraan tidak terikat dengan mana-mana kesusasteraan. Melalui teori ini juga, seseorang pengarang haruslah mempunyai keberanian dan kebijaksanaan dalam mengemukakan idea dan pemikiran yang berbeza atau baharu. Hal ini kerana, seseorang pengarang harus melakukan inovasi dan pembaharuan dalam mencipta sesuatu karya. Teori Teksdealisme di Malaysia diperakui dan berkembang kerana teori Teksdealisme dianggap sebagai teori yang tidak kurang hebatnya dengan teori Barat. Kaedah penulisan teks berdasarkan teori Teksdealisme mementingkan idealisme, keunggulan dan usaha untuk melakukan pembaharuan dalam menginovasi, transformasi, modifikasi, demitefikasi dan penciptaan. Menurut, Siti Khariah Mohd. Zubir (2012) pengarang akan memenuhi kehendak diri dan khalayak pembaca dalam menghasilkan sebuah karya.

3.4.2 Prinsip Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme mempunyai empat prinsip sebagai garis panduan dalam mencapai keunggulan. Keempat-empat prinsip tersebut ialah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme serta prinsip individualisme. Berdasarkan prinsip kehadiran, seorang penulis perlu ada idea dan pengalaman untuk menghasilkan sesuatu karya yang baik dan membentuk jati diri sebagai seorang penulis. Di dalam hal ini, sumber idea dan sumber pengalaman itu amat penting sekali. Sumber idea tersebut boleh berpuncak dalam pelbagai bentuk manakala sumber pengalaman pula boleh disebabkan pengalaman penulis itu sendiri mahupun daripada peristiwa ataupun kejadian yang berlaku sehari-hari.

Seterusnya pelanggaran iaitu proses penciptaan yang membawa unsur-unsur revolusi di dalam sastera. Pelanggaran memerlukan nilai pertimbangan di antara proses perubahan dengan sifat-sifat pengekalan. Selain itu, prinsip pengukuhan ialah usaha pendewasaan pengarang untuk menghasilkan teks yang unggul. Dalam usahanya menghasilkan karya sastera, seseorang pengarang akan berikhtiar untuk memperbaiki dan menyempurnakan teks yang dihasilkannya itu agar ia menjadi lebih baik dan lebih

sempurna daripada teks-teks yang telah dihasilkan sebelumnya. Manakala, bagi prinsip individualisme dapat dikesan berdasarkan empat kriteria yang lain iaitu daripada sudut stil individu, rekacipta individu, kedirian individu dan tindakan individu.

3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori

Kaedah pengaplikasian teori bertujuan menjadikan sesebuah kajian berada di landasan yang tepat dan sahih. Kaedah ini amat penting dalam memastikan kajian yang dijalankan oleh pengkaji mempunyai asas dalam mengaitkan teori semasa menganalisis kajian. Hal ini juga, pendekatan yang digunakan oleh pengkaji haruslah jelas dan mempunyai hala tuju yang tersendiri dan mempunyai objektif agar matlamat kajian dapat dicapai. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Analisis kandungan merupakan alat kajian yang digunakan untuk menganalisis terhadap maklumat atau data seperti buku, jurnal, teks dan sebagainya. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah untuk menganalisis dan mengenal pasti keunggulan seseorang pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan di dalam sastera KOMSAS berdasarkan teori Teksdealisme. Dapat dilihat, pengaplikasian teori amat penting dalam sesuatu kajian dalam memastikan sesuatu kajian itu tepat dan benar serta dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.


3.5 Kerangka Teori

KEUNGGULAN KEUNGGULAN PENGARANG DALAM MENGANGKAT UNSUR PENDIDIKAN SASTERA MENERUSI KOLEKSI CERPEN TERPILIH KOMSAS: SATU PENELITIAN TEKSDEALISME



Objektif Kajian

- Mengenal pasti bagaimana seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dengan pengaplikasian teori Teksdealisme.
- Menyenaraikan nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks KOMSAS berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara.



Rajah 3.2 Kerangka Teoritikal

3.6 Kesimpulan

Secara rumusannya, metodologi kajian memainkan peranan yang amat penting dalam melakukan sesuatu penyelidikan. Dengan wujudnya metodologi kajian, susunan penyelidikan akan lebih mudah difahami berdasarkan tajuk kajian yang ingin dilakukan. Tambahan pula, susunan dan inti pati kajian yang tepat akan menghasilkan kajian yang amat berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana, sumber-sumber atau bahan kajian yang diperoleh adalah sumber yang sahih dan membawa hujah yang betul. Metodologi kajian ini juga banyak membantu pengkaji dalam mengenal pasti dan menganalisis keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 menerusi teori Teksdealisme.




BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini akan membincangkan aspek keunggulan pengarang melalui kumpulan cerpen terpilih KOMSAS dalam mengangkat unsur pendidikan menerusi penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan berdasarkan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Melalui kajian ini, pengkaji akan merungkai sisi individualisme seseorang pengarang menerusi teori Teksdealisme. Pengkaji memilih enam jenis cerpen iaitu tiga jenis cerpen dari buku Tingkatan 4 seperti Cerpen ‘Kaduk, Ayam, dan Raja’, Cerpen ‘Munsyi’ dan Cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’. Manakala tiga jenis cerpen dari buku Tingkatan 5 iaitu Cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawwakil’, Cerpen ‘Hipertensi’ dan Cerpen ‘Gerhana Manusia’.



Rajah 4.1 : Aspek JERI

TEORI TEKSDEALISME DI DALAM CERPEN TERPILIH

KEHADIRAN

PENGUKUHAN

PELANGGARAN

Rajah 4.2 : Teori Teksdealisme

4.2 Menghuraikan bagaimana seseorang pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam koleksi cerpen KOMSAS menerusi pengaplikasian teori Teksdealisme.

Bahagian ini akan membincangkan pengaplikasian seorang pengarang dalam memanfaatkan prinsip kehadiran, pelanggaran dan pengukuhan di dalam koleksi cerpen KOMSAS berdasarkan teori Teksdealisme.

4.2.1 Prinsip Kehadiran

Prinsip kehadiran merupakan pemikiran seorang pengarang dalam mencipta teks dan merepresentasikan realiti kepada pembaca. Seseorang pengarang perlulah mempunyai idea dan pengalaman dalam mencipta sesbuah karya yang berkualiti dan membentuk jati diri sebagai penulis. Sesuatu sumber idea dan pengalaman yang diaplikasikan di dalam karya dapat menghasilkan sebuah karya yang bermutu, berbeza dan kreatif. Sesuatu hasil karya yang dihasilkan merupakan gambaran dan cerminan personaliti seseorang pengarang. Menurut Mana Sikana (1996) berpendapat bahawa idea dan pengalaman berhubung kait dengan jati diri. Sesuatu karya akan tercipta dengan idea dan pengalaman tersebut. Dalam penghasilan cerpen KOMSAS, pengarang menghasilkan cerpen yang unik dengan mengandungi konsep dan elemen tertentu yang hadir di dalam cerpen.

4.2.1.1 Kehadiran Pengalaman

Manu Sikana (2006) menyatakan bahawa pengalaman akan membentuk suatu idea yang unggul dan dapat dikemukakan di dalam penciptaan teks karya. Melalui proses penciptaan atau penulisan, kehadiran akan terus berlaku dalam pemikiran pengarang sehingga teks tersebut disiapkan. Pengalaman pengarang dalam kehidupan atau keadaan sekeliling boleh menghasilkan jalan cerita yang mempunyai unsur klimaks atau konflik bagi menarik perhatian pembaca. Menurut Noriah (1993) yang menyatakan bahawa konflik di rangsangan secara mudah melalui organisasi watak yang amat berbeza. Pembinaan konflik melalui watak-watak di dalam sesebuah naratif ini akhirnya akan mengesankan khalayaknya. Kehadiran konflik di dalam cerpen dapat menjadikan sebuah karya tersebut lebih dinamik.

Jadual 4.1 : Kehadiran Konflik

TEKS	CERPEN
<p><i>“Setelah Aiman meningkat remaja, daya imaginasinya terhadap dunia penerokaan sains angkasa lepas itu masih kuat. Keadaan itu menyebabkan bapanya yang tegas itu sering menampar Aiman yang masih kuat berangan-angan sehingga menyebabkan dia menjadi gagap.”</i></p>	Hipertensi

Melihat kepada sumber teks di atas, pengarang iaitu Illias Zaidi merupakan pengarang yang berjaya menghasilkan lebih dari 230 karya penulisan yang berpotensi tinggi. Beliau menggunakan pengalaman beliau sebagai penulis dalam menjawai jalan cerita cerpen Hipertensi. Kewujudan konflik di dalam jalan cerita merupakan salah satu kaedah beliau dalam menonjolkan unsur saspen. Berdasarkan pengalaman beliau dalam menghasilkan cerpen, Illias Zaidi merupakan penulis yang amat menekankan nilai pembelajaran di dalam penulisannya. Oleh itu, beliau menerapkan unsur konflik berdasarkan pengalaman beliau untuk menyampaikan makna dan mesej yang boleh dijadikan pendidikan kepada pembaca.

Jadual 4.2 : Kehadiran Konflik

TEKS	CERPEN
<p><i>“Professor Doktor Juaidi berusaha untuk menyelamatkan nyawa Tuan Besar Musa dengan meningkatkan kadar penggunaan Adelina, dopamine dan atropine.”</i></p>	Gerhana Manusia

Pengarang cerpen ini iaitu Aminah Mokhtar mengimbas kembali pengalaman beliau yang pernah bekerja dan bertugas sebagai jururawat. Pengalaman beliau dalam menghadapi liku-liku pekerjaan di dalam bidang ini membuatkan beliau cenderung untuk menghasilkan karya. penambahan konflik di dalam cerpen merupakan salah satu pengalaman atau pengetahuan yang pernah dilalui atau diketahui oleh pengarang dan diaplikasikan di dalam cerpen. Dapat dilihat, situasi konflik antara doktor dan jururawat yang dipaparkan melalui cerpen merupakan salah satu isu atau kejadian yang kadang kala terjadi di dunia ini. Oleh itu, pengarang menjadikan isu ini sebagai konflik di dalam cerpen bagi mencetuskan tanda tanya dan menghidupkan suasana yang lebih genting di dalam pemikiran pembaca.

Jadual 4.3 : Kehadiran Konflik

TEKS	CERPEN
<p><i>“Ahmad Mutawwakil telah didatangi oleh seorang budak lelaki di surau pada malam Jumaat selepas dia selesai menyampaikan ceramahnya. Keesokan harinya, kehilangan Ahmad Mutawwakil menimbulkan tanda tanya dan kegelisahan dalam kalangan masyarakat kampung apabila seharian dia tidak muncul ke surau kampung itu. ”</i></p>	Cinta Ahmad Mutawwakil.

Berdasarkan karya Zainal Rashid Ahmad melalui teks cerpen di atas, pengarang menghadirkan permasalahan atau konflik di dalam cerpen bagi menimbulkan tanda tanya kepada pembaca kerana wujudnya ketegangan. Zainal Rashid Ahmad merupakan penulis yang berani menyahut cabaran di dalam berkarya. Keberanian beliau yang menyamar sebagai pelancong dan menyelinap ke Palestin demi mendedahkan kebenaran penindasan Israel kepada rakyat Palestin yang patut dibanggakan .Hal ini juga, pengarang menggunakan

pengalaman beliau dalam memaparkan penindasan masyarakat Melayu dahulu yang ditindas dan bermati-matian demi menyelamatkan tanah air. Cerpen cinta Ahmad Mutawwakil merupakan cerita dari pengalaman beliau sendiri dan disusun dalam bentuk teks dengan jelas akan semangat-semangat cinta akan negara. Oleh itu, melalui cerpen ini, pengarang cuba menyampaikan semangat patriotisme merupakan nilai yang wajib untuk dimiliki oleh setiap individu.

Dapat dilihat, kehadiran merupakan prinsip yang penting dalam menghasilkan karya yang unggul dan berkualiti. Pengarang yang kreatif dan bijak haruslah mampu menghasilkan karya yang jelas dan mempunyai identiti. Pengarang menghadirkan konflik dari pengalaman yang pernah dialami di dalam penulisan bagi menyelitkan nilai-nilai atau mesej pengajaran kepada pembaca melalui karakter. Hal ini kerana, ketika watak menghadapi kesulitan, mereka pasti akan mencari penyelesaian atau mengubah pendekatan mereka terhadap hidup.

4.2.1.2 Pembinaan Perwatakan

Pembangunan karakter dan watak di dalam cerpen KOMSAS dapat memberikan perhatian dan penghayatan yang mendalam kepada pembaca. Kehadiran karakter yang kuat dan kompleks dapat mencipta cerpen yang lebih menarik. Menurut Syed Othman Kelantan (1985) menjelaskan bahawa watak memainkan peranan yang penting dalam sesebuah karya. watak yang digambarkan dalam sesebuah karya dilukiskan dalam bentuk fizikal atau sifat perwatakan yang tersendiri mengikut kehendak jalan cerita yang dibangunkan.

Berdasarkan jalan cerita cerpen KOMSAS, penulis membina dan mencipta pelbagai jenis watak seperti watak-watak utama yang berwatak penyayang dan watak antagonis. Melalui kepelbagaiannya perwatakan ini, pembaca dapat melihat perbezaan dalam nilai, sikap dan tindakan setiap watak-watak cerpen. Menerusi cerpen Hipertensi karya Illias Zaidi, pengarang memaparkan tiga jenis watak yang menonjolkan iaitu watak utama iaitu Aiman dan kedua ibu bapanya.

Jadual 4.4 : Pembinaan Perwatakan

TEKS	WATAK
<i>“Aiman teringat akan perbuatannya yang selalu ponteng kelas akibat berasa bosan dan jelak dengan silibus sekolah rendah yang dikatakan tidak setanding</i>	Aiman Watak protagonis

<i>dengan daya pemikirannya yang cerdik dan pintar pada waktu itu.”</i> (Hipertensi, 2015 : 74)	
<i>“Bapa Aiman telah merotan Aiman pada bahagian pinggang sehingga lebam”</i> (Hipertensi 2015 : 74)	Ayah Watak Dinamis
<i>“Ibunya memprotes tindakan bapanya itu di dalam hati sahaja.”</i> (Hipertensi, 2015 : 74)	Ibu Watak Keluarga

Dapat dilihat, berdasarkan cerpen Hipertensi memaparkan watak keluarga seperti watak ibu, dan watak komunal iaitu peranan ayah yang tegas. Selain itu, pengarang juga membina watak protagonis iaitu Aiman yang merupakan seorang anak yang bijak, namun mengalami halusinasi sendiri. Watak utama iaitu Aiman yang merupakan pelajar bijak mempunyai daya pemikiran yang lebih matang dari rakan-rakannya. Aiman yang sering ponteng sekolah dan mengganggu rakan telah diketahui oleh ayah dan ibunya. Ayahnya yang tegas telah merotan Aiman sehingga lebam. Halusinasi Aiman semakin teruk apabila sudah menginjak remaja. Ibu Aiman yang bimbang melihat Aiman yang sering dipukul hanya mampu berdiam. Ayah Aiman memarahi Aiman dan memukul Aiman sehingga gagap akhirnya dihantar dan dirawat di hospital. Aiman yang tersedar dirinya jauh tersimpang dari kesedaran nyata akhirnya berubah dan bertaubat.

Jadual 4.5: Pembinaan Perwatakan

TEKS	WATAK
<i>“Ketika berkunjung ke kedai-kedai tersebut, penulis telah disapa oleh seorang lelaki dari sebuah kedai yang menjual jaket kulit.”</i> (Jaket Kulit Kijang, 2014 : 70)	Mas (Watak Protagonis)

<p><i>“Lelaki itu telah cuba sedaya upaya memujuk penulis untuk membeli jaket tersebut. Desakan lelaki itu itu semacam memerangkap dan memaksa penulis untuk membelinya”</i></p> <p style="text-align: center;"><i>(Jaket Kulit Kijang, 2014 : 70)</i></p>	Penjual Jaket Kulit Kijang (Watak Antagonis)
<p><i>“Pesanan pemandu pelancong sebelum ini agar berhati-hati ketika berurusan dengan peniaga di Istanbul.”</i></p> <p style="text-align: center;"><i>(Jaket Kulit Kijang, 2014 : 70)</i></p>	Pemandu Pelancong (Watak Tambahan)
<p><i>“penulis mengisahkan pula perjalanannya pada hari keenam di Istanbul. Kesusahan yang dialami oleh wanita tua, penjual makanan burung menyentuh perasaannya”</i></p> <p style="text-align: center;"><i>(Jaket Kulit Kijang, 2014 : 70)</i></p>	Watak Tambahan

Berdasarkan cerpen Jaket Kulit Kijang karya Maskiah Haji Masrom, beliau membina watak yang pelbagai di dalam cerpen bagi memaparkan kepelbagaiian peranan atau struktur jalan cerita. Melalui watak utama Mas, pengarang membina watak protagonis yang berperanan sebagai watak utama dan seorang penulis yang menceritakan pengalamannya bercuti. Watak Mas memaparkan pelbagai kejadian yang berlaku di Istanbul dan apa yang berlaku seterusnya. Selain itu, pengarang juga membina watak antagonis iaitu penjual Jaket Kulit Kijang kerana menjadi halangan dan penentang kepada watak Mas. Kejadian konflik yang menimpa Mas berpunca dari penjual itu menyukarkan perjalanan bercuti Mas kerana penjual itu mengatakan bahawa Mas ialah penipu dan memaksa Mas membeli jaket yang dijual. Pengarang juga menambahkan watak tambahan yang berperanan dalam membantu dan mengembangkan karakter watak utama seperti watak pemandu pelancong yang ada berpesan kepada pelancong lain untuk berhati-hati dengan penjual, watak wanita tua dan penjual makanan burung.

4.2.2 Prinsip Pelanggaran

Manu Sikana (2003) mendefinisikan pelanggaran merupakan proses dalam penciptaan dinamik untuk mencapai pembaharuan dalam berkarya dan kaedah dalam mencapai keunggulan.

Jadual 4.6 : Pelanggaran Karya

Maskiah Masrom		
CERPEN	PENGEKALAN/PERUBAHAN	ASPEK PENGARANG
Jaket Kulit Kijang (Cerpen KOMSAS Tingkatan 4)	Pengarang melakukan perubahan dari segi inspirasi atau idea dalam mencipta cerpen dan penyampaian jalan cerita.	-Pengarang mengimbaskan kembali atau menggunakan pengetahuan dan pengalaman sendiri dalam menghasilkan cerpen
Nyanyian Sunyi (2010)		-Pengarang mendapat inspirasi dari sebuah puisi percintaan (Nyanyian Sunyi) karya Amir Hamzah. -Jalan cerita yang kurang dinamik dan ringkas.

Berdasarkan kepada cerpen Jaket Kulit Kijang, pengarang melakukan perubahan yang jelas terutama dari segi sumber idea dalam menghasilkan karya. Pengarang cuba memberikan cerpen yang berbeza kepada pembaca agar pembaca merasa kelainan dan lebih tertarik untuk mengikut hasil karya beliau. Penganalisisan bagaimana pelanggaran ini dilakukan ialah pengarang menekankan situasi imbas semula atau pengalaman seorang watak utama yang dianggap sebagai penulis.

Kesan dan fungsi pelanggaran yang dikesan ialah cerpen Jaket Kulit Kijang ini menggambarkan pelbagai jenis emosi dan situasi yang genting, namun tetap menekankan nilai-nilai iktibar dan pengajaran. Melalui cerpen Nyanyian Sunyi, Maskiah Maskom telah melakukan pelanggaran di dalam penulisan dari segi teknik penulisan yang menggunakan puisi sebagai panduan dalam menghasilkan cerpen. Gabungan kisah percintaan dan kisah tragedi Amir Hamzah yang dianggap hilang menggambarkan Maskiah Masrom merupakan pengarang

yang kreatif. Kesan dan fungsi pelanggaran di dalam cerpen ini membuat pembaca lebih tertarik di dalam karya sastera dan dapat merasai dan mendalami penceritaan berdasarkan teks.

4.2.3 Prinsip Pengukuhan

Prinsip pengukuhan di dalam cerpen berdasarkan konteks KOMSAS merujuk kepada konsep atau elemen dalam sesebuah cerpen yang memberi kesan atau penegasan terhadap sesuatu tema, mesej atau nilai yang ingin disampaikan oleh pengarang. Prinsip pengukuhan ini dapat memperkuat atau menonjolkan aspek tertentu di dalam cerpen. Menurut Mana Sikana (1996) melanggar tradisi sebelumnya adalah satu langkah dalam menuju pengukuhan diri. Oleh itu, setiap pengarang akan berusaha membina diri dengan aspek keperibadian yang dibina untuk menghasilkan karya yang lebih baik.

4.2.3.1 Penceritaan yang Berkesan

Pengaplikasian prinsip pengukuhan di dalam cerpen KOMSAS, pengarang dapat mencipta dan menghasilkan penceritaan serta jalan cerita yang sesuai dengan tema cerpen lebih baik dari karya yang sebelumnya. Pemilihan kata, gambaran dan deskripsi yang dikuatkan dapat memberikan penghayatan khas pada cerpen serta pembaca ke dalam dunia yang diciptakan.

Jadual 4.7 : Perbandingan Karya

KARYA AMINAH MOKHTAR	
NOVEL DIARI SEORANG JURURAWAT (1996)	CERPEN GERHANA MANUSIA (Cerpen KOMSAS Tingkatan 4)

Novel *Diari Seorang Jururawat* merupakan karya terawal Aminah Mokhtar yang diterbitkan pada tahun 1996. Berdasarkan karya ini, dapat dilihat kematangan yang dibuat oleh pengarang dalam menghasilkan cerpen Gerhana Manusia dari segi jalan penceritaan. Melalui novel *Diari Seorang Jururawat*, watak utama iaitu Siti Munirah menghadapi pelbagai pergolakan jiwa apabila kisah percintaannya yang memerlukan pengorbanan dan Siti Munirah juga menjadi nasihat dan pendengar kepada pesakit-pesakitnya yang mengalami konflik dalam kehidupan. Menerusi novel ini juga, pengarang memaparkan Siti Munirah seorang yang berpegang teguh dalam keagamaan. Jalan penceritaan yang terdapat di dalam novel ini, pengarang kurang memberikan elemen penceritaan yang dinamik atau berwarna di dalam karya. Novel ini lebih memaparkan kepada dunia atau bidang kejururawatan yang lebih mendalam juga terperinci seperti beban kerja, dilema dan etika bekerja.

Manakala, bagi cerpen Gerhana Manusia pula memaparkan jalan cerita yang lebih moden dan mempunyai intipati yang jelas. Penerapan konflik yang ketara situasi gentingnya dapat difahami dan dihayati oleh pembaca. Berbanding novel Diari Seorang Jururawat, cerpen Gerhana Manusia jelas memaparkan watak utama iaitu Nusia yang berani berkata jujur terhadap orang atasannya mengenai sikap adil, amanah dan perikemanusiaan. Walaupun Nusia dibelenggu perasaan dilema, namun tetap membantu pesakit-pesakitnya yang memerlukan darah. Dapat dilihat melalui cerpen Gerhana Manusia, pengarang berusaha ke arah memperbaiki diri dan menyempurnakan jalan cerita di dalam karyanya.

4.2.3.2 Penggunaan Bahasa Puitis

Penggunaan bahasa puitis di dalam sebuah karya dapat memberikan lebih dimensi, kedalam dan keindahan kepada pembaca melalui pesanan dan penceritaan yang ingin disampaikan. Di dalam penghasilan sebuah cerpen juga, dalam menjadikan sesuatu karya itu lebih menarik ialah dari segi pemilihan bahasa yang tersusun dan indah dapat menjadikan karya cerpen lebih kukuh dan mampu bertahan dalam genre kesusasteraan. Menurut Mana Sikana (2009) sajil seseorang pengarang dapat dilihat melalui gaya bahasa yang digunakan.

Jadual 4.8 : Penggunaan Bahasa Puitis

KARYA ZAINAL RASHID AHMAD			
Teks Cerpen Yang Tercinta (2012)	Gaya Bahasa	Teks Cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil (KOMSAS tingkatan 5)	Gaya Bahasa
“Umpama menghadap Raja”	Simile	“Gua tau..lu..dia punya kawan baik. Kasi tau sama itu Ahmad. Kalau mau ini kampung aman, jangan hasut orang benci komunis dalam surat khabar atau mana-mana tempat ”	Bahasa Slanga
“Berkulit licin seperti langsat matang”	Simile	“Seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami	Personafikasi


		<i>terasa tersentap pergi dan terlucut begitu saja daripada genggaman”</i>	
“Fadilatnya”	Diksi (Bahasa Arab)	“Garisan perang”	Metafora

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat pengarang memperbaiki dan menyempurnakan teks dari segi gaya bahasa. Berdasarkan karya beliau iaitu cerpen Yang Tercinta memperlihatkan pengarang menggunakan beberapa jenis gaya bahasa dalam memberikan bayangan atau perumpamaan. Melalui jadual di atas, pengarang menggunakan gaya bahasa simile iaitu “*Berkulit licin seperti langsat matang*”. Pengarang juga menggunakan istilah bahasa Arab iaitu gaya bahasa diksi di dalam karya iaitu “Fadilatnya”. Penggunaan gaya bahasa ini dapat memperkuatkan deskripsi sesuatu perasan dan pengarang dapat melibatkan pembaca dalam merasakan suasana di dalam cerpen.

Namun, dapat dilihat berdasarkan karya cerpen KOMSAS beliau iaitu Cinta Ahmad Mutawwakil mempunyai pelbagai jenis gaya bahasa yang digarapkan di dalam cerpen. Hal ini dapat dilihat, pengarang ingin memberikan makna yang khusus dan meningkatkan daya tarik estetika di dalam cerpen. Berdasarkan jadual di atas, pengarang menggunakan bahasa slanga untuk membezakan watak kaum Cina dari kelompok bangsa lain. Selain itu, pengarang juga mengaplikasikan gaya bahasa personifikasi bagi memberikan gambaran yang lebih hidup dan bermakna berdasarkan teks. Selain itu juga, pengarang menggunakan gaya bahasa metafora iaitu “*garisan perang*” untuk memberikan gambaran yang lebih kreatif dan pembaca dapat memahami konsep dengan cara yang lebih emosional. Hal ini juga, dapat dilihat pengarang menggunakan pelbagai jenis bahasa puitis dan mempunyai nilai estetika yang tinggi. Kesesuaian dan keserasian pengarang dalam mengaitkan gaya bahasa di dalam cerpen sangat sempurna. Oleh itu, dapat dilihat pengarang berusaha untuk berikhtiar demi menghasilkan karya yang lebih baik dan berbeza dari sebelumnya.

4.3 Pengenalan pastian nilai pendidikan di dalam teks KOMSAS berdasarkan penganalisisan prinsip individualisme.

Bahagian ini akan membincangkan dan meneliti nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam teks kumpulan cerpen yang dipilih melalui prinsip individualisme berdasarkan teori Teksdealisme bagi menjawab objektif kajian yang pertama.



Rajah 4.3 : Teori Teksdealisme

4.3.1 Nilai Jasmani

Berdasarkan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan seimbang dan holistik merangkumi pelbagai aspek pembangunan individu. Aspek jasmani memainkan peranan yang amat penting dalam memberikan pendidikan kerana ia berkait rapat dengan matlamat Malaysia yang mempromosikan pembangunan insan yang seimbang dan berkualiti. Hal ini juga, nilai JERI dari aspek jasmani juga boleh dikaitkan di dalam koleksi cerpen yang dipilih berdasarkan kajian ini. Nilai-nilai pendidikan jasmani ini boleh dilihat dari pelbagai bentuk berbeza seperti dari segi kesihatan, keaktifan, kecekapan, kecergasan dan keazaman melalui watak dan peristiwa di dalam cerpen.

4.3.1.1 Keberanian

Keberanian merupakan sikap atau sifat yang melibatkan kemampuan dan keinginan dalam menghadapi sesuatu untuk mengatasi perasaan takut dan bahaya. Terdapat pelbagai jenis aspek keberanian yang boleh dilihat seperti keberanian dari segi peribadi, moral dan fizikal. Menurut Shelley (2007) menyatakan bahawa keberanian merupakan salah satu tindakan yang menegakkan kebenaran.

Jadual 4.9 : Aspek Keberanian

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
<p>“Ketokohan Ahmad Mutawakkil menolak perjuangan komunis dan menentang penjajahan Inggeris melalui sesi pidato dan penulisannya dalam surat khabar.” (Cinta Ahmad Mutawakkil 2015 : 57)</p>	<p>Nilai JERI yang terdapat berdasarkan teks cerpen ini ialah nilai jasmani dari segi pergerakan watak utama yang menyampaikan pidato dan semangat akan tanah air.</p>	<p>Pengarang menggunakan pengalaman dan pengetahuan pengarang berdasarkan kisah perjuangan Ahmad Mutawakkil.</p>

<p>“Doktor Murni menggapai tangan Nusia dan mengajaknya ke bank darah supaya mereka dapat menderma darah untuk disalurkan kepada semua pesakit yang sedang koma di wad Unit Rawatan Rapi itu.”</p> <p>(Gerhana Musim 2015 : 85)</p>	<p>Nilai JERI yang terdapat di dalam teks ini ialah dari aspek jasmani iaitu pergerakan antara watak.</p>	<p>Pengarang <u>bertindak untuk mengubah perspektif masyarakat agar berlaku adil dan amanah</u> dalam menjalankan tanggungjawab dalam pekerjaan.</p>
--	---	--

Berdasarkan jadual 1 di atas, nilai jasmani amat memainkan peranan dalam memberikan pendidikan kepada pelajar mahupun masyarakat. Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), jasmani bermaksud perkaitan dengan tubuh badan atau benda dan ia berlawanan dengan rohani. Hal ini juga dapat dilihat berdasarkan jadual di atas yang memaparkan nilai-nilai pendidikan yang boleh dijadikan contoh dan teladan kepada pembaca. Menurut Ismail Abdullah (2006) menyatakan bahawa stail yang bukan ikut-ikutan dan bukan tiru-tiruan. Maka, di sinilah terpancar kelainan yang tertanam dalam daya fikir diri pengarang. Dapat dilihat, pengarang menerapkan prinsip individualisme dalam penghasilan cerpen dengan menggunakan teknik pengalaman dan tindakan pengarang dalam cuba mengubah pandangan pembaca berdasarkan jalan cerita yang terdapat di dalam cerpen.

4.3.1.2 Kegigihan

Konsep kegigihan merujuk kepada sifat seseorang yang berkait dengan ketekunan, kemampuan dan keinginan untuk berusaha melakukan perkara yang diinginkan dengan segala usaha sendiri walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan rintangan. Kegigihan juga merupakan salah satu usaha atau semangat dalam cuba memperbaiki diri dengan belajar dari pengalaman bagi mengembangkan lagi potensi diri.

Jadual 4.10 : Aspek Kegigihan

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
<p>“Tujuan Hakim menceburι bidang bidang penternakan adalah untuk menyahut seruan Kerajaan yang mahu rakyat di negara ini aktif dalam bidang penternakan. Banyak faedah yang akan disalurkan oleh Kerajaan kepada rakyat melalui Dasar Ekonomi Baru.”</p> <p>(<i>Kaduk, Ayam dan Raja</i> 2015 : 53)</p>	<p>Nilai JERI dari aspek jasmani. Cerpen ini memaparkan keaktifan dan keazaman jasmani watak utama.</p>	<p><u>Pengarang mengaplikasikan pengalaman beliau</u> dalam menceburι bidang baharu melalui cerpen.</p>
<p>“Profesor Doktor Juaidi memberitahu Nusia bahawa Tuan Besar Musa merupakan tokoh korporat dan teknokrat yang banyak menyumbangkan dana kepada kelab elit hospital tersebut. Sifat dermawannya yang telah menaja majlis makan malam tahunan yang bernilai ratusan ribu menyebabkan Profesor Doktor Juaidi berasa amat terhutang budi dan mencuba sedaya upaya untuk menyelamatkan nyawanya.”</p> <p>(<i>Gerhana Manusia</i> 2015 : 86)</p>	<p>Nilai JERI yang terdapat di dalam cerpen ini ialah kegigihan dari aspek jasmani seorang doktor.</p>	<p><u>Pengarang menggunakan pengalaman beliau</u> dari segi keadaan sekeliling atau situasi</p>

Dapat dilihat berdasarkan jadual 2 di atas, nilai jasmani dari aspek kegigihan yang terdapat di dalam cerpen yang dipilih memaparkan tindakan watak yang gigih melakukan pergerakan atau tindakan yang bijak untuk membuat keputusan yang bijak. Pengarang

menggunakan prinsip individualisme dari aspek pengalaman beliau sendiri melalui jalan cerita. Melalui jadual ini, nilai JERI dari aspek kegigihan dan jasmani ini dapat memberikan pendidikan kepada pembaca dan masyarakat. Nilai ini dapat membentuk peribadi individu yang aktif dan gigih dalam bertindak. Menurut Mok (1992) berpendapat bahawa melalui ilmu pendidikan, ia dapat melatih warga negara mematuhi peraturan-peraturan tingkah laku yang baik dan cekap mentadbir serta membangunkan negara. Hal ini juga, dapat menjadikan seseorang individu itu membentuk pembangunan diri yang seimbang.

4.3.2 Nilai Emosi

Nilai JERI dari aspek emosi melalui teks cerpen dapat memainkan peranan yang sangat penting di dalam pendidikan. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008) menekankan pembangunan rohani dan emosi ini pula boleh dihubungkan dengan efektif iaitu tentang perasaan dan kejiwaan. Aspek emosi dapat membantu pembaca dalam memahami dan mengendalikan aspek emosi yang berbeza dan mengembangkan kesedaran emosi yang lebih mendalam. Nilai-nilai pendidikan emosi yang terdapat di dalam cerpen KOMSAS dapat disampaikan melalui watak-watak, peristiwa dan mesej yang disampaikan di dalam cerpen. Antara nilai pendidikan emosi yang terdapat di dalam koleksi cerpen seperti empati, pemahaman diri, kesedaran emosi dan sebagainya.

4.3.2.1 Kemanusiaan

Berdasarkan konteks KOMSAS, nilai kemanusiaan merupakan prinsip-prinsip, nilai-nilai dan mesej-mesej yang berhubung kait dalam memartabatkan hak-hak asasi manusia. Melalui karya sastera seperti cerpen, nilai kemanusiaan ini dapat disampaikan melalui watak-watak, plot dan tema-tema yang menggambarkan nilai-nilai keadilan, kasih sayang, kebaikan, kebebasan, dan perjuangan seseorang individu atau manusia dalam mencapai kefahaman, kebahagiaan dan keadilan diri.

Jadual 4.11 : Aspek Kemanusiaan

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
<p>“Nusia menitiskan air mata apabila melihat penderitaan yang ditanggung Solehah. Nusia memberitahu bahawa tekanan darah Solehah semakin rendah. Profesor Doktor Juaidi menyuruh Nusia memberikan <i>gelafulidin</i> kepada Solehah untuk menggantikan darah disebabkan bekalan darah yang tidak mencukupi.”</p> <p>(<i>Gerhana Manusia</i>, 2015 : 85)</p>	<p>Nilai JERI yang dapat dilihat ialah dari aspek emosi. Emosi simpati atau belas kasihan seorang jururawat terhadap pesakitnya.</p>	<p><u>Penyusunan teks dan teknik pengarang dalam mencipta serta menghasilkan jalan penceritaan</u> yang memaparkan situasi simpati dan genting melalui watak dan suasana.</p>
<p>“Sikap pelik Aiman yang terhadap dunia penerokaan sains angkasa lepas dengan menjadikan pohon kelapa dara sebagai lokasi imaginasi telah diketahui oleh ibu bapanya. Kesudahannya, pinggul Aiman dirotan lagi sehingga lebam oleh bapanya. Ibunya hanya memprotes tindakan bapanya itu di dalam hati sahaja.</p> <p>(<i>Hipertensi</i>, 2015: 73)</p>	<p>Nilai JERI yang dapat dikesan ialah emosi dari aspek belas kasihan seorang ibu terhadap anaknya dan perasaan bersalah seorang isteri yang harus taat kepada suami.</p>	<p><u>Pengarang cerpen ini melakukan tindakan dalam penulisannya</u> dengan memaparkan perasaan sebenar seorang isteri dan ibu yang tersepit dengan emosi.</p>

Berdasarkan jadual di atas, nilai JERI iaitu emosi dari aspek kemanusiaan yang dikarang oleh pengarang-pengarang cerpen ini menonjolkan unsur pendidikan yang seharusnya diterapkan dan dipaparkan kepada masyarakat. Menurut Hembing (2000), nilai kemanusiaan adalah sistem fikiran dan tingkah laku yang memberi perhatian terhadap nilai murni dan kepentingan kepada kesejahteraan seluruh umat manusia. Perasaan belas ihsan dan kelembutan hati adalah asas kemanusiaan, di mana perbuatan mengasihi sesama manusia, persekitaran, serta terhadap haiwan walaupun dalam keadaan diri sendiri yang menderita dan sengsara. Nilai pendidikan yang dapat dilihat ialah, nilai emosi merupakan nilai yang penting antara sesama manusia terutamanya sifat kemanusiaan dan bertimbang rasa yang seharusnya dititipkan dan dipraktikkan oleh semua individu tanpa mengira agama, bangsa dan darjah seseorang. Kedua-dua pengarang cerpen ini menerapkan prinsip individualisme dengan mereka cipta teknik penulisan dan penyusunan teks mengikut stail dan teknik pengarang sendiri dalam menghasilkan cerpen.

4.3.2.2 Kasih Sayang

Konsep sayang ialah berkait dengan perhatian, niat baik dan empati dalam memberikan semangat, menyokong kepada individu lain. Kasih sayang juga merupakan salah satu perasaan yang positif dengan mengambil berat terhadap orang lain.

Jadual 4.12 : Aspek Kasih Sayang

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
<p>“ Penulis mengimbas Kembali kisah Tuan Booth sekeluarga yang terpaksa meninggalkan banglo di estetnya seminggu sebelum kemaraan askar Jepun itu.” (Cinta Ahmad Mutawwakil 2015 : 57)</p>	<p>Nilai JERI yang terkandung di dalam cerpen ini ialah nilai emosi dari aspek kasih sayang seorang ayah kepada keluarganya.</p>	<p>Pengarang cerpen ini <u>menggunakan teknik mengimbas kembali pengalaman beliau.</u></p>
<p>“ Bonda merupakan insan yang amat prihatin terhadap</p>	<p>Nilai JERI yang dapat dilihat adalah nilai emosi dari aspek kasih</p>	<p>Berdasarkan cerpen, dapat dilihat <u>pengarang</u></p>

<p>bahasa dan adat resam turun-temurun. Tidak hairanlah bonda tidak bersetuju apabila anakandanya ingin berhijrah ke kota. Alasan yang diberikan oleh bonda ialah anaknya yang dipanggil Mel masih lemah dari segi penguasaan bahasa ibundanya.</p> <p>(Munsyi 2015: 61)</p>	<p>sayang seorang ibu terhadap anaknya.</p>	<p><u>memperoleh ilham dari pengalaman beliau sendiri dalam mengidentifikasikan watak dalam penceritaan.</u></p>
---	---	--

Berdasarkan jadual 4, dapat dilihat pengarang menonjolkan aspek kasih sayang dari segi emosi berdasarkan nilai JERI. Menurut Abdul Rahman Napiah (1996) menyatakan bahawa teori Teksdealisme merupakan teori yang menilai sesebuah karya itu hendaklah berlandaskan tiga faktor iaitu pengarang, teks dan khalayak. Kedua-dua pengarang cerpen ini memperoleh ilham dan idea dari sumber pengalaman beliau sendiri sama ada dari segi keadaan sekeliling atau pengalaman yang ditempuh sendiri. Dapat dilihat, pengarang ingin menekankan bahawa emosi amat mempengaruhi seseorang individu. Nilai pendidikan yang ingin disampaikan oleh pengarang ialah aspek kasih sayang dapat memperkembangkan hubungan sosial kerana seseorang individu itu akan belajar bagaimana untuk berinteraksi dengan orang lain dan dapat membantu dalam mengembangkan keyakinan dan penampilan diri. Selain itu, emosi kasih sayang juga dapat membentuk pendidikan moral kerana seseorang individu itu akan belajar mengenai nilai moral dan etika yang seharusnya ada di dalam diri.

4.3.3 Nilai Rohani

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998) rohani boleh ditafsirkan sebagai batin yang berkaitan dengan roh, rohaniah dan jiwa. Menurut Imam Al-Ghazali (1058) menafsirkan rohani sebagai perkara yang terdiri daripada akal, nafsu jiwa dan roh serta yang berkaitan dengan praktik atau amalan agama seperti solat, puasa, tilawah al-Qur'an, wirid dan mengamalkan sifat-sifat mahmudah (terpuji) di samping menjauhi sifat-sifat mahzumah (tercela). Nilai

pendidikan berdasarkan nilai rohani dapat melahirkan generasi yang holistik dari pelbagai aspek. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, perkembangan insan bukan hanya meliputi aspek kognitif sahaja tetapi mengutamakan aspek nilai, sikap dan tingkah laku seseorang. Berdasarkan jalan cerita yang terdapat di dalam cerpen juga dapat menyampaikan nilai pendidikan melalui nilai rohani.

4.3.3.1 Baik Hati

Baik hati merupakan salah satu perilaku yang baik, positif dan prihatin terhadap orang lain tanpa mengharapkan balasan. Sikap ini berkait rapat dari segi kebaikan hati, keikhlasan hati, murah hati dan sebagainya. Sikap baik hati ini juga sering digambarkan diekspresikan melalui karya. A. Samad Said (2017) menerapkan nilai baik hati dan mencerminkan nilai kebaikan hati melalui novel karya beliau yang bertajuk “*Bulansari*”.

Jadual 4.13 : Aspek Baik Hati

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
<p>“Perbuatannya yang suka menyakat kawan-kawannya dan merayau di dalam kelas itu menyebabkan Aiman selalu ditegur oleh guru kelas” (Hipertensi 2015 : 74)</p>	<p>Nilai JERI yang dapat dikesan ialah rohani dari aspek baik hati dan keprihatinan seorang guru terhadap anak muridnya.</p>	<p><u>Pengarang mencuba untuk mengubah pandangan masyarakat melalui jalan cerita dengan menekankan keprihatinan</u> dan baik hati seorang guru walaupun guru dianggap tidak ambil peduli terhadap anak murid.</p>
<p>“Ketidaaan Tuan Booth sekeluarga telah menyebabkan Ahmad Mutawwakil hidup terbiar. Atas dasar prihatin dan tanggung jawab, Imam Ngah Deraman telah mengambil Ahmad</p>	<p>Nilai JERI yang dapat dilihat ialah Rohani dari aspek baik hati seorang penduduk kampung untuk menjaga seorang anak yatim piatu.</p>	<p><u>Pengarang mengaplikasikan pengalaman beliau sendiri di dalam cerpen.</u> Pengarang menekankan sikap baik hati seorang penduduk kampung yang sanggup menjaga anak</p>

<p>Mutawwakil sebagai anak angkatnya. Sejak itu, Imam Ngah Deraman selalu menceritakan perihal Ahmad Mutawwakil kepada penduduk kampung termasuklah kepandaianya membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris.”</p> <p>(Cinta Ahmad Mutawwakil 2015 : 57)</p>		<p>yatim sedangkan bukan tanggungjawabnya.</p>
---	--	--

Nilai pendidikan yang dapat dilihat berdasarkan jadual di atas berdasarkan aspek baik hati ialah seseorang individu dapat memahami unsur moral yang mendalam dan kuat kerana melalui pengalaman langsung dalam membantu dan baik hati kepada individu lain dapat mengajar individu tersebut mengenai nilai-nilai etika dan moral dalam kehidupan seharian. Berdasarkan pandangan Tengku Sarina dan Yusmini (2007) berpendapat bahawa pendidikan bukan sahaja sekadar satu proses untuk memenuhi mental dengan segala ilmu pengetahuan tetapi ia juga membawa maksud untuk mendidik akhlak dan jiwa, menanam diri dengan sifat terpuji, membiasakan diri dengan kesopanan yang tinggi serta mempersiapkan diri dengan suatu kehidupan yang suci dan jujur serta ikhlas. Pengarang juga menggarapkan di dalam penulisannya bahawa setiap manusia ada kesusahan dan ujian masing-masing dan dengan menghulurkan bantuan walau sedikit dapat memberi makna dan meringankan beban seseorang itu.. Hal ini juga dapat membentuk karakter yang lebih positif kerana tindakan baik hati dapat membentuk perasaan empati dan membantu mereka memahami dan berfikir perasaan orang lain.

4.3.3.2 Ketaatan kepada Agama

Ketaatan kepada agama berkONSEPkan sesuatu kepercayaan, keyakinan dan tindakan seseorang dalam menghormati dan patuh kepada prinsip etika, moral dan ritual agama tersebut. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menjelaskan bahawa ketaatan kepada agama ialah sentiasa menurut kepada perintah Tuhan dan tidak akan mengingkari segala perintah dan bersungguh terhadap agama serta soleh. Dapat dilihat, nilai rohani berkait dengan ketaatan kepada agama terutamanya bagi orang Islam.

Jadual 4.14 : Aspek Ketaatan Kepada Agama

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
<p>“ Aiman terdengar suara ghaib yang mengajaknya agar berpijak di bumi yang nyata, iaitu melihat dirinya sendiri dalam kehidupan yang realiti dan lebih mendekatkan diri kepada Ilahi. Akhirnya, Aiman sedar akan kesilapannya yang terlalu jauh berimajinasi lalu memanjatkan doa dan harapannya ke hadrat Ilahi”.</p> <p>(Hipertensi, 2015 :74)</p>	<p>Nilai JERI yang terdapat berdasarkan cerpen ini dari aspek emosi iaitu kesedaran untuk kembali taubat dan taat kepada Allah SWT.</p>	<p>Pengarang cerpen ini menggunakan kebijaksanaan di dalam penulisannya dengan memaparkan watak yang mengalami masalah mental tetapi berubah kerana sedar akan kejahilan diri.</p>
<p>“ Pada malam 31 Ogos 1957, penduduk kampung telah mengadakan sebagai tanda mengenang jasa dan pengorbanan arwah Ahmad Mutawwakil itu.</p> <p>(Cinta Ahmad Mutawaakil 2015 : 58)</p>	<p>Nilai JERI yang dikesan ialah nilai Rohani dari aspek ketaatan penduduk kampung atau masyarakat untuk berdoa dan memohon kepada Allah SWT walau telah diuji dengan pelbagai dugaan.</p>	<p>Pengarang ingin menyampaikan berdasarkan pengalaman beliau bahawa zaman dahulu mengalami zaman yang paling dahsyat dengan penjajah namun tetap tidak pernah melupakan Allah SWT.</p>

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat nilai JERI iaitu rohani dari aspek ketaatan kepada agama. Nilai pendidikan yang dapat dikesan berdasarkan jadual ialah agama Islam merangkumi seluruh aspek kehidupan, termasuk dari aspek rohani, moral, sosial dan hukum-hakam. Menurut Ajil Jasmin al-Nashimi (1993) menyatakan bahawa Islam juga bermaksud ketaatan kepada Allah SWT dan ketaatan tersebut bukanlah dari paksaan. Kehidupan berlandaskan agama Islam merupakan pedoman yang paling sempurna dan merupakan

petunjuk kepada seluruh kehidupan manusia. Hal ini kerana, bagi umat Islam, Tuhan itu wujud dan hari pembalasan itu ada. Oleh itu, penerapan nilai pendidikan di dalam cerpen yang dipilih memperlihatkan unsur-unsur ketaatan kepada agama yang boleh dijadikan sebagai pengajaran atau teladan kepada pembaca untuk taat kepada agama. Dapat dilihat, pengarang kedua-dua cerpen ini menekankan unsur agama agar pembaca tidak lalai dalam dunia yang bersifat sementara. Oleh itu, dapat dilihat pengarang menonjolkan prinsip individualisme dengan menggunakan pengalaman beliau berdasarkan agama dan kebijaksanaan untuk menyampaikan mesej melalui penulisan dan penceritaan di dalam cerpen.

4.3.4 Nilai Intelek

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2012), intelek membawa maksud kemampuan atau daya berfikir dan memahami untuk menganalisis dan sebagainya. Berdasarkan konteks FPK, intelek merupakan unsur yang penting untuk dicapai selain jasmani, emosi dan rohani kerana hasrat FPK adalah pelajar dapat menguasai 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira. Berdasarkan konteks intelek, ia merupakan perkara asas yang perlu diketahui oleh semua orang. Nilai-nilai pendidikan yang terdapat di dalam cerpen juga dapat mengasah intelek dan kecekapan daya berfikir pembaca untuk memahami isi tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan.

4.3.4.1 Kebijaksanaan

Menurut Mat Rofa (2009) berpendapat bahawa kebijaksanaan ialah hikmah yang mempunyai maksud yang murni di dalam tradisi falsafah dan Islam. Kebijaksanaan juga merupakan ketajaman daya pemikiran, akal budi, kecerdasan dan ketelitian dalam bertindak serta membuat sesuatu keputusan yang bijak.

Jadual 4.15 : Aspek Kebijaksanaan

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
“Tujuannya agar pembelinia berasa gembira kerana membelinya dengan harga yang murah. Selain itu, tindakan itu dapat	Nilai JERI yang dapat dilihat adalah intelek dari aspek kebijaksanaan penulis untuk memberikan teladan kepada masyarakat lain berkenaan baju	Pengarang cerpen ini <u>mengisahkan pengalamannya bercuti dan membeli jaket kulit kijang</u> . Walaupun ia membeli secara terpaksa namun penulis

<p>menghilangkan sifat ego pembeli kerana dia sebenarnya membeli barang terpakai. Penulis bercadang untuk mendermakan wang jualan jaket itu kepada mana-mana zoo yang ada kendang kijang. Hal ini sebagai tanda muhibah terhadap kijang-kijang yang telah dibunuh demi gaya hidup manusia yang penuh kemodenan.”</p> <p>(Jaket Kulit Kijang 2015 : 70)</p>	<p>atau jaket yang diperbuat daripada kulit kijang.</p>	<p>menjadikan pengalamannya sebagai iktibar dan jadikan ia sebagai perkara positif untuk dikisahkan kepada pembaca dan masyarakat.</p>
<p>“ Nusia menjelaskan bahawa Tuan Besar Musa sebenarnya sudah mati kerana hanya adrenalina, dopamine serta atropine yang masih merangsang denyutan jantungnya ketika itu. Juruteknik makmal darah itu termakan pujukan Nusia dan menyerahkan lima pek darah sejuk itu kepadanya”.</p> <p>(Gerhana Manusia 2015 : 86)</p>	<p>Nilai JERI yang dapat dilihat adalah intelek dari aspek kebijaksanaan seorang jururawat dalam mencari peluang demi menyelamatkan pesakitnya.</p>	<p>Pengarang cerpen ini <u>membina watak yang menggambarkan diri beliau sendiri yang berani dan bijak</u> dalam melakukan sesuatu perkara. Pengarang memaparkan watak yang bijak mencari peluang demi menyelamatkan empat nyawa lain yang harus diselamatkan.</p>

Rumusan nilai pendidikan yang dapat dilihat berdasarkan jadual dari aspek kebijaksanaan ialah kita hendaklah bijak dalam menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi. Masalah dan ujian akan sentiasa menghimpit kita dalam perjalanan kehidupan, namun hanya kita sahaja yang mampu menyelesaikan dengan cara kita sendiri. Pengarang cerpen ini juga menekankan agar berani dalam melakukan apa sahaja keputusan. Dapat dilihat, nilai pendidikan dari aspek intelek dapat mengasah intelek pelajar agar lebih cekap dan pantas dalam memahami isi tersurat dan tersirat yang terdapat di dalam cerpen yang dipilih. Menurut Ali (2000) menyatakan bahawa intelek adalah akal budi atau kepintaran yang berkemampuan untuk meletakkan hubungan dari proses berfikir. Selanjutnya, dikatakan bahawa orang yang pintar adalah orang yang dapat menyelesaikan persoalan dalam waktu yang lebih singkat, memahami masalahnya lebih cepat dan cermat, serta mampu bertindak cepat. Maka di sini dapat disimpulkan bahawa intelek dapat diertikan sebagai kemampuan mental dalam menghuraikan sesuatu perkara

4.3.4.2 Rasional

Rasional merupakan kemampuan daya fikir secara logik dan waras berdasarkan pada sesuatu yang boleh diterima dengan sebab yang kukuh dan munasabah. Seseorang yang bersikap rasional akan berfikir dahulu sebelum bertindak dan tidak akan melakukan keputusan berdasarkan emosi dan nafsu semata-mata. Kebiasaannya, individu yang bersikap rasional akan sentiasa menimbang balik kesan dan akibat sebelum memberikan keputusan.

Jadual 4.16 : Aspek Rasional

TEKS	NILAI JERI	PRINSIP INDIVIDUALISME
<p>“ Doktor Murni datang dan memberikan surat perletakkan jawatannya sebagai doktor perubatan di hospital itu yang mengetepikan nilai kemanusiaan terhadap pesakit.”</p> <p>(Gerhana Manusia 2015 : 87)</p>	<p>Nilai JERI yang terdapat di dalam cerpen ini ialah nilai Rohani dari aspek rasional seorang jururawat.</p>	<p><u>Pengarang cerpen ini ingin memaparkan sikap yang seharusnya ada oleh setiap individu terutamanya yang terlibat dalam keselamatan dan nyawa individu lain.</u></p>

<p>“ Keadaan itu telah menyebabkan lima orang pengganas komunis menyerbu banglo Tuan Booth untuk meminta Tuan Booth menyampaikan amaran mereka kepada Ahmad Mutawwakil agar tidak menghasut rakyat membenci ideologi mereka. Sungguhpun begitu, Ahmad Mutawwakil tidak mengendahkan nasihat Tuan Booth dan Penghulu Ibrahim Sigap malah semakin berani bersuara dengan lantangnya”.</p> <p>(Cinta Ahmad Mutawwakil 2015 : 58)</p>	<p>Nilai JERI yang dapat dikesan ialah nilai Rohani dari aspek rasional pemuda yang tegak berdiri demi menyemarakkan dan menyebarkan semangat patriotisme di semua daerah walau telah diugut.</p>	<p>Dapat dilihat, pengarang cerpen ini menekankan semangat patriotisme <u>berdasarkan pengalamannya di masa lepas</u>. Semangat ini yang seharusnya ada di dalam diri individu sama ada muda atau tua.</p>
--	---	--

Nilai pendidikan yang terdapat di dalam jadual di atas berdasarkan nilai intelek dari aspek rasional ialah kita hendaklah berfikir secara logik dan kritis dalam kehidupan. Pemikiran yang sistematik dapat mendorong cara berfikir yang berstruktur dan sistematik serta seseorang itu dapat melihat atau tahu perkara dan tindakan itu akan nada sebab dan akibat. Menurut Mayer (1997) menyatakan bahawa intelek adalah kebolehan dalam mengawal diri sendiri dan orang lain dari segi emosi dan perasaan, dapat juga membezakan kedua-duanya dan dapat bertindak secara rasional. Dengan penanaman dan pendedahan berkenaan nilai intelek dari aspek rasional, seseorang itu dapat bersikap dengan lebih waras dan rasional serta akan cenderung menggunakan pendekatan ilmiah dalam memahami dunia. Seseorang itu juga dapat mencari penyelesaian berdasarkan pencarian dan kajian. Oleh itu, pengarang mengangkat prinsip individualisme dalam penghasilan cerpen yang juga menerapkan nilai-nilai pendidikan yang boleh dijadikan teladan kepada pembaca.

4.4 Dapatan Kajian Pengarang Memanfaatkan Prinsip Teori Teksdealisme di dalam Koleksi Cerpen KOMSAS

Bahagian ini akan menerangkan bagaimana pengarang dapat memanfaatkan prinsip teori Teksdealisme melalui cerpen KOMSAS yang terpilih dari aspek pengkaji. Hal ini juga, pengkaji telah menganalisis dan membuktikan bahawa dalam dapatan kajian ini telah menjawab objektif kajian iaitu mengenal pasti bagaimana pengarang memanfaatkan prinsip teori Teksdealisme di dalam koleksi cerpen KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5.

4.4.1 Prinsip Kehadiran

Dalam mencapai keunggulan di dalam karya yang dihasilkan haruslah diaplikasikan prinsip kehadiran pengarang itu sendiri. Suatu karya yang menarik dan berkualiti adalah karya yang mempunyai identiti atau jati diri pengarang. Kehadiran merupakan pengalaman atau idea pengarang dalam menghasilkan sebuah karya. Cetusan idea dari pengalaman dan pengetahuan pengarang seperti membaca, penceritaan atau kejadian yang pernah berlaku dalam kehidupan pengarang.

4.4.1.1 Kehadiran Pengalaman

Pengkaji mendapati bahawa prinsip kehadiran dari aspek pengalaman pengarang dalam menghasilkan cerpen dicorakkan dengan cara, pengalaman dan pengetahuan pengarang sendiri. Pengarang juga menghadirkan fakta-fakta di dalam cerpen seperti sejarah iaitu zaman penjajahan Jepun dan komunis di Tanah Melayu dan isu-isu semasa yang pernah melanda di sekitar kita. Hal ini juga, pengarang memaparkan pengalaman ini melalui permasalahan atau konflik yang terjadi di dalam cerpen. Menurut Mana Sikana (2003) berpendapat bahawa pemakaian teks di dalam karya merupakan salah satu proses yang dinamakan sebagai kehadiran. Dapat dilihat, pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran dengan cara penyampaian dan susunan yang bijak. Kaedah penyampaian dan susun cerita yang disusun pengarang juga memberikan makna dan mesej yang jelas kepada pembaca.

4.4.1.2 Pembinaan Perwatakan

Pengkaji mendapati pengarang membina watak-watak yang pelbagai seperti watak protagonis, watak tambahan dan watak keluarga. Pengarang memanfaatkan pembinaan karakter berdasarkan prinsip kehadiran bagi mengembangkan jalan cerita sebuah cerpen. Melalui watak, pengarang dapat menyampaikan maklumat dan mesej kepada pembaca. Dalam membina

sebuah watak, pengarang menyediakan aspek unik dan khusus untuk membezakan setiap karakter yang menggambarkan personaliti dan sifat individu seperti cerpen Hipertensi karya Illias Zaidi.

Dapat dilihat, watak Aiman sebagai watak protagonis yang memainkan pelbagai tingkah laku, watak dinamis dan tindakan dalam menggambarkan dirinya seorang yang kuat berhalusinasi. Pengarang menambah watak ayah sebagai watak dinamis untuk menarik perhatian pembaca dalam melibatkan emosional dan psikologi seorang bapa yang memukul anaknya demi yang terbaik. Melalui watak ini juga, pengarang dapat menyampaikan tema atau pesanan kepada pembaca. Selain itu, watak ibu iaitu watak ibu merupakan peranan atau tindakan dalam ahli keluarga, walau ibu tidak dapat berbuat apa-apa ketika Aiman dipukul tetapi ibu tidak memanjakan Aiman. Malahan, ibu sanggup menghantar Aiman ke pusat rawatan untuk dirawat. Melalui cerpen ini, pengarang berjaya dalam memanfaatkan prinsip kehadiran di dalam cerpen berdasarkan pengalaman dan pengetahuan pengarang sebagai penulis.

Seterusnya, berdasarkan cerpen Jaket Kulit Kijang karya Maskiah Haji Masrom membina watak protagonis, watak antagonis dan watak tambahan. Pengkaji mendapati pembinaan karakter yang dihasilkan pengarang memainkan peranan yang sangat berkesan di dalam cerita, pengarang ingin menyampaikan pesanan bahawa berhati-hati di negara orang seperti watak penjual jaket kulit yang memaksa watak utama iaitu Mas untuk membeli jaket yang dijual. Keadaan bertambah sulit apabila penjual mengatakan Mas sebagai penipu. Watak utama iaitu Mas yang merupakan watak protagonis menceritakan pengalamannya sepanjang bercuti dan konflik yang dialami. Selain itu, pengarang juga membina dan menambah watak-watak tambahan bagi menggambarkan suasana atau keadaan cerpen ini yang melibatkan ramai orang. Pengkaji mengesahkan bahawa pengarang menggunakan watak-watak yang dibina dengan bijak dalam menceritakan pengalaman Mas bercuti di Istanbul.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa pengarang memanfaatkan prinsip kehadiran dengan mewujudkan watak dan perwatakan yang menonjol dan berkesan di dalam jalan penceritaan. Kedua-dua pengarang cerpen ini menerapkan elemen atau unsur hadir yang memberikan gambaran mengenai personaliti dan sifat watak dalam cerita. Hal ini juga, mewujudkan konflik, peristiwa, ketegangan dan naratif untuk menghasilkan suasana cerita kepada pembaca. Jelas dapat dilihat, pengarang memahami dan menggunakan prinsip

kehadiran ini dan mencipta karya yang kaya, bermakna, mendalam dan dapat dihayati oleh pembaca. Hal ini juga, pengarang berjaya menghasilkan cerita yang unggul dan lengkap.

4.4.2 Prinsip pelanggaran

Berdasarkan prinsip pelanggaran yang dikaji oleh pengkaji melalui karya Maskiah Haji Masrom. Pengkaji mendapati bahawa pengarang berjaya menghasilkan karya yang dinamik dan pembaharuan di dalam cerpen Jaket Kulit Kijang. Berdasarkan karya sebelum ini iaitu Nyanyian Sunyi, pengarang menghasilkan karya berdasarkan puisi percintaan karya Amir Hamzah. Nyanyian Sunyi merupakan karya yang berkisarkan percintaan, jalan cerita karya ini bersifat kompleks dan kurang menarik kerana pengarang tiada meletakkan peristiwa yang dinamik atau mewujudkan konflik yang dapat memberi kesan kepada pembaca.

Oleh itu, pengarang melakukan perubahan dan pembaharuan dalam mencipta dinamik melalui cerpen Jaket Kulit Kijang. Pengarang memanfaatkan prinsip pelanggaran melalui teori Teksdealisme dengan melakukan perubahan dari segi sumber idea. Pengarang merupakan penulis yang kreatif dengan menggunakan teknik imbas kembali iaitu menggambarkan kisah penceritaan watak utama yang bercuti di Istanbul dan mengalami kesulitan di sana. Selain itu juga, pengarang menambahkan dinamik di dalam penceritaan dengan mewujudkan konflik kepada watak utama.

Dapat dilihat melalui kesan dan fungsi pelanggaran ini, cerpen Jaket Kulit Kijang dapat memberikan iktibar. Kita hendaklah menambahkan pengetahuan dan pengalaman sekiranya ingin melancong ke luar negara. Hal ini juga, dapat dilihat usaha pengarang dalam melakukan pembaikan di dalam karya berdasarkan teknik penulisan yang lebih jelas dan menarik. Maskiah Masrom memaparkan nilai pengajaran di dalam karya seperti walaupun watak utama membeli jaket tersebut tetapi hasil jualan tersebut didermakan di mana-mana zoo untuk menunjukkan tanda muhibah terhadap kijang yang dibunuh. Melihat pada fungsi ini dan kesan pelanggaran ini jelas pengarang berjaya menyerahkan nilai estetika sama ada tersurat dan tersirat.

4.4.3 Prinsip Pengukuhan

Pengukuhan merupakan usaha pengarang dalam berikhtiar dan memperbaiki dalam menyempurnakan teks. Hal ini juga, pengkaji melihat bahawa pengarang iaitu Aminah Mokhtar berjaya memperbaiki dan menyempurnakan teks cerpen Gerhana Manusia dengan

sangat baik dan sempurna berbanding karya beliau yang dahulu iaitu Novel *Diari Seorang Jururawat*. Selain itu juga, pengukuhan sesuatu karya boleh diterapkan dengan pemilihan bahasa yang puitis. Melalui karya Zainal Rashid Ahmad. Pengkaji melihat dari aspek gaya bahasa berdasarkan karya beliau terdahulu iaitu cerpen Yang Tercinta dan karya KOMSAS iaitu Cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil.

4.4.3.1 Penceritaan yang Berkesan

Pengkaji mengkaji perbandingan karya Aminah Mokhtar iaitu Novel *Diari Seorang Jururawat* dan Cerpen Gerhana Manusia dari aspek penceritaan yang berkesan. Pengkaji mendapati bahawa jalan penceritaan yang dihasilkan oleh pengarang kurangnya elemen penceritaan. Pengarang lebih tertumpu kepada permasalahan watak utama dalam pekerjaan sebagai jururawat tanpa menambah elemen seperti konflik yang dinamik, klimaks dan sebagainya. oleh itu, berdasarkan cerpen Gerhana Manusia berlaku kelainan dan pengukuhan jalan penceritaan yang berkesan kepada pembaca. Pengarang menonjolkan permasalahan sosial iaitu isu orang atasan yang menindas orang bawahan. Keunggulan pengarang jelas terlihat apabila pengarang mewujudkan konflik dan akhirkan dengan peleraian dengan menulis watak utama dan doktor meletakkan jawatan kerana ingin bersikap adil dan tidak mahu lagi melakukan perkara yang tidak mereka mahukan. Penyusunan jalan cerita yang baik dan sempurna menonjolkan pelbagai situasi yang seakan dirasai dan difahami oleh pembaca.

4.4.3.2 Penggunaan Bahasa Puitis

Pengkaji mendapati penggunaan bahasa puitis yang digunakan oleh pengarang dalam karya sangat indah dan puitis. Dalam mengukuhkan sesuatu karya, seseorang pengarang hendaklah menghasilkan karya yang kaya dengan bahasa agar karya itu lebih indah untuk dibaca. Penggunaan bahasa yang puitis juga dapat menjadikan sesuatu karya itu lebih kukuh. Pengkaji juga telah melakukan perbandingan karya Zainal Rashid Ahmad yang bertajuk cerpen Yang Tercinta dan cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil.

Berdasarkan cerpen Yang Tercinta, pengarang banyak menggunakan gaya bahasa simile di dalam karya. Pengarang menggunakan gaya bahasa ini bagi memberi gambaran yang jelas dan hidup kepada pembaca. Selain itu, pengarang mengaplikasikan gaya bahasa ini bagi menyampaikan emosi kepada pembaca dalam memahami jalan penceritaan. Dapat dilihat pengarang berusaha dalam mencipta suasana atau perasaan dalam penceritaan. Namun,

penggunaan gaya bahasa yang sama dan tidak mempelbagaikan penggunaan gaya bahasa menjadikan karya ini kurang menarik bagi pembaca. Pengarang juga tidak menggunakan bahasa puitis yang pelbagai atau kurang memberikan nilai estetika di dalam karya.

Selain itu, berdasarkan cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil pula berlaku pengukuhan dari segi gaya bahasa yang lebih pelbagai berbanding karya yang sebelumnya. Pengkaji melihat, pengarang berusaha menghasilkan karya yang unggul dan cuba menyempurnakan teks di dalam karya Cinta Ahmad Mutawwakil. Pengkaji mendapati, jika dibandingkan dengan cerpen Yang Tercinta dengan cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil mempunyai gaya bahasa yang lebih indah dan puitis. Cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil juga mempunyai nilai estetika yang tinggi kerana pengarang menggunakan gaya bahasa slanga iaitu untuk memperlihatkan perbezaan kaum Cina yang terdapat di dalam karya. hal ini juga bermakna bahawa pengarang menambahkan watak pelbagai bangsa di dalam karya. selain itu, pengarang juga menggunakan gaya bahasa personifikasi bagi memberikan dampak dan kesan bagi mengukuhkan karya. Seterusnya, Zainal Rashid Ahmad juga menerapkan gaya bahasa metafora di dalam karya yang berfungsi untuk mencipta gambaran yang lebih kuat dan memberikan lebih dimensi di dalam penulisan.

4.5 Dapatan Kajian Nilai Pendidikan di dalam Teks KOMSAS Berdasarkan Penganalisisan Prinsip Individualisme.

Hasil dapatan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti nilai pendidikan di dalam teks KOMSAS berdasarkan penganalisisan prinsip individualisme bagi menjawab objektif kajian ini. Pengkaji juga menggunakan aspek-aspek Falsafah Pendidikan Negara iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI)

4.5.1 Nilai Jasmani

Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa nilai jasmani mengikut aspek JERI adalah salah satu nilai yang penting dalam pengembangan kesihatan dan fizikal. Melalui teks cerpen KOMSAS, nilai pendidikan melalui unsur nilai jasmani boleh digambarkan dan dicerminkan melalui watak-watak yang terdapat di dalam jalan cerita. Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), jasmani bermaksud perkaitan dengan tubuh badan atau benda dan ia berlawanan dengan rohani. Pettifor (1999) berpendapat bahawa Pendidikan Jasmani menyediakan seseorang untuk mengamalkan hidup aktif dan sihat dengan menyediakan skop pengalaman pembelajaran yang cepat dan berturutan.

Peranan KOMSAS sebagai salah satu wadah pendidikan yang dapat dilihat melalui nilai jasmani di dalam cerpen KOMSAS dari beberapa aspek kepada pembaca berdasarkan prinsip individualisme.

4.5.1.1 Keberanian

Melalui cerpen KOMSAS, nilai jasmani dari aspek keberanian boleh dilihat melalui watak-watak yang diwujudkan oleh pengarang. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pengarang menganalisis cerpen ini berdasarkan unsur kedirian individu dengan menggunakan watak. Pengarang juga mengaplikasikan pengalaman dan pengetahuan sendiri dalam menghasilkan karya dan memperoleh sumber idea. Hal ini dapat dilihat melalui cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil yang berani dan lantang menyuarakan pendapat demi menyelamatkan tanah air. Berdasarkan penganalisisan prinsip individualisme, pengkaji mendapati nilai jasmani dari segi pergerakan watak yang menyampaikan pidato atau bergiat aktif dalam melakukan kempen dan ceramah dengan berani merupakan nilai pendidikan yang harus disampaikan kepada pembaca.

Selain itu, berdasarkan cerpen Gerhana Manusia pula memaparkan keberanian pekerja yang bertindak mendermakan darah untuk diberi kepada orang yang memerlukan. Hal ini kerana, terdapat ramai pesakit yang memerlukan darah akibat sakit. Pengkaji mendapati, pengarang menganalisis cerpen ini berdasarkan unsur tindakan individu iaitu pengarang mengubah perspektif sesetengah masyarakat yang lebih mementingkan kemewahan agar berlaku adil dan amanah. Hal ini kerana, terdapat ramai lagi individu lain yang sedang berada di dalam situasi yang sukar dan janganlah bersikap tamak. Pengkaji juga mendapati bahawa pengarang berani menyindir sesetengah masyarakat dan cuba mengubah pandangan atau pendirian mereka agar tidak terpengaruh dengan kesenangan kerana ia bersifat sementara.

4.5.1.2 Kegigihan

Kegigihan merupakan usaha atau keinginan seseorang untuk menghadapi dugaan dan rintangan dalam mencapai sesuatu tujuan. Sikap kegigihan haruslah ditanam di dalam diri setiap individu agar tidak mudah mengaku kalah untuk mencapai kejayaan. Berdasarkan cerpen Kaduk, Ayam dan Raja memperlihatkan pengarang menganalisis cerpen melalui unsur rekacipta individu. Hal ini juga, pengarang menggunakan teknik pengalaman dalam menggambarkan keperibadiannya. Melalui cerpen ini, pengarang Zurinah Hassan merupakan seorang yang

berani dan gigih dalam melakukan sesuatu yang baharu. Berdasarkan cerpen, watak Hakim yang gigih menceburi bidang penternakan adalah untuk menyahut seruan Kerajaan. Ciri keperibadian Zurinah Hassan yang cenderung melakukan sesuatu yang baru terlihat jelas berdasarkan cerpen. Oleh itu, pengkaji mendapati nilai pendidikan yang dapat diperoleh berdasarkan cerpen Kaduk, Ayam dan Raja ialah kita hendaklah mempunyai kegigihan dalam sekiranya mempunyai impian kerana bermula dari impian dan kegigihan maka sesuatu impian itu akan menjadi nyata.

Dapat dilihat melalui cerpen Gerhana Manusia karya Aminah Mokhtar turut menggunakan unsur reka cipta individu. Aminah Mokhtar menggunakan metode pengetahuan pengarang sendiri dalam mencipta karya. Pengarang merupakan seseorang jururawat, dapat dilihat ciri keperibadian pengarang digambarkan melalui watak dan latar tempat yang ditulis di dalam karya. Pengkaji mendapati bahawa pengarang menekankan dan memaparkan usaha gigih seorang doktor yang ingin menyelamatkan pesakitnya demi wang dan kesenangan. Nilai pendidikan yang diperoleh berdasarkan cerpen ini ialah kegigihan dan usaha yang kita inginkan haruslah berlandaskan kebenaran agama agar apa yang kita inginkan akan diberkati dan dipermudahkan.

4.5.2 Nilai Emosi

Nilai emosi berdasarkan aspek JERI berhubung kait dengan jiwa dan perasaan individu. Pembangunan emosi memainkan peranan penting dalam memastikan tingkah laku dan tindakan seseorang terkawal. Selain itu, emosi juga dapat memupuk jalinan dan hubungan yang harmoni kerana wujudnya perasaan kasih sayang antara sesama individu. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi boleh diukur melalui '*emosional test*' merangkumi lima elemen; iaitu kesedaran kendiri, kemahiran sosial, pengurusan emosi, empati dan pemantauan diri. Melalui emosi juga, kita dapat menilai keindahan dan kesenian di sekeliling kita serta dapat menanam semangat kekitaan dan perpaduan antara masyarakat. Oleh itu, melalui penganalisisan yang dilakukan berdasarkan prinsip individualisme, terdapat beberapa aspek yang boleh dilihat mempunyai unsur pendidikan berdasarkan nilai emosi.

4.5.2.1 Kemanusiaan

Sifat kemanusiaan merupakan sifat yang seharusnya ada di dalam diri masyarakat. Hal ini kerana, sifat kemanusiaan berperanan dalam mengembangkan hubungan sosial sekeliling yang sihat seperti empati, kasih sayang dan penghargaan dapat mewujudkan individu yang

inklusif, adil dan bertanggungjawab. Berdasarkan cerpen Gerhana Manusia karya Aminah Mokhtar memaparkan Nusia yang simpati terhadap pesakitnya yang memerlukan pertukaran darah, namun diabaikan permintaannya atas sebab pangkat. Melalui penganalisisan prinsip individualisme berdasarkan unsur rekacipta individu. Pengkaji mendapati pengarang menggunakan teknik dalam mencipta dan menghasilkan jalan cerita. Penyusunan jalan cerita oleh pengarang memaparkan keperibadian pengarang yang teratur dan dinamik. Oleh itu dapat dilihat, nilai pendidikan yang terdapat di dalam cerpen ini ialah kita haruslah mempunyai sifat kemanusiaan agar dapat membentuk karakter yang positif dan beretika.

Selain itu, berdasarkan cerpen Hipertensi karya Illias Zaidi memperlihatkan pengarang memaparkan watak ibu yang simpati dan kasihan akan anaknya. Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati pengarang melakukan tindakan di dalam penulisannya. Melalui penganalisisan prinsip individualisme berdasarkan unsur tindakan individu. Pengarang Illias Zaidi bertindak dalam mengubah pandangan pembaca terhadap peranan ibu yang seharusnya menjaga anak. Berdasarkan renungan yang mendalam, kebijaksanaan dan keberanian, Illias Zaidi cuba menyampaikan kepada pembaca bahawa jangan menganggap ibu yang tidak menjaga anaknya adalah ibu yang tidak bertanggungjawab. Hal ini kerana, tiada ibu yang tidak sayang anak, malahan kasih sayang seorang ibu sangat besar maknanya. Oleh itu, dengan sikap tegas seorang ibu dapat membentuk peribadi anak yang lebih matang dan berdikari dalam kehidupan kelak.

4.5.2.2 Kasih Sayang

Berdasarkan analisis yang dilakukan melalui kajian, sifat kasih sayang yang diketengahkan oleh pengarang berdasarkan cerpen ini mempunyai unsur pendidikan yang harus diambil oleh pembaca. Pengarang Zainal Rashid Ahmad melalui karyanya yang berjudul Cinta Ahmad Mutawwakil memaparkan emosi kasih sayang seorang ayah terhadap anaknya. Berdasarkan kajian analisis yang dilakukan, pengarang menggunakan teknik imbas kembali pengalaman beliau berdasarkan unsur rekacipta individu melalui prinsip individualisme. Dapat dilihat keperibadian pengarang yang penyayang berdasarkan karya beliau yang lain seperti cerpen Yang Tercinta. Pengarang juga prihatin berkenaan isu yang berada di sekeliling kita seperti nasib rakyat Palestin yang ditindas. Melalui cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil dan cerpen Yang Tercinta memperlihatkan cenderung beliau yang penyayang dan prihatin melalui karya.

Seterusnya, berdasarkan karya Husna Nazri iaitu cerpen Munsyi memaparkan nilai kasih sayang melalui watak ibu yang merisaukan anak Perempuannya ke Kota. Melalui penganalisisan pengkaji, pengarang menggunakan unsur rekacipta individu iaitu penggunaan teknik pengarang dalam penciptaan pengarang. Berdasarkan penyusunan teks cerpen Munsyi, pengkaji dapat mengesan kebijaksanaan pengarang dalam menyusun jalan cerita. Pengkaji mendapati, Husna Nazri cenderung dalam membina karya yang dinamik. Berdasarkan cerpen, pengarang menggarapkan pendahuluan yang menarik iaitu pengenalan kepada watak utama. Kemudian, pengembangan karakter iaitu gambaran setiap watak dan diikuti konflik yang menarik dan relevan seperti Mel yang melihat anak-anak muda yang seakan tiada agama dan tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan melanggar hukum agama. Konflik yang kuat diikuti dengan peleraian yang jelas iaitu Mel berusaha mencari orang tua yang Bernama Munsyi yang merupakan pejuang bahasa.

4.5.3 Nilai Rohani

Berdasarkan penganalisisan pengkaji melalui kajian ini, dapat dilihat pengarang menerapkan nilai rohani dengan jelas melalui karya. Nilai rohani merupakan nilai yang penting dalam peribadi setiap individu. Menurut Mohd Fathi Adnan (2010) matlamat pendidikan negara boleh dinyatakan secara ringkas sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan bersepada dari segi jasmani, emosi rohani dan intelek (JERI). Berdasarkan nilai rohani juga, pengkaji dapat mengesan beberapa unsur pendidikan yang boleh dilihat dari beberapa aspek rohani.

4.5.3.1 Baik Hati

Sikap baik hati mampu memainkan peranan dalam membentuk perilaku yang baik kepada orang lain. Sikap baik hati juga mampu meningkatkan kesihatan fizikal dan mental. Oleh itu, berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji akan menghuraikan unsur pendidikan yang terdapat melalui cerpen yang terpilih. Berdasarkan cerpen Hipertensi, pengkaji menganalisis cerpen ini melalui unsur tindakan individu iaitu pengaplikasian teori Teksdealisme. Pengarang cuba mengubah persepsi sesetengah masyarakat bahawa guru tidak prihatin atau tidak sayang akan anak murid. Illias Zaidi jelas memaparkan sikap tanggungjawab seorang guru yang baik hati dan prihatin terhadap murni melalui karyanya. Oleh itu, dapat dilihat nilai pendidikan yang terdapat di dalam cerpen ini ialah kita hendaklah mendidik diri agar bersikap baik hati dan positif dengan keadaan sekeliling agar dapat menyenangkan orang yang berada di sekeliling kita.

Seterusnya, berdasarkan karya Zainal Rashid Ahmad iaitu cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil pengkaji menganalisis berdasarkan unsur rekacipta individu berdasarkan prinsip individualisme. Dapat dilihat, pengarang menggunakan teknik pengalaman beliau sendiri dalam penciptaan pengarang dalam menggambarkan keperibadiannya. Berdasarkan cerpen, pengarang memaparkan nilai baik hati penduduk kampung yang prihatin terhadap keadaan sekeliling. Ahmad Mutawwakil yang ditinggal oleh Tuan Booth telah dijaga oleh Ngah Deraman. Zainal Rashid Ahmad cenderung dalam menghasilkan cerpen mengenai semangat patriotisme. Hal ini dapat dilihat melalui karya beliau yang lain iaitu Hikayat Tanah Jauh (2015) yang berkisarkan masyarakat Melayu dahulu. Dapat dilihat, ciri keperibadian Zainal Rashid Ahmad yang cenderung dalam perjuangan hak dan patriotisme dapat dikesan melalui karya telah beliau hasilkan. Oleh itu, nilai pendidikan yang dapat dikesan ialah kita hendaklah menanamkan sikap baik hati kepada orang lain.

4.5.3.2 Ketaatan kepada Agama

Ketaatan kepada agama dapat mengembangkan karakter individu dan membentuk moral dan etika yang tinggi. Ketaatan kepada agama dapat memberikan landasan moral yang kuat bagi individu. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji melihat berdasarkan cerpen Hipertensi melalui penganalisisan unsur rekacipta individu iaitu pengarang memaparkan kebijaksanaannya dalam menghasilkan cerpen. Pengarang bijak dalam menyusun teks bagi memperlihatkan watak utama iaitu Aiman yang diuji dengan penyakit halusinasi, kemudian dipukul oleh ayah sendiri dan akhirnya dirawat di hospital, namun Aiman tersedar dari jahilnya dan kembali mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Seterusnya, berdasarkan karya Zainal Rashid Ahmad iaitu cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil memaparkan babak warga kampung yang mengadakan doa kesyukuran sebagai tanda kesyukuran dan tanda mengenang jasa pengorbanan arwah Ahmad Mutawwakil. Berdasarkan prinsip individualisme, pengkaji melihat dari unsur rekacipta individu iaitu pengarang mencerminkan keperibadian beliau yang menitik beratkan mengenai agama. Peribadi beliau yang mengutamakan agama mendorong beliau dalam menghasilkan karya yang menekankan hal-hal keagamaan. Nilai pendidikan yang dapat dilihat ialah kita janganlah lupa akan kebesaran Allah. Hanya Allah yang mampu membantu kita walau apa juab cabaran yang kita hadapi.

4.5.4 Nilai Intelek

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2012), intelek bermaksud daya berfikir dan menganalisis. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, cerpen KOMSAS adalah satu cara yang paling efektif dalam menyampaikan nilai intelek dalam pendidikan. Melalui cerpen, pengajaran nilai intelek dapat menjadi lebih menarik dan mudah difahami oleh pembaca.

4.5.4.1 Kebijaksanaan

Pengkaji menganalisis kebijaksanaan berdasarkan cerpen Jaket Kulit Kijang melalui unsur rekacipta individu iaitu pengarang mengaplikasikan pengalamannya bagi penciptaan pengarang. Antara ciri keperibadian Maskiah Haji Masrom ialah beliau gemar menyampaikan ilmu dengan menggunakan teknik bercerita. Berdasarkan cerpen Jaket Kulit Kijang, pengarang menggambarkan penceritaan cerpen tersebut melalui seorang penulis yang menceritakan kembali kisah percutiannya yang mengalami konflik. Nilai kebijaksanaan yang dapat dilihat ialah walaupun Mas iaitu watak utama membeli jaket kulit kijang tersebut, namun pembeliannya adalah kerana Mas ingin menjual kembali jaket tersebut dan hasil duit itu akan didermakan di mana-mana zoo. Oleh itu, dapat dilihat pengarang memaparkan kebijaksanaan melalui watak dari sudut yang positif.

Seterusnya, berdasarkan cerpen Gerhana Manusia karya Aminah Mokhtar dianalisis oleh pengkaji dari unsur kedirian individu iaitu pengarang mengidentifikasi watak pengarang iaitu watak Nusia. Aminah Mokhtar memaparkan refleksi pengalaman yang dialaminya sendiri melalui watak Nusia yang dilema dengan pekerjaan dan perasaan simpati terhadap pesakit. Namun, Nusia bijak mencari kesempatan apabila ia meminta kepada juruteknik untuk menyerahkan darah kepadanya selepas Nusia menjelaskan bahawa Tuan Besar Musa telah mati. Dapat dilihat, Aminah Mokhtar menggunakan pengalamannya sebagai jururawat dalam menghasilkan cerpen Gerhana Manusia.

4.5.4.2 Rasional

Rasional bermaksud proses berfikir secara logik dan kritis dalam melakukan keputusan. Sikap rasional haruslah bijak dalam membuat keputusan yang berlandaskan logik dan fakta, bukan hanya kepada emosi semata-mata. Melalui karya Aminah Mokhtar iaitu Gerhana Manusia, pengkaji menganalisis berdasarkan unsur tindakan pengarang dalam mengubah pendirian masyarakat. Melalui cerpen ini, Doktor Murni yang merupakan doktor yang terpenting di dalam hospital tersebut meletakkan jawatan kerana hospital itu mengetepikan nilai kemanusiaan. Hal ini kerana, dalam bidang pekerjaan yang melibatkan nyawa dan kepercayaan orang, kita hendaklah adil dan amanah, bukan mengutamakan pangkat dan kewangan. Oleh itu, dapat dilihat pengarang bijak dan berani untuk menyindir sesetengah pihak dengan jelas.

Seterusnya, karya Zainal Rashid Ahmad iaitu cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil dianalisis oleh pengkaji berdasarkan rekacipta individu. Zainal Rashid Ahmad menggambarkan keperibadiannya dengan menekankan semangat patriotisme. Zainal Rashid Ahmad merupakan pengarang yang berani bertindak dalam mencari kebenaran mengenai hak dan semangat patriotisme. Hal ini juga, pengarang cenderung dalam menghasilkan karya cerpen Cinta Ahmad Mutawwakil. Berdasarkan cerpen, pengarang menceritakan sikap rasional Ahmad Mutawwakil yang berani bersuara walau telah diugut oleh komunis. Hal ini kerana, tanah Melayu merupakan hak milik kaum Melayu dan bukan kaum lain.

4.6 KESIMPULAN

Rumusannya, menganalisis berdasarkan teori Teksdealisme merupakan penelitian yang dapat mengangkat keunggulan seseorang pengarang dalam menghasilkan sebuah karya. berdasarkan kajian dan analisis yang dilakukan melalui bahagian ini ialah seorang pengarang mampu menghasilkan karya yang unggul dan berkualiti berdasarkan pengaplikasian teori Teksdealisme. Sastera merupakan nilai seni yang tertinggi. Berdasarkan perbincangan yang dilakukan, koleksi cerpen yang dipilih mempunyai nilai-nilai pendidikan yang dapat memberi kesan kepada pembaca. Hal ini juga, cerpen KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 merupakan cerpen yang kaya dengan pendidikan dan unsur-unsur yang boleh dijadikan nilai pengajaran dalam kehidupan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa pengarang yang unggul mampu mengangkat unsur pendidikan sastera berdasarkan kumpulan cerpen yang dipilih melalui penelitian teori Teksdealisme.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini merupakan bab terakhir kajian ini yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam melakukan analisis dan menjawab objektif serta persoalan kajian. Berdasarkan bab ini juga, pengkaji akan membuat rumusan berkenaan analisis, perbincangan dan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan sebelumnya. Hal ini juga, bahagian ini akan membincangkan implikasi dan cadangan yang relevan juga berkualiti yang dapat berperanan dalam membantu pengkaji lain untuk dijadikan sebagai rujukan.

5.2 Rumusan Kajian

Bahagian ini merupakan rumusan bagi objektif satu iaitu pengkaji mendapati bahawa dalam mengangkat keunggulan pengarang di dalam penghasilan sebuah karya, hendaklah dilihat menerusi prinsip-prinsip yang terdapat di dalam teori Teksdealisme. Teori Teksdealisme merupakan teori unggul yang mendefinisikan bahawa teks adalah susunan beberapa idea dan pengalaman pengarang. Teori ini juga adalah untuk mengukuhkan karya sastera Melayu ke arah yang lebih maju. Penghasilan karya sastera oleh pengarang di dalam cerpen terpilih KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 jelas memperlihatkan kreativiti dan kebijaksanaan pengarang dalam menghasilkan karya. Melalui analisis yang dilakukan berdasarkan kajian ini. Pengkaji mendapati teori Teksdealisme berhubung kait dengan keunggulan pengarang yang inovasi dan kritis melalui karyanya.

Teori Teksdealisme seharusnya diaplikasikan oleh setiap pengarang dalam menghasilkan karya sastera. Teori ini merupakan wadah dan panduan yang seharusnya digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan karya yang unggul, juga menjadikan karya sastera Malaysia setanding dengan karya luar negara yang lain. Pengkaji juga mendapati melalui analisis, mengaplikasikan pengalaman pengarang yang seakan realistik dan penggunaan bahasa yang kaya dan ciri individualisme mampu menonjolkan perbezaan, keunikan dan identiti sesebuah karya tersebut. Penciptaan karya haruslah mempunyai identiti dan memperkenalkan peribadi seseorang pengarang tersebut. Melalui karya, pembaca dapat

mengetahui keberanian, ketokohan dan kebijaksanaan seseorang pengarang tersebut dalam menghasilkan karya.

Seterusnya, rumusan bagi objektif kedua ialah pengkaji mendapati bahawa keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 menerusi penelitian teori Teksdealisme. Secara rumusannya, sastera KOMSAS merupakan komponen-komponen sastera seperti puisi, cerpen, novel dan sebagainya dalam satu subjek iaitu Bahasa Melayu. Sastera KOMSAS dapat membentuk jati diri dan sebagai wadah fikiran kepada pelajar dan pembaca melalui karya sastera. Koleksi cerpen terpilih berdasarkan kajian ini sememangnya mempunyai nilai-nilai pendidikan yang boleh diambil dan menjadi panduan kepada pelajar dan pembaca.

Antara cerpen yang dikaji oleh pengkaji ialah tiga jenis cerpen iaitu Cerpen ‘Kaduk, Ayam, dan Raja, Cerpen Munsyi’ dan Cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’ di dalam KOMSAS tingkatan 4. Selain itu, bagi KOMSAS tingkatan 5 pengkaji akan menganalisis tiga jenis cerpen iaitu Cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawwakil’, Cerpen ‘Hipertensi’ dan Cerpen ‘Gerhana Manusia’. Berdasarkan koleksi teks cerpen yang dipilih ini sememangnya dapat dijadikan pengajaran dan teladan kepada pembaca dan pelajar. Keunggulan pengarang dapat dilihat apabila berjaya menyampaikan mesej melalui watak yang dicipta menerusi cerpen. Penyusunan jalan cerita yang kreatif dan berkualiti menjadikan hasil karya seseorang pengarang mencapai keunggulan.

Berdasarkan rumusan ini, dapat dilihat koleksi cerpen terpilih oleh hasil karya pengarang-pengarang cerpen tersebut memaparkan kisah yang berkait dengan kehidupan sama ada dari segi sejarah, isu semasa, kehidupan sehari-hari, keagamaan, adat resam dan pekerjaan. Hal ini diperkatakan kerana aspek-aspek ini sememangnya situasi yang berlaku di dalam kehidupan seharian manusia sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Melalui koleksi cerpen yang dipilih memaparkan konflik kehidupan, nilai pendidikan dan pengajaran melalui watak. Kerelevan jalan cerita dan penyusunan cerita mampu menarik minat masyarakat masa kini untuk membaca karya-karya sastera. Hal ini kerana, pengarang bijak dalam menggetahkan dan menyelitkan nilai-nilai ini yang mampu melakukan perubahan dalam kehidupan individu.

Pelajar dan masyarakat kini sering mengabaikan nilai-nilai murni, karakter diri yang positif, etika, adab dan sebagainya. Justeru itu, kajian melalui koleksi cerpen terpilih ini mampu membuka mata dan memberi kesedaran kepada masyarakat dan pelajar dalam membentuk diri yang lebih positif dan inovatif. Oleh itu, menerusi penelitian teori Teksdealisme dapat melihat

keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan berdasarkan koleksi cerpen KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5.

5.3 Implikasi Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa sastera KOMSAS merupakan wadah pengajaran yang mempunyai unsur-unsur pendidikan dan harus diaplikasikan kepada pelajar. Dapat dilihat dengan jelas melalui kajian ini bahawa sastera KOMSAS mempunyai unsur pendidikan yang tepat dan lengkap melalui subjek Bahasa Melayu. Sastera KOMSAS mendedahkan pelajar kepada pelbagai jenis sastera dengan lebih mudah dan jelas difahami isi kandungannya. Sastera KOMSAS bukan sahaja mendedahkan pelajar kepada jenis sastera sahaja, namun mengasah daya pemikiran pelajar dalam mengenal pasti maksud tersurat dan maksud tersirat yang terdapat melalui sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5.

Melalui kajian ini, pengkaji hanya mengkaji koleksi cerpen sastera KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 sahaja, namun hasil implikasi kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai jenis unsur pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara (1988) melalui aspek nilai JERI iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Melalui aspek JERI, pengkaji mendapati bahawa koleksi cerpen terpilih yang dikaji merangkumi segala nilai pendidikan yang dapat dikategorikan di bawah aspek JERI. Justeru, sastera KOMSAS berdasarkan koleksi cerpen terpilih mempunyai unsur-unsur pendidikan yang boleh diangkat oleh pengarang.

Berdasarkan keunggulan pengarang dalam menghasilkan cerpen memperlihatkan teknik penulisan, idea, pengalaman dan kebijaksanaan pengarang dalam menghasilkan cerpen, Pengkaji mendapati melalui analisis bahawa pengarang bagi setiap cerpen yang dipilih melalui kajian ini mencapai keunggulan dalam menghasilkan sebuah cerpen yang unggul. Pengkaji meneliti koleksi cerpen terpilih melalui teori Teksdealisme sama ada ada aspek kehadiran, pengukuhan dan pelanggaran juga dari aspek individualisme.

Pengkaji mendapati bahawa pengarang berjaya mengaplikasikan aspek kehadiran di dalam cerpen seperti karya cerpen *Gerhana Manusia* karya Aminah Mokhtar yang menggunakan pengalaman beliau sebagai jururawat di dalam karya yang mengisahkan pekerja jururawat yang ditindas oleh majikannya. Penerapan teori Teksdealisme melalui kajian ini dapat mengesan hasil karya sastera pengarang yang menepati kehendak pembaca dan dapat menyampaikan mesej yang jelas dan bermakna. Pengarang mampu mencipta gambaran realiti yang jelas dan mengandungi emosi yang pelbagai juga berkesan kepada pembaca. Penghasilan

sesebuah karya haruslah bermakna, jelas, kreatif dan inovasi agar sesuatu karya sastera itu dianggap unggul dan pengarang juga mencapai keunggulan.

5.4 Cadangan Daripada Hasil Kajian

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan di dalam kajian ini, pengkaji akan mengetengahkan beberapa cadangan yang difikirkan sangat relevan untuk digunakan pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan berdasarkan koleksi cerpen KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 melalui teori Teksdealisme dapat mewujudkan pemikiran dan membentuk karakter yang lebih inovatif, kreatif, kritis dan matang dalam kehidupan. Oleh kerana itu, beberapa cadangan yang bertepatan dan bersesuaian dapat membentuk karakter yang kaya dengan etika dan bijak.

5.4.1 Cadangan Kepada Orang Awam

Peranan masyarakat di dalam bidang sastera amat memainkan peranan yang paling penting dalam menyokong dan meningkatkan bidang kesusasteraan ke mata dunia. Orang awam seharusnya membaca dan menyokong segala karya sastera seperti cerpen yang memiliki unsur pendidikan. Melalui penulisan oleh pengarang, orang awam dapat mendorong hasil penulisan penulis dalam bertujuan untuk menyampaikan nilai pendidikan melalui cerpen.

Orang awam juga boleh menyebarkan unsur pendidikan yang terdapat di dalam cerpen ini melalui media sosial. Penggunaan platform media sosial dalam menyebarkan pesanan pendidikan yang terdapat di dalam cerpen. Orang awam dapat berkongsi pemikiran sesama mereka dan membincangkan nilai-nilai pendidikan yang terkandung di dalam karya sastera melalui media sosial.

5.4.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan

Cadangan yang seterusnya ialah cadangan pihak kerajaan yang seharusnya menyokong dan melakukan program-program pendidikan sastera dengan lebih aktif dan besar-besaran. Kerajaan iaitu pemerintah haruslah menyokong dan mendorong perlaksanaan program-program pendidikan sastera seperti penulisan cerpen dengan nilai-nilai pendidikan. Kerajaan boleh mewujudkan program yang melibatkan penulisan seperti pertandingan penulisan, pameran sastera, memperkenalkan karya sastera dan sebagainya. Program seperti ini boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja dan di mana-mana sahaja dengan penglibatan secara terbuka untuk setiap masyarakat. Penglibatan yang ramai dan terbuka ini dapat memperkenalkan karya sastera kepada semua lapisan masyarakat. Program seperti ini juga dapat menarik minat orang ramai dalam bersama-sama menyokong produk sastera.

Seterusnya, kerajaan juga boleh menerapkan karya sastera seperti cerpen di dalam kurikulum pendidikan formal. Hal ini akan membantu pelajar dalam mengembangkan pemahaman mendalam tentang nilai-nilai pendidikan yang dapat diambil melalui cerita. Kerajaan boleh mengesyorkan dan mengusulkan penubuhan persatuan dan kelab di bawah kesusteraan sebagai kelab utama di sekolah. Kewujudan persatuan ini bukan sahaja dapat memberikan nilai pengajaran dan pendidikan, malahan persatuan ini juga dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis dan berfikir pelajar. Seharusnya, pendidikan sastera di dalam Bahasa Melayu harus diutamakan kerana ia bukan sahaja menjadi sebab pelajar wajib lulus sahaja. Tetapi bidang sastera dapat membantu pemikiran pelajar ke arah masa hadapan yang lebih cerah dengan penguasaan bahasa, gaya bahasa dan pemikiran yang kritis.

5.4.3 Cadangan Kepada Industri

Terdapat beberapa cadangan yang boleh pihak industri lakukan iaitu industri penerbitan dapat menyediakan bahan bacaan yang berkualiti tinggi dan bersesuaian dengan teras dan kurikulum pendidikan mengikut peredaran zaman. Industri dapat bekerjasama dengan pengarang tempatan yang mempunyai pengaruh dan keunggulan dalam menghasilkan karya dalam merangkai unsur pendidikan dalam cerpen KOMSAS dengan lebih mendalam dan terperinci. Pihak industri juga boleh berperanan untuk mendorong pengarang dalam mempelbagaikan gaya bahasa dan gaya penulisan pengarang yang mudah difahami, namun

indah dan bermakna agar hasil karya cerpen KOMSAS tersebut dapat menarik perhatian pelajar juga siswa dalam mempelajari karya ini dengan lebih menarik.

Pihak industri juga boleh mempromosikan pengarang yang memiliki keunggulan dalam mengangkat unsur pendidikan melalui cerpen. Hal ini dapat dilakukan melalui pemberian peluang penerbitan, promosi, komersial, bantuan kewangan kepada pengarang tempatan. Oleh hal yang demikian, pihak industri juga boleh berkolabiasi dengan institusi pendidikan seperti sekolah, universiti awam dan universiti swasta dalam mengintegrasikan karya sastera di dalam silibus juga kokurikulum. Melalui jalinan kerjasama ini, keperluan yang dikehendaki oleh Lembaga Pendidikan dapat difahami dan pendidikan sastera dapat diangkat sebagai wadah yang unggul dan mempunyai unsur pendidikan yang harus diterapkan kepada semua pelajar.

Pihak industri teknologi juga boleh mewujudkan dan mengembangkan aplikasi pendidikan yang menggunakan cerpen sebagai wadah pembelajaran. Aplikasi ini dapat membantu pelajar dalam memahami konsep-konsep pendidikan dengan kaedah yang lebih kreatif dan menarik. Pihak industri dapat menyusun koleksi cerpen KOMSAS yang beragam dan merangkumi pelbagai jenis tema juga genre di dalam aplikasi tersebut bagi memaparkan pelbagai aspek kehidupan kepada pelajar.

5.4.4 Cadangan kepada Pengkaji Lain

Beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh pengkaji lain ialah dengan mengadakan seminar dan konferensi yang membahaskan peranan cerpen KOMSAS dalam pendidikan berdasarkan teori Teksdealisme. Hal ini juga dapat memperluaskan pemahaman dan wawasan masyarakat tentang potensi pendidikan dalam kesusasteraan. Pengaplikasian teori Teksdealisme juga dapat meningkatkan pemahaman pembaca atau pengkaji lain dalam menganalisis dan menghasilkan karya yang unggul. Fungsi program seperti seminar ini dapat menyampaikan kepada masyarakat bahawa sesuatu nilai pendidikan bukan sahaja terdapat di dalam filem, ketika pembelajaran atau sebagainya, namun sesuatu pendidikan boleh juga dipelajari melalui teks. Pemahaman pembaca dalam memahami konteks di dalam cerita dapat meningkatkan daya fikir pembaca. Seminar ini mampu memberikan pendidikan kepada masyarakat.

Selain itu, melakukan penelitian tentang kerelevan cerpen dalam menyampaikan unsur pendidikan dapat memberikan panduan bagi penulis dan pengarang untuk meningkatkan kualiti cerpen pendidikan. Pengkaji lain haruslah melakukan penelitian dan kajian berkenaan unsur pendidikan di dalam KOMSAS. Penggunaan KOMSAS di sekolah menengah seharusnya telah memberikan penjelasan atau kesedaran kepada pelajar dalam memahami karya sastera KOMSAS. Oleh itu, pengkaji boleh menghasilkan karya yang lebih pelbagai dalam meneliti unsur pendidikan di dalam KOMSAS. Kajian yang pelbagai ini dapat memberikan pendedahan kepada pelajar untuk berfikir di luar kota. Usaha ini bukan sahaja dapat memberikan nilai pendidikan tetapi juga dapat menghasilkan karya sastera KOMSAS dengan lebih unggul.

5.5 Kesimpulan

Rumusan yang dapat dilihat ialah, pengkaji berharap agar kajian yang dijalankan ini dapat memberikan panduan dan manfaat kepada individu, masyarakat, industri dan pengkaji lain berkaitan keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan berdasarkan koleksi cerpen KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5 melalui penelitian teori Teksdealisme. Menerusi kajian ini, pengkaji menyatakan unsur-unsur pendidikan yang terdapat di dalam koleksi cerpen terpilih dalam melihat keunggulan pengarang. Teori Teksdealisme yang diaplikasikan melalui kajian ini mendedahkan bahawa penggunaan teori ini dapat memaparkan keunggulan pengarang dan hasil karya yang dihasilkan menepati karya yang berkualiti dan bermutu. Melalui jalan cerita, gaya bahasa, penulisan peribadi pengarang, pengalaman dan aspek individualisme pengarang dalam menghasilkan cerpen yang menekankan unsur pendidikan sama ada dari sudut makna tersurat atau tersirat.

Selain itu, melalui kajian ini juga menunjukkan bahawa keunggulan pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya yang jelas dan bermutu dapat memaparkan kepada pembaca dalam melihat gambaran yang mendalam mengenai nilai-nilai karya sastera yang indah, bermakna dan unggul. Pemaparan jalan cerita yang dihasilkan pengarang juga mempunyai unsur realistik iaitu pengarang menghayati jalan cerita yang dihasilkan sehingga memberikan gambaran yang jelas dan bermakna melalui teks untuk didalami oleh pembaca. Teori Teksdealisme membantu dalam mengangkat keunggulan pengarang dalam menghasilkan karya yang bermutu dan unggul. Akhir sekali, kajian ini menekankan bahawa keunggulan pengarang dalam mengangkat unsur pendidikan melalui koleksi cerpen KOMSAS tingkatan

4 dan tingkatan 5 menerusi penelitian teori Teksdealisme memberikan pengalaman estetika dan nilai pendidikan yang tinggi dan unggul hasil ciptaan pengarang dalam berkarya. Hal ini juga, kajian ini memberikan kepuasan kepada pengkaji kerana melalui kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti nilai pendidikan di dalam cerpen dan dapat mengangkat keunggulan pengarang yang berkualiti dalam penghasilan sebuah karya sastera.



RUJUKAN

- Ali Abdul Halim. (2011). Proses kreativiti A. Samad Said berdasarkan teori Teksdealisme. *Jurnal Melayu*, 6(11), 168-172.
- Azhar Wahid. (2019). Keupayaan Teksdealisme mengangkat keunggulan pengarang. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Kajian Peribumi Isu*, 1(1), 1-8.
- Abdul Halim Ali, Mana Sikana & Azhar Wahid. (2012). Pemikiran dalam novel siber kasih darmia dari aspek teori estetika bersepada. *Prosiding: Seminar dan kritikan sastera Malaysia*.
- Ahmad, Rozani. (2017). Keupayaan menggunakan KOMSAS sebagai kompetensi pengajaran guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(2), 65-76.
- Abdul Halim Ali. (2012). Proses kreatif A. Samad Said dalam penghasilan karya kreatif. *PENDETA*, 3(1), 155-180.
- Arba'ie Sujud, Salihahs Razak., & Siti Rabiatul. (2015). Pemikiran politik: Pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shahnon Ahmad. *Jurnal Antarabangsa Dunia dan Tamadun*, 3(1),67-78.
- Ahmad Zaidi Baharuddin., & Ani Omar. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam drama. *EDUCATUM Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 32-39.
- Alan Bryman. (2016). *Social research methods*. Oxford university press.
- Azman Ismail. (2018). Novel-novel Shahnon Ahmad dalam perspektif etnografi semantik. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 1-30.
- Ariff Mohamad. (2009). Analisis kesesuaian pemilihan teks bagi genre cerpen dan novel komponen sastera dalam pendidikan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 1(2), 720-728.
- Ariff Mohamad., & Siti Khariah. (2009). *Kesusasteraan dalam pengajaran bahasa Melayu*. Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Bethany Pettifor. (1999) Physical education methods for classroom teachers, *Physical education for children; Study and teaching (Elementary)*. (p.p. 343). United States Physical
- Chew Fong Peng. (2009). Pendidikan sastera perpaduan menerusi KOMSAS tingkatan 4: Perlaksanaan dan kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 15-31.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi keempat). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Ketiga). (2002). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Daniel Goleman. 1995. *Emotional intelligence: What it can matter more than IQ*. New York. Emotional Books.
- Elmi Baharuddin., & Zainab Ismail. (2015). Kecerdasan ruhaniah membentuk manusia unggul. *Islamiyyat*, 37(2), 97.
- Fauzi Hasan., Tengku Intan Marliana., & Madiawati Mamat. (2018). Individualisme Faisal Tehrani dalam kepengarangan berdasarkan novel-novel terpilih. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 31-60.
- Farah Humairah., & Nik Rafidah. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan Mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA*, 7(1), 35-51.
- Fatin Noor Ain., & Azhar Wahid. (2019). Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14(2), 35-48.
- Ghazali Din., & A. Halim Ali. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26-41.
- Hasrina Baharum., Norazimah Zakaria., Nordiana Hamzah., & Ariff Mohamad. (2018). Pendidikan kepelbagaiannya budaya dalam sejambak bakti. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 210–232.
- Hasrina Baharum., & Nordiana Hamzah. (2017). Teks KOMSAS sebagai sumber pembelajaran dan pengajaran peribahasa Melayu melalui pendekatan kontekstual. Prosiding Persidangan Antarabangsa mengenai Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa11(3), 151-165.
- Habiburrahman. (2016). *Analisis intertekstualiti dalam puisi dinyanyikan karya Taufiq Ismail*. [Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository.
- Hornby. (1985). *Oxford advanced learner's dictionary*. Oxford University Press.
- Ira Suryani., & Wahyu Sakban. (2022). Aplikasi akhlak manusia terhadap dirinya, Allah SWT, dan Rasulullah SAW. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 6(1), 97-104.
- Lim Swee Tin. (1999). Aspek-aspek kemasyarakatan dalam sajak-sajak Usman Awang tahun 1940-an dan 1950-an (Disertasi kedoktoran, Universiti Putra Malaysia), 1(3), 61-65.
- Mohd Fathi Adnan., Rohana Hamzah., & Amirmudin Udin. (2010). Implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. In *Seminar EduPress* (pp. 1- 16).
- Mohamed Nazreen Shahrul Hamid., & Md Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Melayu. Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Mohd Daud Ibrahim., & Rohaidah Kamaruddin. (2015). Mesej pengarang: Satu penelitian terhadap novel Anak Titiwangsa karya Sasterawan Negara Keris Mas: *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(2), 17-25.

- Mohamad Rosmizi., Ghazali Din., & Phaosan Jehwae. (2020). Keunggulan kepenggarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *PENDETA*, 11(1), 68-87.
- Muhammad Irfan Nyia. (2013). *Budaya dalam puisi-puisi Muhammad Haji Salleh: Kajian teori Sastera Budaya*. [Disertasi kedoktoran, Universiti Sains Malaysia]. Eprints USM.
- Mohd Azam Ahmad. (2015). *Kupasan dan kajian KOMSAS bitara tingkatan 5*. SASBADI Sdn. Bhd.
- Mohd Haidi Mohd Kasran. (2021). Kerangka akidah dalam kurikulum pendidikan rendah di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 9(3), 3-12.
- Maznida Mahadi., Tengku Intan Marlina., Salinah Ja'afar., & Mawar Shafei. (2019). Tema kepentingan kepelbagaian gadjet dan komunikasi digital. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 408-421.
- Mohd Azam Ahmad., & Mohd Isham Embong . (2015). *Kupasan & kajian KOMSAS bitara tingkatan 5*. VinlinPress Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1996). *Teori Teksdealisme*. Pustaka karya.
- Mohd Nazri Zainuddin. (2015). *Novel Tengku Menteri dan Urih Pesisir analisis kepimpinan berkualiti dengan teori Teksdealisme*. [Disertasi Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository.
- Mohd Rosli Saludin. (2013). Puisi Melayu tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 1-13.
- Mohamad Shaidan., & Shaiful Bahri. Tradisionalis, penyimpangan dan puisi sukar dalam puisi Melayu moden. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. 8(3), 11-22.
- Mohd Saipuddin., Nordiana., Norazimah., Lim Ying Xuan. (2023). Pembinaan teori Teksdealisme dan penelitian terhadap karya puisi konkrit. *Jurnal Antarabangsa Masa Depan Kreatif dan Warisan*, 11(1), 37-53.
- Mohamed Faizul., Muhammad Faizal., Shahrir Jamaluddin., Syed Kamaruzaman., & Mohamed Seman. (2020). Model amalan penakulan pedagogi dan tindakan pengajaran: Satu kajian guru pendidikan jasmani sekolah menengah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(2), 71-93.
- Nurfarhana Che Awang., & Azmil Tayeb. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Konsep Kewarganegaraan Inklusif: Antara normatif dan realiti suatu kajian komprehensif. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Malaysia*, 7(5), 170-240.
- Norhayati Ab Rahman. (2022). Wacana budaya dan seni dalam puisi Melayu moden oleh penyair negeri Kelantan. *Kesusasteraan Melayu*, 35(1), 83-108.
- Nur Nafishah Azmi., Rohani Hashim., & Rahimah A.Hamid. (2012). Kesetiaan kepada teks: Dari novel ke filem Ranjau Sepanjang Jalan. *Persidangan Shahnon Ahmad Salam Sastera, Media dan Budaya*. Persidangan Shahnon Ahmad dalam Sastera, Budaya dan Media, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM & Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-19.

- Nur Azuki Yusuff & Rosdi Abd Rahman. (2014). *Pendidikan berpaksikan JERI (Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual) sebagai matrix kritikal pembasmian kemiskinan*. In: 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education (ICIEd 2014), 31 May - 2nd June 2014, Perdana Hotel, Kota Bharu, Kelantan. (Unpublished).
- Peter Salovey., & David Sluyter. (1997). *Emotional development and emotional intelligence: Educational implications*. Basic Books.
- Rahmah Ahmad., & Mohd Shahrizal. (2013). Unsur-unsur Retorik dalam Puisi Melayu. *Jurnal Usuluddin*, 3(7), 117-150.
- Rohaidah Kamaruddin., & Nur Amira. (2016). Makna dalam puisi terpilih Usman Awang. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 4(3), 57-64.
- Ruziwati Abu Sawah. (2019). Gaya keibubapaan dalam novel *KOMSAS Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora* berdasarkan analisis Teksdealisme. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 192-216.
- Rajiee Abdul Hadi. (1998). *Kepengarangan T. Alias Taib: Satu kajian Teksdealisme*. Tesis Sarjana. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riana Dwi Lestari., & Ely Syarifah Aeni. (2018). Penggunaan gaya bahasa perbandingan pada kumpulan cerpen mahasiswa. *Semantik*, 7(1), 150-225.
- Rafiza Abdul Razak. (2013). Pembelajaran berasaskan penghasilan penceritaan digital multimedia bagi menganalisis novel Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1), 53-64.
- Rohizani Yaakub. (1996). *Drama-drama Ismail Kassan : Satu analisis Teksdealisme*. Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruziwati Abu Samah. (2019). *Teori Teksdealisme dalam gaya keibubapaan novel KOMSAS Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora*. [Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository.
- Rahmah Ahmad H. Osman., & Mohd Shahrizal Nasir. (2013). Unsur-unsur retorik dalam puisi Melayu Al-Amin karya A. Samad Said. *Jurnal Usuluddin*, 37(3), 117-150.
- Syahirah Rosli., Siti Fairuz Mahmud., & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103.
- Sara Beden. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme: *PENDETA*, 10(4), 36-56.
- Saharia Hj. Ismail. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Pembangunan Modal Insan*, 8(2), 83-100.
- Siti Zamrah Isa., & Che Ibrahim. (2014). Pemikiran Za'ba dalam membentuk jati diri Melayu. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 2(2), 21-29.

- Samin Rabani. (2016). *Analisis drama Mana Sikana dari perspektif teori New Historisme*. [Disertasi kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository.
- Sudirman Kiffli., Fairuladilan bin Hamadun., Md Ariff., Daeng Haliza., & Hidayat. (2020). Konflik dalam legenda Puteri Saadong. *Jurnal Antarabangsa Masa Hadapan Kreatif dan Warisan*, 8(2), 86-97.
- Shamsudin Othman., & Abdul Rasid Jamian. (2013). Keberkesanan cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 151- 164.
- Saifur Rohman. (2020). *Pembelajaran cerpen*. Bumi Aksara.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Pengalaman ilmu imaginasi dan kitarannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Khariah., & Kamarulzaman Ibrahim. (2012). Watak dan peranan wanita dalam Sulalatus Salatin. *Jurnal Peradaban Melayu*, 7, 157-180.
- Sharifah Alwiah. (2006). *Falsafah Pendidikan*. Heinemann Educational Books.
- Sapie Sabilan., Mohamed Lip., Mohammad Fuad., Shazarina Zdainal., & Suziana Hanini. (2018). Konsep penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bangi* (Vol. 1980, pp. 1-13).
- Saleh Ahmad & Mohd Isham. (2014). *Kupasan & kajian KOMSAS bitara Tingkatan 4*. C.T.Book Makers Sdn. Bhd.
- Tengku Sarina., & Yusmin Md Yusoff. (2006). *Kaedah mengajar & kemahiran interpersonal guru*. Pts Professional Publishing.
- Tengku Intan Marlina., Madiawati Mamat., & Fauzi Hasan. (2017) Novel-novel Faisal Tehrani dari perspektif Teksdealisme. *Jurnal Pengajian Melayu*, 28(1), 262-287.
- Wahab Ali. (2009). Perkembangan cerpen Melayu: Dari cerita moyang ke Dewan Sastera. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 27(2), 109-123.
- Zurakintan Abdul Razak., & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 3(2), 121- 129.
- Zubir Idris., & Muhd Norizam Jamian. (2019). Kebijaksanaan adab dalam hikayat Melayu tradisional. *Akademika*, 89, 81-91.
- Zulkifli Ismail. (2019). Kisah percintaan dan penggembengan watak dan perwatakan dalam novel popular Adam dan Hawa karya Aisyah Sofea. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 7(3), 51-62.

LAMPIRAN

Teori sastera
teksdealisme /
Mana Sikana.

Mana Sikana



